PROSPEKTUS

Halogen Shariah Bitcoin ETF

(dana dagangan bursa Islam yang ditubuhkan dan dibentuk di Malaysia pada 28 Oktober 2026)

PROSPEKTUS INI ADALAH BERHUBUNG DENGAN PENAWARAN SEHINGGA 1,000,000,000 UNIT HALOGEN SHARIAH BITCOIN ETF PADA HARGA TAWARAN AWAL USD1.00 SETIAP SATU SELARAS DENGAN PENYENARAIAN UNIT-UNIT DI PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaraian atau sebut harga untuk unit-unit Halogen Shariah Bitcoin ETF ("Dana") di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus ini, tidak harus dianggap sebagai menandakan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana ini atau menerima tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa juga cara, mempertimbangkan merit sekuriti-sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa ketakdedahan di pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab ke atas Dana dan tidak akan bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus ini, tidak membuat sebarang representasi berhubung dengan ketepatan atau kesempurnaannya, dan secara jelas menafikan sebarang liabiliti ke atas apa-apa kerugian yang anda mungkin tanggung disebabkan atau dalam pergantungan kepada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus ini.

Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak harus dianggap sebagai petanda merit penawaran, Dana atau unit-unitnya.

Pengurus

Halogen Capital Sdn Bhd
No. Pendaftaran: 202101022404 (1422704-T)

Pemegang Amanah

Universal Trustee (Malaysia) Berhad
No. Pendaftaran: 197401000629 (17540-D)

Penasihat Syariah

Amanie Advisors Sdn Bhd
No. Pendaftaran: 200501007003 (684050-H)

PELABUR DINASIHATKAN SUPAYA MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INI. SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG KERAGUAN, SILA DAPATKAN KHIDMAT NASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT MENGENAI FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL PELABUR, SILA RUJUK "FAKTOR RISIKO" YANG BERMULA DI MUKA SURAT 24.

Prospektus ini bertarikh 27 November 2026.

Semua istilah yang digunakan ditakrifkan dalam bahagian "Definisi" yang bermula di muka surat 1 Prospektus ini.

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Para pengarah kepada Pengurus telah meneliti dan meluluskan Prospektus ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh atas ketepatan maklumat. Selelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang jika ditinggalkan, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN TAMBAHAN

Pelabur perlu mengambil perhatian bahawa mereka boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti, termasuk mana-mana kenyataan dalam Prospektus ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau yang dalamya terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa perbuatan mengelirukan atau memperdaya berkaitan dengan Prospektus ini atau kelakuan mana-mana pihak lain berkaitan dengan Dana.

Prospektus ini boleh juga dibaca atau dimuat turun daripada laman sesawang Bursa Malaysia Securities Berhad di ***www.bursamalaysia.com***.

Tidak ada tindakan yang telah atau akan diambil untuk membenarkan penawaran Unit-unit atau pengedaran Prospektus ini dalam mana-mana bidang kuasa selain Malaysia dan dengan itu, Prospektus ini bukan merupakan tawaran atau jemputan dalam mana-mana bidang kuasa yang tawaran atau jemputan tersebut adalah tidak sah di sisi undang-undang atau yang orang yang membuat tawaran atau jemputan tersebut tidak layak untuk melakukannya atau kepada sesiapa yang ia adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau jemputan tersebut. Pelabur-pelabur harus mendapatkan nasihat profesional bagi menentukan (a) akibat cukai mungkin, (b) keperluan undang-undang dan (c) sebarang sekatan pertukaran asing atau keperluan kawalan pertukaran yang mereka mungkin hadapi di bawah undang-undang negara yang mereka mempunyai kewarganegaraan, bermastautin atau domisil mereka bagi pemerolehan, pemegangan atau pelupusan Unit-unit.

PENYATAAN DANA ISLAM

Dana yang ditawarkan dalam Prospektus ini telah disahkan patuh Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik untuk Dana ini.

PROSPEKTUS ELEKTRONIK

Kandungan salinan elektronik bagi Prospektus ini dan salinan Prospektus ini yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah sama. Bakal pelabur boleh mendapatkan salinan Prospektus Elektronik daripada laman sesawang Dana di ***https://halogen.my***. Internet bukan merupakan medium yang selamat sepenuhnya. Jika pelabur meragui kesahan atau keutuhan Prospektus Elektronik, maka pelabur mesti dengan serta-merta memohon daripada Pengurus salinan kertas atau bercetak Prospektus ini. Jika terdapat sebarang perbezaan antara kandungan Prospektus Elektronik dan salinan kertas atau bercetak Prospektus ini, maka kandungan salinan kertas atau bercetak Prospektus ini yang sama dengan salinan Prospektus ini yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan diterima pakai.

Berhubung dengan mana-mana rujukan dalam Prospektus ini kepada laman Internet pihak ketiga (dirujuk sebagai "Laman Internet Pihak Ketiga"), sama ada melalui hiperpautan atau melalui huraian Laman Internet Pihak Ketiga, pelabur mengakui dan bersetuju bahawa:

(i) setiap daripada Pengurus, Penasihat Syariah dan Peniaga yang Menyertai tidak mengesyorkan dan tidak bersekutu dalam sebarang cara dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Dengan itu, setiap daripada Pengurus, Penasihat Syariah dan Peniaga yang Menyertai tidak bertanggungjawab ke atas ketersediaan, atau kandungan mana-mana data, fail atau bahan lain yang disediakan di Laman Internet Pihak Ketiga. Pelabur menanggung semua risiko yang berkait dengan capaian kepada atau penggunaan Laman Internet Pihak Ketiga;

(ii) setiap daripada Pengurus, Penasihat Syariah dan Peniaga yang Menyertai tidak bertanggungjawab ke atas kualiti produk atau perkhidmatan Laman Internet Pihak Ketiga, khususnya dalam menunaikan mana-mana terma perjanjian dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Setiap daripada Pengurus, Penasihat Syariah dan Peniaga yang Menyertai juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau kos yang mungkin dialami atau ditanggung oleh pelabur berhubung dengan atau disebabkan berurusan dengan Laman Internet Pihak Ketiga atau penggunaan atau pergantungan kepada sebarang data, fail atau bahan lain yang disediakan oleh pihak tersebut; dan

(iii) apa-apa data, fail atau bahan lain yang dimuat turun daripada Laman Internet Pihak Ketiga dilakukan atas budi bicara dan risiko pelabur sendiri. Setiap daripada Pengurus, Penasihat Syariah dan Peniaga yang Menyertai tidak akan bertangungjawab, menanggung liabiliti atau mempunyai kewajipan ke atas sebarang kerosakan kepada sistem komputer pelabur atau kehilangan data yang berlaku kerana memuat turun mana-mana data, maklumat, fail atau bahan lain.

Apabila Prospektus Elektronik dihoskan di laman sesawang Dana (iaitu, ***https://halogen.my***), pelabur dimaklumkan bahawa:

(i) dan Pengurus hanya bertanggungjawab berhubung dengan integriti kandungan Prospektus Elektronik setakat yang kandungan Prospektus Elektronik di pelayar sesawang Pengurus yang boleh dibaca melalui pelayar sesawang pelabur atau perisian berkaitan lain. Pengurus tidak akan bertanggungjawab ke atas keutuhan kandungan Prospektus Elektronik yang telah diperoleh daripada pelayar sesawang Pengurus dan kemudiannya disampaikan atau disebarkan melalui apa-apa kaedah kepada pelabur atau pihak lain;

(ii) manakala semua langkah munasabah telah dilaksanakan bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Elektronik, ketepatan atau kebolehpercayaan Prospektus Elektronik tidak boleh dijamin kerana Internet bukan merupakan medium yang selamat sepenuhnya.

Pengurus tidak bertanggungjawab (sama ada dalam tort atau kontrak atau selainnya) ke atas sebarang kerugian, kerosakan atau kos yang pelabur atau mana-mana orang lain mungkin alami atau tanggung disebabkan, sebagai akibat daripada atau berhubung dengan sebarang ketaktepatan, perubahan, pindaan, pengguguran atau peninggalan berhubung dengan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Elektronik yang mungkin berlaku berhubung dengan atau disebabkan apa-apa kesilapan dengan pelayar sesawang atau perisian berkaitan lain, sebarang kesilapan pada komputer peribadi, sistem pengendalian atau perisian lain pelabur atau mana-mana pihak ketiga, virus atau ancaman keselamatan lain, capaian tanpa izin kepada maklumat atau sistem berhubung dengan pelayar sesawang Pengurus, dan/atau masalah yang berlaku ketika penghantaran data yang mungkin menyebabkan salinan tidak tepat atau tidak lengkap maklumat dimuat turun atau dipaparkan pada komputer peribadi pelabur.

PENYATAAN PENDEDAHAN DAN SYARAT PELESENAN

Berikut adalah penyataan yang perlu didedahkan dalam Prospektus ini di bawah Perjanjian Lesen Induk yang dimeterai antara FTSE International Limited dan Pengurus bertarikh 24 Ogos 2026 dan apa-apa syarat pelesenan untuk penggunaan Penanda Aras, termasuk rancangan luar jangka sekiranya berlaku pemberhentian ketersediaan Indeks Penanda Aras.

Halogen Shariah Bitcoin ETF ("Dana") telah dibangunkan sepenuhnya oleh Halogen Capital Sdn. Bhd. "Dana" tidak melalui sebarang cara berkait dengan atau ditaja, disyorkan, dijual atau dipromosikan oleh London Stock Exchange Group plc dan usaha niaga kumpulannya (secara kolektif, "LSE Group"). FTSE Russell ialah nama dagangan bagi syarikat-syarikat tertentu LSE Group. Semua hak dalam FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT) ("Penanda Aras") terletak hak dalam syarikat LSE Group berkaitan yang memiliki Indeks Penanda Aras. FTSE Russell ialah tanda(-tanda) dagangan syarikat LSE Group berkaitan dan digunakan oleh mana-mana syarikat LSE Group lain di bawah lesen. Penanda Aras dikira oleh atau bagi pihak FTSE International Limited atau syarikat sekutu, ejen atau rakan kongsinya. LSE Group sama sekali tidak menerima sebarang liabiliti kepada mana-mana orang akibat daripada (a) penggunaan, pergantungan pada atau sebarang ralat dalam Indeks Penanda Aras atau (b) pelaburan dalam atau operasi Dana. LSE Group tidak membuat sebarang dakwaan, ramalan, waranti atau representasi sama ada berhubung dengan hasil yang akan diperoleh daripada Dana atau kesesuaian Penanda Aras untuk tujuan yang digunakan oleh Halogen Capital Sdn. Bhd.

Penanda Aras, iaitu FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT), yang adalah sebahagian daripada FTSE Digital Asset Index Series, mencerminkan harga penyelesaian Bitcoin sebagaimana yang ditentukan oleh FTSE DAR Reference Price Methodology.

FTSE International Limited ("**Pentadbir Penanda Aras**") telah bekerjasama dengan Digital Asset Research ("**DAR**") untuk meliputi secara menyeluruh pasaran aset digital melalui FTSE Single Digital Asset Index Series. FTSE Single Digital Asset Index Series direka bentuk untuk menyediakan kepada peserta pasaran suatu mekanisme untuk menilai pelaburan dan harga aset digital. Semua indeks menggunakan data harga rujukan yang disemak dengan teliti merentasi bursa-bursa, menetapkan standard yang tinggi untuk penjagaan baik dan meliputi julat luas kriteria asas dan teknikal.

Penanda Aras dilancarkan pada 6 Julai 2026. Ia didasarkan secara material pada metodologi yang sama (kecuali masa pengiraan) sebagaimana FTSE DAR Bitcoin Reference Rate, yang pertama kali diperkenalkan pada November 2020. Penanda Aras direka bentuk untuk memenuhi keperluan EU BMR dan UK BMR.

Lembaran fakta indeks, senarai terkini Constituent Exchanges dan apa-apa maklumat tambahan lain berkenaan metodologi Penanda Aras tersedia di ***https://www.lseg.com/en/ftse-russell/indices/digital-asset-market-cap***.

Tidak ada jaminan atau kepastian bagi replikasi tepat atau serupa pada mana-mana masa bagi prestasi Penanda Aras.

Terdapat ketiadaan budi bicara Dana untuk menyesuai kepada perubahan pasaran disebabkan sifat pelaburan bawaan Dana, dan bahawa kejatuhan dalam Penanda Aras dijangka akan menyebabkan kejatuhan sepadan dalam nilai Dana.

Pelaburan Dana akan ditumpukan dalam Bitcoin.

Sekiranya berlaku penamatan atau pemberhentian Penanda Aras disebabkan apa perkara sekalipun, atau penamatan Perjanjian Lesen Induk selaras dengan terma-termanya, Pengurus boleh, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, memohon kelulusan awal Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menggantikan FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT) dengan penanda aras lain yang mempunyai objektif yang serupa.

Sila Rujuk Bahagian 2.6 dan juga bahagian bertajuk "Risiko-risiko yang berkait dengan Penanda Aras" dalam Bahagian 3.2 untuk maklumat lanjut mengenai Penanda Aras.

DEFINISI 1

JADUAL INDIKATIF 7

DIREKTORI KORPORAT 8

1. RINGKASAN EKSEKUTIF 10

1.1 Ringkasan Butir-butir Dana 10

1.2 Perincian Urus Niaga, Yuran, Caj dan Perbelanjaan 12

1.2.1 Yuran Langsung Melalui Peniaga yang Menyertai 12

1.2.2 Yuran Langsung Melalui Bursa Securities 13

1.2.3 Yuran Tidak Langsung 13

1.3 Kos Penubuhan Dana 14

1.4 Maklumat Lain 14

1.5 Saluran untuk Mendapatkan Nasihat 14

2. HALOGEN SHARIAH BITCOIN ETF 15

2.1 Objektif Pelaburan 15

2.2 Profil Pelabur 15

2.3 Dasar dan Strategi Pelaburan 15

2.4 Peruntukan Aset 15

2.5 Jagaan Bitcoin 15

2.6 Penanda Aras 16

2.7 Pelaburan Dibenarkan 18

2.8 Garis Panduan Pelaburan Syariah 18

2.9 Sekatan dan Batasan Pelaburan 19

2.10 Dasar Pengagihan 20

2.11 Penilaian untuk Dana 20

2.12 Penilaian Aset 20

2.13 Ralat Penjejakan & Strategi untuk Meminimumkan Ralat Penjejakan Tersebut 20

2.14 Dasar Pengimbangan Semula Portfolio Pelaburan 21

2.15 Strategi dan Teknik Pengurusan Risiko 21

2.16 Maklumat Tambahan berkaitan Bitcoin 21

2.17 Penyenaraian Dana 21

2.18 Dagangan Silang 22

3. FAKTOR-FAKTOR RISIKO 24

3.1 Risiko Am Melabur dalam ETFs dan Khususnya dalam Dana ini 24

3.2 Risiko Khusus Melabur dalam Dana 27

4. YURAN DAN CAJ 32

4.1 Yuran dan Caj yang ditanggung secara langsung oleh Pelabur 32

4.1.1 Caj untuk penciptaan dan penebusan Unit melalui Peniaga yang Menyertai 32

4.1.2 Caj untuk membeli dan menjual Unit di Bursa Securities 32

4.2 Yuran yang Ditanggung SecaraTidak Langsung oleh Pelabur 33

4.3 Kos Penubuhan Dana 33

4.4 Perbelanjaan Dibenarkan 33

4.5 Dasar Mengenai Rebat dan Komisen Ringan 35

5. UNIT-UNIT DANA 36

5.1 Permohonan untuk Pembelian dan Penjualan Unit-unit 36

5.1.1 Sebelum Penyenaraian 34

5.2.2 Selepas Penyenaraian 34

5.2 Pelabur dan Peniaga yang Menyertai 37

5.2.1 Prosedur untuk Penciptaan *In-Kind* dan Penciptaan Tunai 38

5.2.2 Peruntukan Terpakai untuk Penciptaan *In-Kind* dan Penciptaan Tunai 38

5.2.3 Peruntukan Terpakai untuk Penebusan *In-Kind* dan Penebusan Tunai 41

5.2.3.1 Prosedur untuk Penebusan *In-Kind* 41

5.2.3.2 Prosedur untuk Penebusan Tunai 44

5.3 Pengiraan NAV 47

5.4 Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan 47

5.5 IOPV 47

5.6 Mendapatkan Maklumat Mengenai NAV dan IOPV 48

5.7 Dagangan Unit-unit di Bursa Securities (pasaran sekunder) 48

5.8 Harga Dagangan Unit 48

5.9 Pembuatan Pasaran 48

6. Terma-terma Penting Surat Ikatan 49

6.1 Hak Pemegang-pemegang Unit 49

6.2 Liabiliti dan Batasan Pemegang Unit 49

6.2.1 Liabiliti 49

6.2.2 Batasan 50

6.3 Yuran dan Caj Maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan 50

6.4 Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan 51

6.5 Persaraan Pengurus 53

6.6 Kuasa Pemegang Amanah untuk memecat atau menggantikan Pemegang Amanah 53

6.7 Persaraan Pemegang Amanah 54

6.8 Kuasa Pengurus untuk memecat atau menggantikan Pemegang Amanah 54

6.9 Penamatan Dana 55

6.10 Mesyuarat Pemegang Unit 55

7. TENTANG PENGURUS Error! Bookmark not defined.

7.1 Latar Belakang dan Pengalaman 58

7.2 Lembaga Pengarah 58

7.3 Jawatankuasa Pelaburan 62

7.4 Personel Penting dan Pengurus Dana Dilantik 63

7.5 Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pengurus 63

7.6 Litigasi dan Timbang Tara Material 64

7.7 Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana 64

8. TENTANG PEMEGANG AMANAH 65

8.1 Latar Belakang Pemegang Amanah 65
8.2 Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pemegang Amanah 65
8.3 Litigasi dan TImbang Tara Material 60
8.4 Penyataan Tanggungjawab Pemegang Amanah 60
9. TENTANG SUBKUSTODIAN 66
9.1 Latar Belakang Subkustodian 66
9.2 Peranan dan Tanggungjawab Subkustodian 66
9.3 Kebertanggungjawaban Subkustodian 66
10. KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT 67
11. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN 68
11.1 Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi 68
11.1.1 Pengurus 68
11.1.2 Pemegang Amanah 68
11.2 Percanggahan Kepentingan 68
11.3 Dasar Menangani Keadaan Percanggahan Kepentingan 68
11.3.1 Pengurus 68
11.3.2 Pemegang Amanah 68
11.4 Perisytiharan Percanggahan Kepentingan pada LPD 69
12. PERCUKAIAN **Error! Bookmark not defined.**
13. MAKLUMAT BERKAITAN 84
13.1 Mengikuti Perkembangan Dana 77
13.2 Perjanjian Material 77
13.3 Persetujuan 77
13.4 Dasar dan Prosedur untuk Mencegah Aktiviti Pengubahan Wang Haram 78
13.5 Perkhidmatan Pelabur 78
13.6 Dokumen untuk Pemeriksaan 79
14. SURAT PERISYTIHARAN SYARIAH **Error! Bookmark not defined.**

DEFINISI

Dalam Prospektus ini, kecuali konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan singkatan berikut akan mempunyai maksud berikut:

Permohonan	Permohonan Penciptaan dan/atau Permohonan Penebusan, sebagaimana yang berkenaan.
Yuran Pembatalan Permohonan	Yuran yang boleh dicaj oleh Pengurus kepada Peniaga yang Menyertai apabila membatalkan Permohonan,
Yuran Permohonan	Yuran yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai kepada Pengurus bagi setiap Permohonan Penciptaan dan/atau Permohonan Penebusan, sebagaimana yang berkenaan.
Penanda Aras	FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT) (atau nama lain sebagaimana yang indek ini mungkin dikenali) yang dibekalkan oleh Pembekal Indeks atau indeks penggantian sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengurus, selaras dengan Surat Ikatan dan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 2.6 Prospektus ini.
Bitcoin	Bitcoin mata wang digital.
Bursa Depository	Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd.
Bursa Securities	Bursa Malaysia Securities Berhad.
Hari(-hari) Perniagaan	Hari (selain, Sabtu, Ahad atau cuti umum di Kuala Lumpur) yang Bursa Securities dibuka untuk dagangan sekuriti atau hari lain sebagaimana yang mungkin dipersetujui antara Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa.
Komponen Tunai	(i) Jumlah tunai yang perlu di bayar bagi setiap Blok Unit Penciptaan yang membentuk sebahagian daripada *In-Kind Creation Basket*; atau (ii) Jumlah tunai yang akan diterima bagi setiap Blok Unit Penebusan yang membentuk sebahagian daripada *In-Kind Redemption Basket,* sebagaimana yang berkenaan.
Penciptaan Tunai	Penciptaan Unit-unit dalam Blok(-blok) Unit Penciptaan sebagai tukaran dengan Jumlah Langganan yang diserahkan oleh Peniaga yang Menyertai.
Penebusan Tunai	Penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok(-blok) Unit Penebusan yang diserahkan olah Peniaga yang Menyertai sebagai tukaran untuk Jumlah Penebusan.
CDS	Sistem Depositori Pusat.
Akaun CDS	Akaun yang dibuka di Bursa Depository untuk merekodkan deposit sekuriti dan untuk dagangan dalam sekuriti tersebut oleh pendeposit.
Akta Depositori Pusat	Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.
Gedung Penjelasan	Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd.
CMSA	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.
Permohonan Penciptaan	Permohonan yang dibuat oleh Peniaga yang Menyertai kepada Pengurus untuk penciptaan Unit-unit baharu dalam Blok Unit Penciptaan ((atau gandaan penuhnya).
Sekuriti Penciptaan	Bitcoin yang membentuk *In-Kind Creation Basket*.

Blok Unit Penciptaan	50,000 Unit atau bilangan lain Unit-unit sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dan diterbitkan di laman sesawang dana di ***https://halogen.my***.
Perjanjian Jagaan	Perjanjian penjagaan aset digital antara Pemegang Amanah dan subkustodian yang menyatakan tanggungjawab penjagaan.
DAR	Digital Asset Research, ejen pengiraan untuk FTSE DAR Digital Asset Prices. DAR menilai kualiti data penentuan harga, mengesahkan sumber penentuan harga, dan membekalkan suapan harga kepada FTSE.
DAX	Bursa aset gitial.
Hari Dagangan	Hari (selain Sabtu, Ahad atau cuti umum di Kuala Lumpur) yang Bursa Securities dibuka untuk dagangan sekuriti dan Penanda Aras diterbitkan dan/atau hari lain sebagaimana yang Pengurus boleh tentukan, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari semasa ke semasa tetapi tidak termasuk Hari Dagangan yang peristiwa *force majeure* berlaku atau masih berterusan.
Tarikh Akhir Dagangan	Untuk tujuan Permohonan(-permohonan) Penciptaan dan/atau Permohonan(-permohonan) Penebusan, pada masa yang pada mana-mana Hari Dagangan tertentu sebagaimana yang Pengurus boleh tentukan, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari semasa ke semasa dan maklumkan kepada Peniaga yang Menyertai.
Surat Ikatan	Surat ikatan bertarikh 28 Oktober 2026 berhubung dengan Dana dan mana-mana surat ikatan tambahan lain yang mungkin dimeterai antara Pengurus dan Pemegang Amanah.
Prospektus Elektronik	Salinan Prospektus ini yang diterbitkan, diedarkan atau disebarkan melalui Internet dan/atau medium storan elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada CD-ROMs.
ETF	Dana dagangan bursa.
Garis Panduan ETF	Garis panduan bagi Dana Dagangan Bursa yang dikeluarkan oleh SC sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.
EU BMR	European Benchmarks Regulation, iaitu Regulation (EU) 2016/1011 of European Parliament and of the Council pada 8 Jun 2016 bagi indeks-indeks yang digunakan sebagai penanda aras dalam instrumen kewangan dan kontrak kewangan atau untuk mengukur prestasi dana pelaburan.
Institusi Kewangan	Jika: (i) institusi tersebut berada di Malaysia, mana-mana Bank Berlesen, Bank Pelaburan Berlesen atau Bank Islam Berlesen; atau (ii) institusi tersebut berada di luar Malaysia, mana-mana institusi yang diberikan lesen, berdaftar, diluluskan atau diberikan kebenaran oleh pengawal selia perbankan berkaitan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan.
Dana	Halogen Shariah Bitcoin ETF.
Aset Dana	Semua aset (termasuk tunai) Dana yang pada masa ini dipegang atau dianggap dipegang dalam amanah oleh, atau di bawah perwakilan kuasa daripada, Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan.
FTSE	FTSE International Limited.
FYE(s)	Tahun(-tahun) kewangan berakhir.
yuran gas	Yuran urus niaga atau kos pengiraan yang dibayar kepada pelombong atau pengesah dalam rangkaian blok rantai untuk memproses, melaksanakan, dan

	merekod urus niaga atau kontrak pintar dalam rangkaian blok rantai dasar yang berkaitan.
Penciptaan *In-Kind*	Penciptaan Unit-unit baharu dalam Blok(-blok) Unit Penciptaan sebagai tukaran untuk *In-Kind Creation Basket(s)* yang diserahkan oleh Peniaga yang Menyertai dan/atau pelanggan sebenar kepada Peniaga yang Menyertai, sebagaimana yang berkenaan.
In-Kind Creation Basket	Jumlah Sekuriti Penciptaan dan Komponen Tunai (jika ada) yang ditentukan oleh Pengurus berhubung dengan setiap Hari Dagangan, yang mesti diserahkan oleh Peniaga yang Menyertai dan atau pelanggan sebenar kepada Peniaga yang Menyertai, sebagaimana yang berkenaan, selaras dengan Permohonan Penciptaan sebagai tukaran untuk satu (1) Blok Unit Penciptaan.
Penebusan *In-Kind*	Penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok(-blok) Unit Penebusan yang diserahkan oleh Peniaga yang Menyertai sebagai tukaran untuk *In-Kind Redemption Basket*.
In-Kind Redemption Basket	Jumlah Sekuriti Penebusan dan Komponen Tunai (jika ada) yang ditentukan oleh Pengurus berhubung dengan setiap Hari Dagangan, yang akan diterima oleh Peniaga yang Menyertai dan atau pelanggan sebenar kepada Peniaga yang Menyertai, sebagaimana yang berkenaan, selaras dengan Permohonan Penebusan sebagai tukaran untuk satu (1) Blok Unit Penebusan.
Pembekal Indeks	FTSE International Limited, yang mempunyai hak untuk memberikan kepada Pengurus penggunaan Penanda Aras.
Harga Terbitan Awal	Harga yang Unit-unit diterbitkan ketika Langganan Awal yang ditetapkan pada USD1.00.
Langganan Awal	Tawaran untuk langganan Unit-unit sebelum Penyenaraian.
IOPV	Nilai Portfolio Dioptimumkan Indikatif yang menjadi anggaran bagi NAV per Unit bagi Dana antara Titik Nilaian sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 5.5 Prospektus ini.
Harga Terbitan	Harga per Unit yang padanya Unit-unit akan diterbitkan dari semasa ke semasa, berdasarkan NAV per Unit, dan yang akan ditentukan selaras dengan peruntukan dalam Bahagian 5.4 “Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan” Prospektus ini.
Bank Berlesen.	Sebagaimana yang ditakrif dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
Bank Pelaburan Berlesen	Sebagaimana yang ditakrif dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
Bank Islam Berlesen	Sebagaimana yang ditakrif dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
Penyenaraian	Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga untuk Unit-unit di Pasaran Utama Bursa Securities.
Syarat Penyenaraian	Syarat Penyenaraian Pasaran Utama yang diterbitkan oleh Bursa Securities sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.
LPD	7 September 2026, iaitu tarikh terkini yang praktikal sebelum pendaftaran Prospektus ini.
Pengurus	Halogen Capital Sdn Bhd, iaitu syarikat pengurusan Dana.
Pembuat Pasaran	Pembuat pasaran yang mengambil bahagian yang membekalkan kecairan dalam Unit-unit di Bursa Securities.
MYR	Ringgit Malaysia.

NAV	Nilai Aset Bersih Dana, dikira sebagai jumlah nilai Aset Dana tolak nilai semua liabiliti Dana, pada Titik Penilaian.
NAV per Unit	NAV Dana dibahagi dengan bilangan Unit dalam edaran.
Senarai Rasmi	Senarai yang menyatakan semua sekuriti yang tersenarai di Papan Utama Bursa Securities.
Resolusi Biasa	Resolusi yang diluluskan dalam mesyuarat Pemegang Unit yang bersidang dengan sewajarnya dan dikendalikan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan melalui majoriti mudah undian yang dibuang secara sah oleh Pemegang-pemegang Unit yang hadir dan mengundi sendiri atau melalui proksi dalam mesyuarat.
Peniaga yang Menyertai	CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd dan akan termasuk mana-mana pedagang layak lain yang memeterai Perjanjian Peniaga yang Menyertai dari segi rupa dan kandungan sebagaimana yang diterima oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.
Perjanjian Peniaga yang Menyertai	Perjanjian yang dimeterai antara Peniaga yang Menyertai, Pengurus dan Pemegang Amanah yang menetapkan, antara lain, pengaturan berhubung dengan penciptaan dan penerbitan Unit-unit dan penebusan dan pembatalan Unit-unit.
Bursa(-Bursa) yang Mengambil Bahagian	Bursa-Bursa yang Mengambil Bahagian ialah bursa-bursa aset digital yang telah lulus kriteria tapisan yang ditetapkan oleh FTSE International Limited dan rakan kongsinya, Digital Asset Research, selaras dengan Guide to the Vetting of Digital Assets and Digital Asset Exchanges: Ground Rules (yang boleh dicapai di https://www.lseg.com/content/dam/ftse-russell/en_us/documents/policy-documents/guide-to-the-vetting-of-digital-asset-and-digital-asset-exchanges.pdf) .
Pelaburan Dibenarkan	Aset-aset dan instrumen-instrumen yang Dana dibenarkan untuk melabur sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 2.7 Prospektus ini.
Kunci Peribadi / kunci peribadi	Kod abjad angka janaan kriptografi rahsia yang bertindak sebagai tanda tangan digital untuk meluluskan dan melaksanakan pemindahan aset-aset digital dari alamat blok rantai awam khusus. Pemunyaan atau pemilikan Kunci Peribadi memberikan kawalan dan kuasa eksklusif ke atas aset-aset digital berkaitan.
Prospektus	Dokumen ini yang memperincikan ciri-ciri, risiko-risiko, dan struktur undang-undang Dana.
Jumlah Penebusan	Jumlah tunai yang perlu diserahkan kepada Peniaga yang Menyertai berhubung dengan Penebusan Tunai yang setara dengan Harga Penebusan didarab dengan bilangan Unit yang ditebus.
Permohonan Penebusan	Permohonan yang dibuat oleh Peniaga yang Menyertai kepada Pengurus untuk penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok Unit Penebusan (atau gandaan penuhnya).
Harga Penebusan	Harga per Unit yang Unit-unit ditebus dari semasa ke semasa, berdasarkan NAV per Unit, dan yang akan ditentukan selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 5.5 “Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan” Prospektus ini.
Sekuriti Penebusan	Bitcoin yang membentuk *In-Kind Redemption Basket*.
Blok Unit Penebusan	50,000 Unit atau bilangan lain Unit sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dan diterbitkan di laman sesawang Dana di ***https://halogen.my***.
Daftar	Daftar Pemegang Unit yang disimpan dan diselenggara oleh Pengurus atau ejen lantikannya.

SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
Syariah	Undang-undang Islam yang bersumber daripada Qur'an (kitab suci Islam), dan amalan dan penjelasannya yang diberikan oleh Nabi Muhammad (saw) dan *ijtihad* ulamak (usaha peribadi oleh sarjana Syariah berkelayakan untuk menetapkan peraturan sebenar undang-undang Ilahi berhubung perkara yang tidak dihuraikan secara jelas dalam wahyu).
Penasihat Syariah	Amanie Advisors Sdn Bhd, iaitu penasihat Syariah Dana.
Garis Panduan Pelaburan Syariah	Garis panduan pelaburan Syariah yang dikeluarkan oleh Penasihat Syariah yang mengawal atur pelaburan-pelaburan dan proses-proses yang dibenarkan.
Resolusi Khas	Resolusi yang diluluskan oleh majoriti tidak kurang daripada 75% daripada jumlah hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang berhak untuk mengundi ke atas resolusi dalam mesyuarat Pemegang Unit, dengan syarat bahawa untuk tujuan penamatan Dana, resolusi khas diluluskan oleh majoriti yang bilangan yang mewakili sekurang-kurangnya 75% daripada hak mengundi Pemegang Unit yang mengundi dalam mesyuarat Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi.
Jumlah Langganan	Jumlah tunai yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai kepada Dana berhubung dengan Penciptaan Tunai.
Subkustodian	BitGo Bank & Trust, National Association ("BitGo"), bank amanah nasional yang dilesenkan di bawah undang-undang kerajaan untuk aset-aset digital yang menawarkan perkhidmatan infrastruktur aset digital yang disesuaikan khusus untuk pelabur-pelabur institusi dan perniagaan-perniagaan mata wang digital kripto, yang merupakan subkustodian yang dilantik oleh Pemegang Amanah dan mana-mana subkustodian lain yang dilantik oleh Pemegang Amanah dari semasa ke semasa berhubung dengan jagaan selamat Bitcoin.
Tarikh Dagangan	Hari Dagangan yang Pengurus menerima atau dianggap telah menerima Permohonan sah selaras dengan Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga yang Menyertai dengan syarat bahawa jika Permohonan sah tersebut diterima selepas Tarikh Akhir Dagangan, Hari Dagangan berikutnya akan menjadi Tarikh Dagangan.
Kos Urus Niaga	Berhubung dengan mana-mana urus niaga atau dagangan tertentu, semua duti setem dan duti-duti lain, cukai, caj kerajaan, yuran pembrokeran, caj bank, yuran pemindahan, yuran gas, yuran pendaftaran, levi urus niaga, kos pertukaran asing dan lain-lain duti dan caj sama ada berhubung dengan Aset-aset Dana atau penciptaan, penerbitan, pemindahan, pembatalan atau penebusan Unit-unit atau pemerolehan atau pelupusan Aset-aset Dana atau selainnya yang mungkin telah menjadi atau mungkin kena bayar berhubung dengan, sama ada sebelum, ketika atau selepas berlakunya urus niaga atau dagangan tersebut.
Pemegang Amanah	Universal Trustee (Malaysia) Berhad, iaitu pemegang amanah kepada Dana.
UK BMR	United Kingdom Benchmarks Regulation, iaitu Regulation (EU) 2016/1011 of the European Parliament and of the Council 8 Jun 2016 ke atas indeks-indeks yang digunakan sebagai penanda aras dalam instrumen kewangan dan kontrak kewangan atau untuk mengukur prestasi dana-dana pelaburan, yang merupakan sebahagian daripada undang-undang dalam negari UK melalui European Union (Withdrawal) Act 2018.
Unit(-unit)	Kepentingan benefisial tidak dibahagi dalam dan pemilikan Dana.
Pemegang(-pemegang) Unit / pelabur(-pelabur)	Orang yang dimasukkan dalam Daftar sebagai pemegang Unit-unit selaras denga peruntukan Surat Ikatan.
USD	Dolar Amerika Syarikat.

Titik Penilaian	Masa sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 2.11 Prospektus ini.
VWAP	Harga Purata Wajaran Jumlah, iaitu harga purata yang diwajarkan menggunakan jumlah dagangan yang berkait dengan setiap urus niaga layak, supaya dagangan dengan jumlah yang lebih besar mempunyai pengaruh yang berkadaran lebih besar ke atas harga yang diperoleh.

Rujukan kepada masa dalam hari atau hari dalam Prospektus ini akan merujuk kepada masa atau hari di Malaysia, kecuali dinyatakan sebaliknya. Perkataan yang menandakan tunggal akan, apabila terpakai, merangkumi majmuk dan sebaliknya, dan perkataan yang menandakan gender maskulin akan, apabila terpakai, merangkumi gender feminin dan neutral dan sebaliknya. Rujukan kepada orang akan merangkumi syarikat atau perbadanan.

Apa-apa rujukan dalam Prospektus ini kepada mana-mana enakmen atau garis panduan adalah rujukan kepada enakmen atau garis panduan pada masa ia dipinda atau digubal semula.

Maklumat tentang laman sesawang Dana dan Pengurus atau laman sesawang Penanada Aras atau mana-mana laman sesawang yang dipautkan secara langsung atau tidak langsung kepada laman-laman sesawang tersebut tidak dimasukkan oleh rujukan ke dalam Prospektus ini dan tidak harus dijadikan sandaran.

JADUAL INDIKATIF

Tarikh & Masa		Peristiwa
27 November 2026	:	Penerbitan Prospektus ini
30 November 2026	:	Langganan Awal oleh Peniaga yang Menyertai melalui tawaran persendirian
1 Disember 2026	:	Peruntukan Unit-unit
2 Disember 2026	:	Penyenaraian Dana di Bursa Securities

Unit-unit yang dilanggan ketika Langganan Awal akan dicipta dalam lima (5) Hari Perniagaan dari tarikh Langganan Awal. Semua Unit yang dicipta ketika Langganan Awal akan didepositkan dengan Bursa Depository dan dikreditkan ke dalam Akaun CDS Peniaga yang Menyertai sebelum Penyenaraian Dana.

Selepas Penyenaraian Dana di Bursa Securities, Peniaga yang Menyertai boleh memohon untuk penciptaan Unit-unit tambahan selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Menyertai.

PEMASAAN INDIKATIF SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN YANG MUNGKIN DIPERLUKAN UNTUK MEMUDAHKAN PELAKSAAN PROSEDUR. PARA PENGARAH KEPADA PENGURUS (SELEPAS BERUNDING DENGAN PEMEGANG AMANAH) BOLEH, MENURUT BUDI BICARA MUTLAK MEREKA, MEMUTUSKAN UNTUK MELANJUTKAN TARIKH PENYENARAIAN DANA TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKAITAN, JIKA DIPERLUKAN. NOTIS BERHUBUNG SEBARANG LANJUTAN INI AKAN DITERBITKAN DI LAMAN SESAWANG DANA DI *HTTPS://HALOGEN.MY* DAN MELALUI PENGUMUMAN MELALUI LAMAN SESAWANG BURSA SECURITIES DI *WWW.BURSAMALAYSIA.COM*.

DIREKTORI KORPORAT

Pengurus	Halogen Capital Sdn Bhd *Pejabat Berdaftar*: E-10-4, Megan Avenue 1 189, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur *Pejabat Perniagaan:* Lot 3.01A, Paras 3 (Sayap Barat), Menara BRDB 285 Jalan Maarof, Bukit Bandaraya, 59000 Kuala Lumpur No. Tel.: 03-2779 2990 Emel: support@halogen.my Laman Sesawang: https://halogen.my
Pemegang Amanah	Universal Trustee (Malaysia) Berhad *Pejabat Berdaftar*: Suite 12.02, Paras 12 The Gardens South Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur *Pejabat Perniagaan:* Tingkat 3 No. 1, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur No. Tel.: 03-2070 8050 Emel: info@utmb.com.my Laman Sesawang: www.universaltrustee.com.my
Subkustodian	BitGo Bank & Trust, National Association (dahulunya dikenali sebagai BitGo Trust Company, Inc). 6216 S Pinnacle Place, Suite 101 Sioux Falls SD 57108, United States Laman sesawang: www.bitgo.com
Penasihat Syariah	Amanie Advisors Sdn Bhd *Pejabat Berdaftar:* Unit 11-3A, 3rd Mile Square No. 151, Jalan Klang Lama Batu 3½ 58100 Kuala Lumpur *Pejabat Perniagaan:* Paras 13A-2, Menara Tokio Marine Life 189, Jalan Tun Razak, 50450 Kuala Lumpur No. Tel.: 03-2161 0260 Emel: contact@amanieadvisors.com Laman sesawang: www.amanieadvisors.com
Juruaudit kepada Pengurus dan Dana	Ernst & Young PLT Paras 23A, Menara Milenium, Jalan Damanlela Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Peguam Cara	Wei Chien & Partners D-20-02, Menara Suezcap 1, Jalan Kerinchi Gerbang Kerinchi Lestari, 59200 Kuala Lumpur
Penasihat Cukai	PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd Paras 10, Menara TH 1 Sentral, Jalan Rakyat Kuala Lumpur Sentral, 50706 Kuala Lumpur

Peniaga yang Menyertai	CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd Paras 22, 23 dan 23A, Menara IQ Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange 55188 Kuala Lumpur
Pembuat Pasaran	Maklumat berkaitan dengan pembuat pasaran boleh diperoleh daripada laman sesawang Dana di ***https://halogen.my***.
Pendaftar	GAP Advisory Sdn Bhd E-10-4, Megan Avenue 1 189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
Pembekal Indeks	FTSE International Limited 10 Paternoster Square, London, EC4M 7LS, United Kingdom
Penyenaraian Dipohon	Pasaran Utama Bursa Securities

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Maklumat yang diberikan dalam bahagian ini hanya merupakan ringkasan maklumat penting tentang Dana dan disari daripada teks penuh Prospektus ini. Pelabur harus membaca dan memahami keseluruhan Prospektus, termasuk "Faktor-faktor Risiko" dalam Bahagian 3 Prospektus ini sebelum membuat keputusan pelaburan atau membuat keputusan sama ada untuk melabur dan jika perlu, merujuk kepada penasihat(-penasihat) profesional mereka. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa tidak ada dana yang harus dijadikan program pelaburan lengkap.

1.1 Ringkasan Butir-butir Dana

Perkara	**Huraian**	**Bahagian dalam Prospektus**
Nama Dana	Halogen Shariah Bitcoin ETF	-
Kategori Dana	Dana dagangan bursa aset digital Islam	-
Jenis Dana	Dana penjejakan prestasi harga Bitcoin	-
Tahun Kewangan Berakhir	31 Disember	-
Penanda Aras	FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT)	2.6
Harga Terbitan Awal	USD1.00	5.1.1
Mata Wang Asas	USD	5
Mata Wang Dagangan di Bursa Securities	MYR dan USD	5.1.2
Objektif Pelaburan	Dana bertujuan untuk menjejak dengan rapat prestasi harga Penanda Aras di samping mematuhi keperluan Syariah dengan melabur terutamanya dalam Bitcoin semerta fizikal.	2.1
Strategi Pelaburan	Pengurus akan melabur minimum 95% daripada NAV Dana dalam Bitcoin semerta fizikal bagi mencapai objektif Dana. Untuk tujuan kecairan, baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam. Dana akan diurus secara pasif, dengan membiarkan Dana kekal dilaburkan sepanjang masa, tanpa mengira prospek aset pendasar.	2.3
Peruntukan Aset	● Minimum 95% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Bitcoin semerta fizikal yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah; dan ● Baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam.	2.4
Dasar Pengagihan Pendapatan	Tidak ada pengagihan pendapatan.	2.10
Profil Pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur yang: ● mempunyai toleransi risiko yang amat tinggi; ● mempunyai ufuk pelaburan jangka panjang; dan ● inginkan naik nilai modal jangka panjang daripada pendedahan kepada Bitcoin.	2.2
Ringkasan Faktor-faktor Risiko	***Faktor-faktor Risiko Am melabur dalam ETFs dan Khususnya dalam Dana*** ● Modal dan pulangan tidak dijamin	3.1

	● Risiko pasaran ● Risiko kecairan ● Risiko inflasi ● Unit-unit mungkin didagangkan pada selain daripada NAV per Unit ● Dagangan dalam Unit-unit di Bursa Securities mungkin Digantung atau Unit-unit mungkin dinyahsenarai ● Pengantungan penciptaan dan/atau penebusan ● Risiko undang-undang dan kawal selia ● Pengelasan semula pelaburan Syariah ● Pergantungan pada Peniaga yang Menyertai ● Risiko Pengurus ● Risiko ketakpatuhan ● Risiko operasi ● Risiko siber dan risiko pengendalian teknologi ***Risiko-risiko Khusus Melabur dalam Dana*** ● Risiko mata wang ● Risiko ralat penjejakan ● Risiko-risiko yang berkait dengan Penanda Aras ● Unit-unit mungkin didagangkan pada harga yang pada, lebih tinggi atau lebih rendah daripada NAV Dana per Unit disebabkan waktu dagangan yang berbeza antara Bursa Securities dan pasaran Bitcoin ● Risiko pihak-pihak kepada Dana ● Pengurusan pelaburan pasif ● Pelaburan kemudahubahan tinggi ● Risiko kejatuhan dalam permintaan untuk dan penggunaan Bitcoin ● Saiz penebusan minimum ● Risiko pemindahan tidak wajar ● Risiko kehilangan "Kunci Peribadi" ● Risiko pencabangan rangkaian blok rantai dan pengagihan token kripto secara percuma ● Risiko penggodaman platform dagangan Bitcoin ● Sumber pemulihan tidak mencukupi jika Aset Dana hilang, dicuri atau musnah ● Penjualan Bitcoin untuk membayar perbelanjaan Dana ● Rekursa terhad oleh Pemegang-pemegang Unit ● Risiko penumpuan ● Risiko ketakpatuhan Syariah	3.2
Pengurus	Halogen Capital Sdn Bhd	7
Pemegang Amanah	Universal Trustee (Malaysia) Berhad	8
Subkustodian	BitGo Bank & Trust, National Association.	9
Peniaga yang Menyertai	CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd	-
Penasihat Syariah	Amanie Advisors Sdn Bhd	-
Penggunaan Hasil	Untuk pelaburan-pelaburan dalam Pelaburan Dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 2.7 Prospektus ini.	5.1.1
Penawaran Unit – Sebelum Penyenaraian	Hanya Peniaga yang Menyertai boleh melanggan Unit-unit Dana melalui tawaran persendirian ketika Langganan Awal. Unit-unit akan diterbitkan pada Harga Terbitan Awal kepada Peniaga yang Menyertai.	5.1.1
Penawaran Unit – Selepas Penyenaraian	Unit-unit boleh dibeli dan dijual melalui dua (2) kaedah: ● **Peniaga yang Menyertai**	5.1.2 5.2

	Dalam pasaran utama, Peniaga yang Menyertai (sama bertindak untuk dirinya sendiri atau untuk pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon untuk penciptaan atau penebusan Unit-unit masing-masing dalam Blok Unit Penciptaan atau Blok Unit Penebusan. ● **Bursa Securities** Dalam pasaran sekunder, pelabur-pelabur boleh membeli atau menjual Unit-unit di lot niaga 100 Unit (atau gandaannya) di Pasaran Utama Bursa Securities. Dana boleh didagangkan dalam dua (2) denominasi mata wang berlainan, iaitu USD dan MYR.	5.7
Penciptaan / Penebusan Unit-unit	● **Penciptaan Unit-unit** Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau untuk akaun pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon untuk Penciptaan *In-Kind* Unit-unit baharu melalui penyerahan *In-Kind Creation Basket* atau Penciptaan Tunai Unit-unit baharu melalui penyerahan Jumlah Langganan. ● **Penebusan Unit-unit** Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau untuk akaun pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon untuk Penebusan *In-Kind* Unit-unit melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk *In-Kind Redemption Basket* atau Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk Jumlah Penebusan.	5.2.1 & 5.2.2 5.2.3
Blok Unit Penciptaan	50,000 Unit (atau bilangan lain Unit sebagaimana yang Pengurus tentukan dan terbitkan di laman sesawang Dana di ***https://halogen.my***)	5.2.1
Blok Unit Penebusan	50,000 Unit (atau bilangan lain Unit sebagaimana yang Pengurus tentukan dan terbitkan di laman sesawang Dana di ***https://halogen.my***).	5.2.3
Penciptaan / Penebusan Minimum	Masing-masing satu (1) Blok Unit Penciptaan atau Blok Unit Penebusan.	-
Dagangan Unit di Bursa Securities	Pelabur boleh berdagang (membeli dan menjual) Unit-unit di Pasaran Utama Bursa Securities.	5.7
Saiz Lot Niaga Dagangan	100 Unit (atau bilangan lain unit lain sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang berkaitan).	5.7

1.2 Perincian Urus Niaga, Yuran, Caj dan Perbelanjaan

Berikut adalah caj-caj yang pelabur mungkin tanggung secara langsung atau secara tidak langsung apabila mereka melabur dalam Dana.

1.2.1 Yuran Langsung Melalui Peniaga yang Menyertai

Jadual ini menghuraikan yuran dan caj (tidak termasuk belanja belanja tunai langsung) yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah. Pelabur-pelabur perlu menyemak dengan Peniaga yang Menyertai berkaitan mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

Perkara	**Huraian**	**Bahagian dalam Prospektus**
Yuran Permohonan Penciptaan/Penebusan	MYR 2,500 per Blok Unit Penciptaan atau Blok Unit Penebusan (dan tertakluk kepada maksimum MYR10,000) dibayar kepada Pengurus atau jumlah sebagaimana yang ditentukan oleh	4.1.1

	Pengurus dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.	
Yuran Pembatalan Permohonan Penciptaan/Penebusan	1.00% daripada Jumlah Langganan / Jumlah Penebusan, yang mana terpakai, dibayar kepada Pengurus atau suatu jumlah lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.	4.1.1
Kos Urus Niaga	Pengurus mungkin mengenakan caj Kos Urus Niaga (yang ditanggung oleh Dana) untuk mencegah NAV Dana daripada dicairkan oleh Kos Urus Niaga. Sila ambil perhatian bahawa untuk Penciptaan *In-Kind* / Penebusan *In-Kind,* oleh sebab Bitcoin semerta fizikal dijaga oleh Subkustodian, mungkin terdapat caj-caj lain, termasuk semua cukai dan/atau duti terpakai sebagaimana yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak-pihak berkuasa berkaitan dari semasa ke semasa dan yuran gas yang mungkin ditanggung oleh pelabur-pelabur disebabkan pemindahan Bitcoin ke dalam jagaan pelabur.	4.1.1
Yuran-yuran lain	Jumlah (selain Kos Urus Niaga yang dihuraikan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari semasa ke semasa berhubung dengan permohonan yang diserahkan oleh Peniaga yang Menyertai, yang dicaj oleh Bursa Depository.	4.1.1

1.2.2 Yuran Langsung Melalui Bursa Securities

Jadual ini menghuraikan caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada tarikh Prospektus ini yang caj-caj tersebut mungkin berubah dari semasa ke semasa) apabila mereka membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana di Bursa Securities. Pelabur-pelabur perlu menyemak dengan broker mereka mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

Perkara	**Huraian**	**Bahagian dalam Prospektus**
Yuran pembrokeran	Sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa Securities.	4.1.2
Yuran Penjelasan Bursa Securities	0.03% daripada nilai urus niaga tertakluk kepada maksimum MYR1,000 per urus niaga. Yuran minimum MYR10 per urus niaga dikenakan untuk kontrak perniagaan langsung.	4.1.2
Duti Setem	MYR1.00 bagi setiap MYR1,000 atau bahagian pecahan nilai urus niaga (perlu dibayar oleh kedua-dua pembeli dan penjual), tertakluk kepada maksimum MYR200 per urus niaga.	4.1.2

Maklumat lanjut berkenaan caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tangggung apabila berdagang Unit-unit di Bursa Securities disediakan di ***www.bursamalaysia.com***.

1.2.3 Yuran Tidak Langsung

Berikut adalah caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung secara tidak langsung apabila mereka melabur dalam Unit-unit Dana.

Perkara	**Huraian**	**Bahagian dalam Prospektus**
Yuran Pengurusan Tahunan	Sehingga 0.60% setahun daripada NAV Dana dikira dan terakru harian dengan menggunakan mata wang asas Dana.	4.2

Yuran Pemegang Amanah Tahunan	Sehingga 0.05% setahun (tidak termasuk yuran dan caj penjagaan) daripada NAV Dana dikira dan terakru harian dengan menggunakan mata wang asas Dana.	4.2
Yuran Subkustodian Tahunan	Sehingga 0.15% setahun daripada nilai USD Bitcoin semerta fiizikal yang dipegang dengan Subkustodian, terakru harian dan dibayar setiap tahun.	4.2
Yuran Lesen Indeks Tahunan	Sehingga 0.04% setahun daripada NAV Dana dikira dan terakru harian dengan menggunakan mata wang asas Dana.	4.2

1.3 Kos Penubuhan Dana

Kos penubuhan dan Penyenaraian Dana yang termasuk perbelanjaan berikut akan ditanggung oleh Dana:

- kos penyediaan and penerbitan Prospektus ini;
- yuran profesional dan khidmat nasihat; dan
- yuran kawal selia,

(secara kolektif, “Kos Penubuhan”).

Kos Penubuhan yang dinyatakan di atas akan dibiayai terlebih dahulu oleh Pengurus apabila ia ditanggung. Pengurus dibenarkan untuk mengenakan caj Kos Penubuhan, yang tidak akan melebihi MYR500,000, dalam tempoh dua (2) tatun untuk mengurangkan kesan pencairan ke atas pulangan Dana.

1.4 Maklumat Lain

Surat Ikatan bertarikh 28 Oktober 2026 yang dimeterai antara Pengurus dan Pemegang Amanah.

1.5 Saluran untuk Mendapatkan Nasihat

Pelabur-pelabur boleh menghubungi Pengurus melalui emel di support@halogen.my.

2. HALOGEN SHARIAH BITCOIN ETF

Dana ini ialah ETF aset digital Islam yang ditubuhkan di bawah terma-terma Surat Ikatan dan Dana ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

2.1 Objektif Pelaburan

Dana ini bertujuan untuk menyamai dengan rapat prestasi harga Penanda Aras di samping mematuhi keperluan Syariah dengan melabur terutamanya dalam Bitcoin semerta fizikal.

Sebarang perubahan material kepada objektif pelaburan Dana mesti mendapat kelulusan Pemegang-pemegang Unit.

2.2 Profil Pelabur

Dana ini sesuai untuk pelabur yang:

- mempunyai tolerasi risiko yang amat tinggi;
- mempunyai ufuk pelaburan jangka panjang; dan
- inginkan naik nilai modal jangka panjang daripada pendedahan kepada Bitcoin.

2.3 Dasar dan Strategi Pelaburan

Dana akan melabur minimum 95% daripada NAVnya dalam Bitcoin semerta fizikal yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah, dan baki selebihnya NAVnya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam untuk tujuan kecairan. Dana akan diuruskan secara pasif, dengan membiarkan dana dilaburkan sepanjang masa, tanpa mengambil kira prospek aset pendasar.

2.4 Peruntukan Aset

Jenis Aset	% daripada NAV Dana
Bitcoin semerta fizikal yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah	Minimum 95% daripada NAB Dana
Instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam	NAV Dana yang selebihnya

2.5 Jagaan Bitcoin

Sebahagian besar aset digital Dana akan disimpan oleh Subkustodian di bawah perwakilan kuasa daripada Pemegang Amanah pada sepanjang masa. Aset digital Dana dipegang dalam akaun aset digital khusus yang diasingkan, yang diselenggara oleh Subkustodian dan diasingkan sepenuhnya daripada aset proprietari Pemegang Amanah, Pengurus, Subkustodian, dan mana-mana daripada pelanggan mereka. Akaun aset digital ini dilindungi melalui gabungan seni bina dompet pelbagai tanda tangan, pengesahan berbilang faktor, kawalan capaian berasaskan peranan dan pengasingan kunci peribadi. Kunci peribadi juga mempunyai salinan sandaran dan disimpan dalam bilik kebal merentasi berbilang lokasi dengan lapisan keselamatan fizikal, kriptografi dan bidang kuasa.

Aset digital Dana tidak dicampur aduk dengan aset digital lain yang dipegang oleh Pemegang Amanah dan tidak didepositkan atau dipegang dengan mana-mana depositori, kustodian atau dompet pihak ketiga. Aset

digital dibiarkan di platform dagangan hanya selama diperlukan untuk melaksanakan urus niaga. Apabila tidak merancang secara aktif untuk berdagang, aset digital dipindahkan ke dalam jagaan selamat dengan serta-merta selepas itu.

Sila rujuk Bab 9 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai Subkustodian.

2.6 Penanda Aras

Penanda Aras, iaitu FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT), yang adalah sebahagian daripada FTSE Digital Asset Index Series, mencerminkan harga penyelesaian Bitcoin sebagaimana yang ditentukan oleh FTSE DAR Reference Price Methodology.

FTSE International Limited ("Pentadbir Penanda Aras") telah bekerjasama dengan Digital Asset Research ("DAR") untuk meliputi secara menyeluruh pasaran aset digital melalui FTSE Single Digital Asset Index Series. FTSE Single Digital Asset Index Series direka bentuk untuk menyediakan untuk peserta pasaran dengan mekanisme untuk menilai pelaburan-pelaburan dan harga-harga aset digital. Semua indeks menggunakan data harga rujukan yang ditapis dengan ketat merentasi bursa-bursa, menetapkan standard yang tinggi untuk penjagaan baik dan meliputi julat luas kriteria asas dan teknikal.

Penanda Aras dilancarkan pada 6 Julai 2026. Ia didasarkan secara material pada metodologi yang sama (kecuali masa pengiraan) dengan FTSE DAR Bicoin Reference Rate, yang diperkenalkan buat pertama kali pada November 2020. Penanda Aras ini direka bentuk untuk memenuhi syarat-syarat EU BMR dan UK BMR.

Lembaran fakta indeks, iaitu senarai terkini Constituent Excahnges dan apa-apa maklumat tambahan lain berhubung metodologi Penanda Aras tersedia di https://www.lseg.com/en/ftse-russell/indices/digital-asset-market-cap (yang kandungannya masih belum dikaji oleh SC).

Pembekal Indeks

FTSE Russell ("Pembekal Indeks") ialah pentadbir Pananda Aras. Pengurus (dan setiap daripada orang berhubungannya) adalah bebas daripada Pembekal Indeks.

Metodologi Penanda Aras

Pengiraan Penanda Aras

Penanda Aras adalah sebahagian daripada FTSE Single Digital Asset Index Series dan mencerminkan harga penyelesaian Bitcoin sebagaimana yang ditentukan oleh FTSE DAR Reference Price Methodology. Penanda Aras dikira sebagai purata FTSE DAR Digital Asset Price Bitcoin meliputi tempoh pemerhatian 60 minit sebelum masa penetapan (iaitu, antara 4:00:15 petang dan 5:00:00 petang MYT). FTSE DAR Digital Asset Price Bitcoin adalah VWAP bagi Bitcoin, yang diterbitkan setiap 15 saat daripada dagangan dilaksanakan di bursa-bursa aset digital yang ditapis.

Bitcoin yang digunakan untuk mengira Penanda Aras diberikan harga hanya daripada Bursa yang Mengambil Bahagian. Bursa aset digital layak untuk dipilih sebagai Bursa yang Mengambil Bahagian jika ia lulus penilaian kawal selia, urus tadbir dan institusi, teknikal serta sains data yang menyeluruh yang dilaksanakan oleh Pentabir Penanda Aras. Bermula dari 11 Ogos 2026, terdapat 7 Bursa yang Mengambil Bahagian. Senarai penuh - https://www.lseg.com/content/dam/ftse-russell/en_us/documents/ground-rules/digital-asset-participating-watchlist-exchange-list.pdf

DAR (Digital Asset Research) akan menilai senarai bursa-bursa layak setiap suku tahunan pada setiap hujung bulan Mac, Jun, September dan Disember.

FTSE DAR Digital Asset Prices

FTSE DAR Digital Asset Price ialah harga USD purata wajaran jumlah bagi Bitcoin daripada dagangan layak bagi data harga dan jumlah Bitcoin daripada setiap Bursa yang Mengambil Bahagian, dikira dengan menggunakan formula berikut:

1. Kira VWAP 15 saat dalam USD untuk Bitcoin merentasi semua Bursa yang Mengambil Bahagian. Ini ialah FTSE DAR Digital Asset Price.
2. Jika tidak ada dagangan yang telah dilaksanakan dalam 15 saat paling terkini, FTSE DAR Digital Asset Price sebelumnya digunakan.

3. Proses ini diulang setiap 15 saat.

$$FTSE\ DAR\ Digital\ Asset\ Price_i = \frac{\sum_x (Volume_{x,i} \cdot Price\ in\ USD_{x,i})}{\sum_x Volume_{x,i}}$$

where $Volume_{x,i}$ is the volume of the digital asset i traded on exchange x in units of the digital asset and $Price\ in\ USD_{x,i}$ is the price in USD digital asset i traded on exchange x

iaitu, $Volume_{x,i}$ ialah jumlah aset digital i yang didagangkan di bursa x dalam unit aset digital dan $Price\ in\ USD_{x,i}$ ialah harga aset digital i dalam USD yang didagangkan di bursa x.

FTSE DAR Reference Prices

FTSE DAR Reference Prices untuk Bitcoin dikira setiap jam.

FTSE DAR Reference Price Hourly ditentukan sebagai purata FTSE DAR Digital Asset Price sepanjang tempoh 60 minit sebelum masa penetapan. Contohnya, penetapan pada pukul 5.00 petang akan menggunakan semua harga Bitcoin yang disiarkan setiap 15 saat dalam tempoh pemerhatian dari 4.00:15 petang hingga 5:00:00 petang (240 pemerhatian):

$$FTSE\ DAR\ Reference\ Price\ Hourly = \frac{\sum_{t=1}^{n} \times FTSE\ DAR\ Digital\ Asset\ Price_t}{n}$$

Where $n = 240$, $\boldsymbol{FTSE\ DAR\ Digital\ Asset\ Price_t}$ is the price of the digital asset at time, $\boldsymbol{t}$ is determined. The integer $\mathbf{t}$ is one time unit with 15 seconds duration and corresponds to the observation, counting down from $\mathbf{t = 240}$ at the start of the observation period to $\mathbf{t = 1}$ and is initialised 15 seconds past the previous reference hour.

Iaitu, n = 240, *FTSE DAR Digital Asset Price*$_t$ ialah harga aset digital pada masa *t* ditentukan. Nombor bulat t ialah satu unit masa dengan tempoh 15 saat dan sepadan dengan pemerhatian, dikira menurun daripada t = 240 pada mula tempoh pemerhatian hingga t = 1 dan ditetapkan nilai awal 15 saat selepas jam rujukan sebelumnya.

Pentadbir Penanda Aras diberikan kuasa dan dikawal selia oleh Financial Conduct Authority sebagai pentadbir penanda aras, dan bertanggungjawab ke atas pengiraan, pengeluaran dan operasi Penanda Aras harian dengan sokongan daripada DAR. DAR ialah firma penyelidikan milik persendirian bebas dan pembekal data. DAR menilai kualiti data penentuan harga, mengesahkan sumber penentuan harga, mengira FTSE DAR Digital Asset Prices dan membekalkan kepada Pentadbir Penanda Aras dengan suapan harga dan memberikan maklumat tentang kelayakan aset-aset dalam Penanda Atas. Pengurus dan orang yang berhubungan dengannya adalah bebas daripada Pentadbir Penanda Aras dan/atau DAR.

Kajian Semula dan Perubahan

Metodologi ini tertakluk kepada kajian semula dalaman oleh Pembekal Indeks dan FTSE Digital Asset Index Advisory Committee secara berkala, sekurang-kurangnya setahun sekali.

Sebarang perubahan yang dicadangkan kepada metodologi oleh FTSE Russell dibentangkan kepada FTSE Digital Assets Index Advisory Committees untuk dibincangkan sebelum diluluskan oleh FTSE Russell Index Governance Board.

Kod Penanda Aras

Ticker Bloomberg: FBTCMYTU.

Perjanjian Lesen Indeks

Lesen Penanda Aras berkuat kuasa pada 24 Ogos 2026 dan akan berterusan sehingga mana-mana pihak memberikan sekurang-kurangnya notis penamatan tiga (3) bulan kepada pihak yang satu lagi. Selain daripada itu, lesen perjanjian boleh ditamatkan selaras dengan peruntukan-peruntukan perjanjian lesen.

Sekiranya berlaku penamatan atau pemberhentian Penanda Aras atas apa-apa sebab sekalipun, atau penamatan Perjanjian Lesen selaras dengan terma-termanya, Pengurus boleh, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, mendapatkan kelulusan awal daripada SC bagi menggantikan Penanda Aras dengan penanda aras lain yang mempunyai objektif yang serupa.

2.7 Pelaburan Dibenarkan

Kecuali dilarang oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan atau mana-mana undang-undang berkaitan dan dengan syarat sentiasa bahawa tidak ada percanggahan dengan objektif pelaburan Dana, Dana boleh melabur dalam yang berikut:

a. Bitcoin yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah;

b. Instrumen pasaran wang Islam;

c. Deposit Islam; dan

d. Unit-unit atau syer-syer skim pelaburan kolektif Islam.

2.8 Garis Panduan Pelaburan Syariah

Berikut adalah garis panduan pelaburan Syariah untuk Dana, yang Pengurus mesti sentiasa patuhi dengan ketat. Pada sepanjang masa, Dana akan melabur dalam instrumen pelaburan yang dibenarkan di bawah prinsip Syariah dan tidak akan melabur dalam instrumen yang dilarang oleh prinsip-prinsip Syariah berdasarkan parameter-parameter Majlis Penasihat Syariah ("SAC") terpakai, lembaga penasihat Syariah berkaitan dan Penasihat Syariah.

Instrumen Dibenarkan

a. **Bitcoin**

Dana akan melabur dalam Bitcoin yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah.

b. **Instrumen pasaran wang Islam**

Dana akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam yang diluluskan SAC, Bank Negara Malaysia ("BNM") dan/atau Penasihat Syariah. Penasihat Syariah akan mengkaji sebarang instrumen pasaran wang Islam yang Dana akan melabur dalamnnya berdasarkan data yang tersedia di:

- Bursa Maklumat Bon dan Sukuk ("BIX") (www.bixmalaysia.com); dan
- Sistem Automatik untuk Terbitan /Tender ("FAST") (www.fast.bnm.gov.my).

Untuk pelaburan dalam pasaran asing, instrumen pasaran wang Islam yang disahkan oleh penasihat atau jawatankuasa Syariah lain mesti diluluskan oleh Penasihat Syariah apabila mengkaji semula dokumen berkaitan, seperti terma-terma dan syarat-syarat penting dan perisytiharan atau kelulusan Syariah.

c. **Deposit Islam**

Deposit Islam akan diletakkan dalam institusi kewangan yang diberikan lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan/atau Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang mana bersesuaian. Untuk mengelakkan keraguan, hanya akaun Islam dibenarkan untuk letakan deposit dengan institusi kewangan yang diberikan lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Dana juga dilarang daripada melabur dalam deposit berfaedah dan mengiktiraf sebarang pendapatan faedah.

d. **Skim pelaburan kolektif Islam**

Dana akan melabur dalam skim pelaburan kolektif Islam yang dikawal selia dan didaftarkan atau dibenarkan atau diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan dalam bidang kuasa asalnya.

Proses Pembersihan untuk Dana

a. **Pelaburan tidak patuh Syariah**

Ini merujuk pada pelaburan tidak patuh Syariah yang dibuat oleh Pengurus, jika berkaitan. Pelaburan tersebut akan dilupuskan atau ditarik balik dengan serta-merta atau dalam tempoh sebulan daripada mengetahui status pelaburan tersebut. Sekiranya pelaburan itu telah menghasilkan keuntungan (melalui laba modal dan/atau dividen dan/atau faedah) yang diterima sebelum atau selepas pelupusan pelaburan tersebut, laba tersebut mesti disalurkan kepada baitulmal dan/atau mana-mana badan kebajikan lain sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Dana hanya berhak untuk mengambil kos pelaburan. Jika pelupusan pelaburan menyebabkan kerugian kepada Dana, kerugian itu akan ditanggung oleh Pengurus.

b. **Pengelasan semula status Syariah pelaburan Dana**

Apabila Dana melabur dalam pelaburan-pelaburan dibenarkan yang sebelumnya dikelaskan sebagai patuh Syariah yang kemudiannya ditentukan, diangap atau disifatkan tidak patuh Syariah disebabkan *fatwa*/penentuan baharu atau tidak diketahui sebelumnya dan/atau atas nasihat daripada Penasihat Syariah, jika pada tarikh pelaburan-pelaburan dibenarkan itu bertukar menjadi tidak patuh Syariah, harga pasaran setiap pelaburan dibenarkan tidak patuh Syariah berkenaan melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan, Dana yang memegang pelaburan-pelaburan dibenarkan tidak patuh Syariah itu mesti melupuskannya. Sebarang dividen atau keuntungan yang diterima sehingga tarikh pertukaran dalam status patuh Syariah dan laba modal yang diperoleh daripada pelupusan pelaburan-pelaburan dibenarkan pada tarikh penukaran status patuh Syariah boleh disimpan oleh Dana. Walau bagaimanapun, apa-apa dividen atau keuntungan yang terima atau laba modal lebihan daripada pelupusan pelaburan-pelaburan tidak patuh Syariah selepas tarikh pelaburan-pelaburan dibenarkan bertukar menjadi tidak patuh Syariah harus dialurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah.

Pembayaran Zakat

Ini merujuk kepada pembersihan melalui pembayaran Zakat oleh orang Islam. Dana tidak membayar Zakat bagi pihak Pemegang-pemegang Unit Islam. Oleh itu, Pemegang-pemegang Unit Islam dinasihatkan supaya membayar Zakat mereka sendiri.

Kajian Semula Syariah

Pada akhir setiap suku tahun, Penasihat Syariah akan mengkaji semula Dana bagi memastikan yang prosedur operasi dan pelaburan Dana mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Selepas menyempurnakan setiap kajian semula, Penasihat Syariah akan memberikan pendapatnya berhubung kepatuhan Dana terhadap Garis Panduan Pelaburan Syariah.

Portfolio pelaburan Dana terdiri daripada instrumen-instrumen yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC atau, apabila terpakai, oleh SAC BNM. Untuk instrumen-instrumen yang tidak dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC atau, apabila terpakai, SAC BNM, instrumen-instrumen tersebut akan ditentukan selaras dengan ketetapan Penasihat Syariah.

Apabila Penasihat Syariah memohon perubahan kepada garis panduan pelaburan Syariah, ia akan memberikan kepada Pengurus tempoh masa yang munasabah uuntuk melaksanakan perubahan tersebut dalam Prospektus ini selaras dengan keperluan mana-mana undang-undang dan pertaruran terpakai.

2.9 Sekatan dan Batasan Pelaburan

Dana hanya boleh memegang tunai tidak lebih daripada 5% daripada NAV Dana untuk menampung perbelanjaan pengendalian berterusan dan keperluan kecairan Dana.

Nilai letakan Dana dalam deposit Islam dengan Institusi Kewangan tunggal tidak boleh melebihi 5% daripada NAV Dana; dan nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh penerbit tunggal atau kumpulan syarikat-syarikat tidak boleh melebihi 5% daripada NAV Dana.

Nilai pelaburan Dana dalam unit-unit atau syer-syer skim pelaburan kolektif Islam tidak boleh melebihi 5% daripada NAV Dana.

2.10 Dasar Pengagihan

Tidak ada pengagihan pendapatan.

2.11 Penilaian untuk Dana

Dana akan dinilai pada pukul 5.30 petang waktu Malaysis pada setiap Hari Dagangan selain apabila berlaku penggantungan pengiraan NAV Dana.

Pengurus akan memastikan yang aset-aset Dana dinilai dengan adil dan sewajarnya.

Untuk penterjemahan mata wang pelaburan asing kepada mata wang asas Dana (USD), penilaian akan didasarkan pada kadar tukaran tersedia terakhir yang disebut dan disiarkan oleh BNM pada hari penilaian yang tersedia di ***https://www.bnm.gov.my/exchange-rates***.

Pengurus akan menukar semua perbelanjaan dan pendapatan Dana yang didenominasi dalam mata wang selain USD kepada mata wang asas Dana, iaitu USD.

2.12 Penilaian Aset

Bitcoin akan dinilai berdasarkan data urus niaga yang dikumpulkan daripada bursa semerta yang ditapis dengan menggunakan masa penggalan 5.00 petang waktu Malaysia. Bursa semerta dipilih berdasarkan, antara lain, kebolehpercayaan global, kecairan tinggi, tingkah laku perdagangan saksama dan teratur dan jumlah dagangan mencukupi untuk mewakili pasaran lebih luas. Pengurus akan menggunakan kadar rujukan yang diperoleh daripada bursa semerta yang menunjukkan jumlah dagangan paling tinggi dan paras aktiviti Bitcoin antara 4.00 petang hingga 5.00 petang waktu Malaysia. Jika lebih daripada satu bursa semerta mempunyai jumlah dagangan paling tinggi yang sama, bursa semerta dengan harga sebutan tertinggi dalam kalangannya akan digunakan.

Deposit Islam yang diletakkan dengan institusi kewangan akan dinilai dengan merujuk kepada nilai pokok deposit Islam dan keuntungan terakru daripadanya untuk tempoh berkaitan.

Instrumen pasaran wang Islam akan dinilai dengan merujuk kepada nilai pokok instrumen pasaran wang Islam dan keuntungan terakru daripadanya untuk tempoh berkaitan. Untuk pelaburan dalam instrumen pasaran wang Islam dengan baki tempoh hingga matang tidak lebih daripada sembilan puluh (90) hari pada masa pemerolehan, instrumen tersebut dinilai berdasarkan kos terlunas. Risiko menggunakan perakaunan kos terlunas ialah salah letak harga instrumen pasaran wang Islam. Kami akan memantau penilaian instrumen pasaran wang Islam ini dengan menggunakan kaedah kos terlunas berbanding nilai pasaran setiap hari dan akan menggunakan nilai pasaran jika perbezaan dalam penilaian melebihi 3%.

Skim pelaburan kolektif Islam tersenarai akan dinilai berdasarkan harga dagangan terakhir atau kaedah penilaian lain atau asas-asas lain sebagaimana yang diluluskan oleh Pemegang Amanah untuk semua skim pelaburan kolektif Islam tersenarai yang disebut harga di bursa saham yang ia disenaraikan

Skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai akan dinilai berdasarkan harga belian semula terakhir diterbitkan.

Jika mana-mana daripada kaedah penilaian di atas tidak tersedia atau jika nilai pelaburan ditentukan dengan menggunakan kaedah yang dihuraikan di atas, pada pendapat pengurus, tidak mewakili nilai saksama pelaburan itu, maka pelaburan itu akan dinilai pada nilai saksama sebagaimana yang ditentukan dengan tulus oleh Pengurus berdasarkan kaedah atau asas-asas yang telah disahkan oleh juruaudit-juruaudit Dana dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

2.13 Ralat Penjejakan & Strategi untuk Meminimumkan Ralat Penjejakan Tersebut

Pelabur-pelabur perlu mengamil perhatian bahawa tidak ada jaminan atau kepastian bahawa hasil pelaburan Dana akan menyamai dengan tepat prestasi Penanda Aras.

Ralat penjejakan mungkin berlaku apabila membandingkan prestasi Dana dengan prestasi Penanda Aras.

Disebabkan perbelanjaan Dana, terutamanya yuran dan perbelanjaan dan kos lain yang berkait dengan operasi berterusan Dana (contohnya, yuran pengurusan, yuran pemegang amanah, yuran lesen, yuran audit, yuran ejen cukai dan lain-lain), Pengurus menjangkakan bahawa Dana mungkin perlu memegang sejumlah tunai untuk memenuhi perbelanjaan operasi berterusan dan keperluan kecairan Dana. Oleh sebab itu, Pengurus menjangkakan bahawa Dana mungkin mengalami ralat penjejakan kepada Penanda Aras. Walau bagaimanapun, Pengurus berusaha untuk meminimumkan ralat penjejakan ini dengan memegang sejumlah minimum tunai untuk tujuan perbelanjaan operasi berterusan dan keperluan kecairan supaya Dana melabur sebahagian besarnya dalam Bitcoin.

2.14 Dasar Pengimbangan Semula Portfolio Pelaburan

Selain untuk mengimbangi semula portfolio Dana apabila terdapat penciptaan dan/atau penebusan Unit-unit, pengimbangan semula portfolio pelaburan Dana akan dilakukan tidak lebih daripada sekali sebulan untuk mengekalkan pendedahan optimum kepada Bitcoin dalam usaha untuk meminimumkan ralat penjejakan.

2.15 Strategi dan Teknik Pengurusan Risiko

Strategi dan teknik pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus termasuk mengekalkan jumlah minimum tunai sepanjang masa supaya pendedahan Dana kepada Bitcoin adalah setinggi yang mungkin untuk mencapai objektif pelaburan Dana dan meminimumkan ralat penjejakan. Portfolio dana mungkin diimbang semula tidak lebih daripada sekali sebulan untuk mengekalkan pendedahan optimum kepada Bitcoin.

Pengurus berusaha untuk mengurangkan risiko-risiko dikenal pasti yang berkait dengan Dana dengan melaksanakan kawalan dalaman yang ketat, pemantauan kepatuhan, dan dengan memanfaatkan pengalaman, kemahiran, urus tadbir dan ketekuannnya.

Sebahagian besar aset digital Dana akan disimpan oleh Subkustodian di bawah perwakilan kuasa daripada Pemegang Amanah pada sepanjang masa. Aset digital dana dipegang dalam akaun aset digital khusus berasingan oleh Subkustodian dan diasingkan sepenuhnya daripada aset proprietari Pemegang Amanah, Pengurus, Subkustodian, dan mana-mana daripada pelanggan mereka. Akaun aset digital ini dilindungi melalui gabungan seni bina dompet berbilang tanda tangan, pengesahan berbilang faktor, kawalan capaian berasaskan peranan dan pengasingan kunci peribadi. Kunci peribadi juga mempunyai salinan sandaran dan disimpan dalam bilik kebal merentasi berbilang lokasi dengan lapisan keselamatan fizikal, kriptografi dan bidang kuasa. Aset digital Dana tidak dicampur aduk dengan aset digital lain yang dipegang oleh Pemegang Amanah dan tidak didepositkan atau dipegang dengan mana-mana depositori, kustodian atau dompet pihak ketiga. Aset digital dibiarkan di platform dagangan hanya untuk tempoh yang diperlukan untuk melaksanakan urusan. Apabila tidak merancang secara aktif untuk berdagang, aset digital dipindahkan ke dalam penjagaan selamat sebaik sahaja selepas itu.

Dari segi pengurusan risiko kecairan, pengurusan kecairan berhemat, seperti pemantauan aliran tunai dan penebusan, disediakan untuk memastikan yang Dana mengekalkan paras munasabah kecairan bagi menunaikan sebarang permonohan penebusan. Pengurus juga menggunakan berbilang bursa untuk menyediakan pelaksanaan harga terbaik pada kecairan maksimum. Bagi menguruskan risiko kredit, penarafan kredit penerbit, institusi kewangan dan rakan niaga dipantau secara berterusan.

2.16 Maklumat Tambahan berkaitan Bitcoin

Bitcoin ialah mata wang digital terpencar yang diterbitkan dan disebarkan oleh platform protokol digital sumber terbuka dengan keselamatan penyulitan, yang dikenali sebagai “Bitcoin Network”. Bitcoin Network ialah rangkaian pengguna rakan setara yang menghoskan lejar awam yang dikenali sebagai blok rantai dan kod sumber yang membentuk asas bagi protokol kriptografi dan digital yang mengawal atur Bitcoin Network.

Selepas kod sumber Bitcoin Network dikeluarkan pada 2009, Bitcoin pertama dicipta (perisian dan protokol yang mencipta dan melancarkan Bitcoin Network). Sepasukan jurutera yang dikenali sebagai pembangun teras telah berusaha secara aktif untuk membangunkan Bitcoin Network sejak pelancarannya. Oleh sebab ia adalah inisiatif sumber terbuka, tidak ada organisasi atau pihak berkuasa rasmi yang mewakili Bitcoin.

Tidak ada entiti tunggal yang memiliki atau mengendalikan Bitcoin Network, dan infrastrukturnya diselenggara secara kolektif oleh pangkalan pengguna terpencar. Bitcoin boleh digunakan untuk membayar untuk barang dan perkhidmatan dalam sesetengah bidang kuasa, atau ditukar kepada mata wang fiat seperti USD pada kadar tukaran yang ditetapkan oleh bursa-bursa Bitcoin, atau digunakan sebagai sebahagian daripada sistem dagangan untuk urusniaga pengguna akhir ke pengguna akhir individu.

Bitcoin "disimpan" atau direkodkan dalam lejar digital yang dinamakan "Blok Rantai", iaitu fail digital yang disimpan secara kawal jauh dalam komputer setiap pengguna Bitcoin Network. Blok Rantai merekodkan sejarah urus niaga semua Bitcoin yang wujud dan, dengan melaporkan urus niaga secara telus, membolehkan Bitcoin Network mengesahkan bahawa setiap Bitcoin berkait dengan dompet digital yang memilikinya. Bitcoin Network dan aturcara perisian Bitcoin boleh mentafsir Blok Rantai untuk menentukan baki tepat Bitcoin, jika ada, bagi dompet digital yang tersenarai di Blok Rantai yang mengambil bahagian dalam urus niaga Bitcoin Network.

Blok Rantai terdiri daripada fail digital yang dimuat turun dan disimpan sepenuhnya atau sebahagiannya dalam setiap perisisian yang digunakan oleh pengguna Bitcoin. Fail ini dikemas kini untuk menggabungkan blok baharu apabila ia diselesaikan dan mengandungi semua blok yang telah diselesaikan oleh pelombong. Penambahan blok baharu kepada Blok Rantai juga berfungsi secara yang sama dengan menambah pautan baharu kepada rantai kerana setiap blok yang baru diselesaikan merujuk kepada dan "berhubung" dengan blok yang baru diselesaikan sebelumnya. Blok Rantai ialah sejarah lengkap, telus dan tanpa gangguan bagi semua urus niaga dalam Bitcoin Network. Dengan setiap blok baharu, urus niaga Bitcoin belum selesai direkodkan dan disahkan.

Penciptaan, penghantaran dan penilaian Bitcoin kesemuanya dikendalikan oleh Bitcoin Network terpencar, yang tidak mempunyai kaitan sama ada dengan organisasi kerajaan atau kewangan. Sebaliknya, Bitcoin dihasilkan dan diedarkan melalui protokol Bitcoin Network secara "perlombongan" selaras dengan jadual terbitan ketat yang tertakrif jelas. Pembahagian dua ganjaran blok Bitcoin, yang dikenali juga sebagai "pengurangan separuh", ialah peristiwa pratentu yang berlaku setiap 210,000 blok (sekitar setiap empat tahun) dalam Bitcoin Network. Peristiwa ini direka bentuk untuk mengawal kadar yang Bitcoin baharu dicipta dengan mengurangkan separuh bilangan Bitcon yang diberikan sebagai ganjaran kepada pelombong kerana menambah blok baharu kepada Blok Rantai, bermula dengan 50 Bitcoin setiap blok pada 2009 dan ia kini adalah 3.12 Bitcoin pada 2025.

Pengurangan separuh juga mempunyai kesan ke atas harga Bitcoin kerana ia mengurangkan bilangan Bitcoin baharu yang masuk ke dalam pasaran, yang boleh menyebabkan peningkatan permintaan dan harga lebih tinggi. Walau bagaimanpun, tidak ada jaminan bahawa harga akan meningkat.

Penawaran dan permintaan untuk Bitcoin di pasaran bursa Bitcoin (dan juga dalam urus niaga hujung ke hujung persendirian) dan bilangan perniagaan yang menerimanya mempengaruhi harga Bitcoin. Urus niaga pengguna tanpa perantara di Bitcoin Network mempunyai kos urus niaga yang sangat rendah atau tidak melibatkan kos kerana urus niaga Bitcoin boleh disiarkan kepada Bitcoin Network oleh mana-mana pengguna perisian Bitcoin dan Bitcoin boleh dipindahkan tanpa bantuan orang tengah atau pihak luar.

Seseorang sering memerlukan sambungan Internet untuk dihubungkan dengan Bitcoin Network bagi memiliki, memindahkan, atau menggunakan Bitcoin. Walaupun terdapat organisasi yang menawarkan perkhidmatan perantaraan pihak ketiga, urus niaga Bitcoin antara pihak berlaku dengan sangat pantas (dalam beberapa saat) dan boleh dibuat secara langsung antara pengguna akhir. Setiap urus niaga direkodkan, dicap masa, dan dipaparkan kepada awam dalam "blok" dalam Blok Rantai yang mudah dicapai umum untuk mengelakkan kemungkinan membelanjakan satu Bitcoin dua kali. Oleh sebab setiap urus niaga direkodkan dalam Blok Rantai, yang tersedia untuk awam dan boleh dimuat turun separa atau sepenuhnya oleh semua pengguna aplikasi perisian Bitcoin Network sebagaimana yang dijelaskan di bawah, Bitcoin Network menyediakan pengesahan yang mencegah perbelanjaan berganda.

Bitcoin disimpan dalam dompet digital, yang berasaskan sama ada perkakasan atau perisian. Dompet perkakasan ialah peranti fizikal yang menyimpan kunci peribadi pengguna di luar talian, yang memberikan lapisan keselamatan tambahan. Sebaliknya, dompet perisian disimpan dalam komputer atau peranti mudah alih pengguna dan disambungkan kepada Internet.

Kunci peribadi, yang adalah gabungan panjang huruf dan nombor, digunakan untuk mencapai dan membenarkan urus niaga dengan Bitcoin. Ia adalah penting untuk menyimpan kunci ini dengan selamat, kerana sesiapa shaja yang mempunyai capaian kepadanya boleh memberikan kebenaran untuk urus niaga dengan Bitcoin yang disimpan dalam dompet.

Selain memastikan yang kunci peribadi disimpan dengan selamat, keutuhan Blok Rantai, lejar awam yang merekodkan semua urus niaga Bitcoin, adalah penting untuk keselamatan Bitcoin. Rangkaian komputer yang menyelenggara Blok Rantai menggunakan algoritma kompleks bagi memastikan yang setiap blok baharu yang ditambah kepada rantai adalah sah dan bahawa keseluruhan rantai adalah kalis gangguan.

Pada amnya, keselamatan Bitcoin bergantung pada gabungan keselamatan dompet digital dan keutuhan Blok Rantai.

Bitcoin tidak disokong oleh aset fizikal atau bentuk lain kredit, yang menjadikannya bukan sejenis mata wang fiat (mata wang yang disokong oleh bank pusat atau entiti kebangsaan, suprakebangsaan atau kuasi kebangsaan lain). Disebabkan hal ini, pada masa ini, nilai Bitcoin ditetapkan oleh nilai yang diberikan oleh peserta pasaran berlainan kepada Bitcoin melalui urus niaga mereka.

Bitcoin adalah pelaburan yang sangat mudah berubah, dan harganya telah turun naik dengan ketara sejak permulaaannya pada 2009. Kemudahubahan Bitcoin boleh dikaitkan dengan beberapa faktor, termasuk:

- Kurangnya penyeliaan kawal selia: Berbeza daripada pelaburan tradisi, seperti saham dan bon atau sukuk, pasaran mata wang kripto tidak dikawal selia dengan ketat. Ketiadaan penyeliaan ini boleh meningkatkan kemudahubahan, memandangkan terdapat hanya sedikit sekat dan imbang untuk mencegah pergerakan harga yang ketara.

- Saiz pasaran terhad: Pasaran untuk Bitcoin masih agak kecil berbanding dengan kelas-kelas aset lain, seperti saham dan bon atau sukuk. Akibatnya, jumlah aktiviti dagangan yang agak kecil boleh menyebabkan pergerakan harga yang ketara.

- Tahap spekulasi yang tinggi: Ramai pelabur yang menganggap Bitcoin sebagai pelaburan spekulatif, bukan penyimpan nilai jangka panjang. Ini boleh meningkatkan kemudahubahan, kerana pelabur lebih berkemungkinan untuk membeli dan menjual berdasarkan pergerakan pasaran jangka pendek, bukan berdasarkan nilai asas.

- Tahap ketakpastian yang tinggi: Persekitaran kawal selia yang tidak pasti, sifat baharu teknologi dan ketaktentuan dalam penerimaan boleh meningkatkan kemudahubahan dan kesukaran dalam penentuan harga mata wang kripto.

2.17 Penyenaraian Dana

Kelulusan untuk kemasukan ke dalam Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga sehingga 1,000,000,000 Unit Dana di Pasaran Utama Bursa Securities telah diperoleh daripada Bursa Securities pada 16 November 2026.

Unit-unit akan dimasukkan ke dalam Senarai Rasmi dan sebut harga rasmi bagi Unit-unit di Bursa Securities akan bermula selepas menerima pengesahan daripada Bursa Depository bahawa akaun-akaun CDS Pengurus masing-masing telah dibuka sebagaimana yang dikehendaki.

Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti ditetapkan. Disebabkan perkara ini, Unit-unit yang ditawarkan melalui Prospektus ini akan didepositkan secara langsung dengan Bursa Depository dan sebarang dagangan Unit-unit ini akan dilaksanakan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan-peraturan Bursa Depository.

2.18 Dagangan Silang

Pengurus tidak melaksanakan dagangan silang antara Dana dengan mana-mana dana lain yang diuruskan oleh Pengurus. Selain itu, dagangan silang antara akaun peribadi pekerja Pengurus dan akaun Dana, atau antara akaun proprietari Pengurus dan akaun Dana, adalah dilarang sama sekali. Jabatan Kepatuhan memantau rapat semua aktiviti dagangan bagi memastikan kepatuhan mutlak kepada larangan ini, dan sebarang usaha atau aktiviti dagangan silang tidak dibenarkan akan dilaporkan dengan serta-merta kepada Lembaga dan jawatankuasa yang melaksanakan fungsi penyeliaan Dana.

3. FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Pelaburan dalam Unit-unit melibatkan risiko. Bakal pelabur harus bergantung pada penilaian mereka sendiri dan mempertimbangkan dengan teliti faktor-faktor risiko berikut di samping maklumat lain yang terkandung di tempat lain dalam Prospektus ini, sebelum melabur dalam Dana.

Kecuali dinyatakan secara khusus atau diukur dalam bentuk angka dalam faktor-faktor risiko berkaitan, Pengurus tidak mempunyai hak untuk menetapkan nilai kewangan atau implikasi lain bagi mana-mana risiko yang dihuraikan dalam Bahagian ini. Faktor-faktor risiko berikut mungkin tidak lengkap, dan risiko dan ketakpastian tambahan yang mungkin tidak diketahui pada masa ini oleh Dana atau Pengurus, atau yang pada masa ini dianggap tidak penting mungkin menjadi penting pada masa hadapan, yang mungkin mempunyai kesan buruk ketara ke atas Dana atau harga Unit.

Pemegang-pemegang Unit perlu mengetahui bahawa harga Unit mungkin turun naik. Pelabur-pelabur perlu memberi perhatian bahawa mereka mungkin tidak mendapat kembali pelaburan asal mereka sepenuhnya atau tidak memperolehnya kembali langsung.

3.1 Risiko Am Melabur dalam ETFs dan Khususnya dalam Dana

Modal dan pulangan tidak dijamin
Pelaburan Dana adalah tertakluk kepada turun naik pasaran dan risiko bawaannya. **TIDAK ADA JAMINAN** bagi pulangan pelaburan atau naik nilai modal, dan tidak ada kepastian bahawa objektif pelaburan Dana akan dicapai. Berbeza daripada deposit tetap yang diletakkan secara langsung oleh pelabur dalam mana-mana institusi kewangan yang mempunyai kadar pulangan khusus, Dana ini tidak memberikan kadar pulangan tetap. Tidak ada jaminan bahawa pelabur akan menikmati sebarang naik nilai modal atau tidak akan mengalami kerugian modal yang dilaburkan dalam Dana.

Risiko pasaran
Berbeza daripada deposit tetap yang diletak secara langsung oleh pelabur-pelabur dalam mana-mana institusi kewangan yang mempunyai kadar pulangan khusus, Dana ini tidak memberikan kadar pulangan tetap. Tidak ada jaminan bahawa pelabur akan menikmati naik nilai modal atau tidak akan mengalami kerugian modal yang dilaburkan dalam Dana.

Risiko kecairan
Walaupun Unit-unit disenaraikan untuk dagangan di Bursa Securities, tidak ada kepastian bahawa pasaran dagangan aktif untuk Unit-unit tersebut akan berkembang atau berterusan dan/atau Pembuat Pasaran dan/atau Peniaga yang Menyertai akan secara aktif menyokong kecairan pasaran sekunder dan/atau aktiviti-aktiviti penciptaan dan penebusan ketika tempoh tekanan pasaran. Tidak ada asas pasti untuk meramal paras harga sebenar yang, atau pada jumlah yang, Unit-unit boleh didagangkan. Selanjutnya, tidak ada kepastian bahawa Pemegang-pemegang Unit akan mengalami corak dagangan atau penentuan harga yang serupa dengan untuk ETFs yang didagangkan di Bursa Securities yang didasarkan pada indeks. Tambahan pula, jika Bitcoin yang membentuk Aset Dana mempunyai dagangan terhad, atau Pembuat Pasaran dan/atau Peniaga yang Menyertai tidak dapat secara berkesan menyokong kecairan pasaran sekunder dan/atau aktiviti-aktiviti penciptaan dan penebusan ketika tempoh tekanan pasaran, spread bida-tawar di pasaran sekunder mungkin lebih luas, dan ini mungkin mempunyai kesan buruk ke atas harga yang Unit-unit didagangkan di Bursa Securities dan kemampuan Pemegang Unit untuk melupuskan Unit-unitnya pada harga yang dikehendaki. Dengan itu, jika Pemegang Unit perlu menjual Unit-unitnya pada masa yang pasaran aktif untuknya tidak wujud atau ketika tempoh tekanan pasaran, harga yang beliau terima untuk Unit-unitnya (dengan mengandaikan beliau dapat menjualnya) berkemungkinan adalah lebih rendah daripada harga yang diterima jika pasaran aktif wujud. Walaupun Pengurus telah melantik Pembuat Pasaran, tidak akan ada kepastian bahawa risiko kecairan ini akan dapat dikurangkan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa spread bida-tawar dan premium atau diskaun kepada NAV per Unit mungkin semakin luas, kecairan dalam pasaran sekunder untuk Unit-unit dan keupayaan pelabur-pelabur untuk memasuki atau keluar daripada pelaburan mereka mungkin terjejas jika Pembuat Pasaran gagal atau berhenti melaksanakan peranannya sebagai Pembuat Pasaran. Jika Peniaga yang Menyertai tidak dapat lagi secara berkesan menyokong aktiviti-aktiviti penciptaan dan penebusan ketika tempoh tekanan pasaran, pelabur-pelabur hanya akan dapat berdagang Unit-unitnya di Bursa Securities dan mungkin perlu berdagang Unit-unit mereka pada premium atau diskaun ketara berbanding NAV Dana per Unit. Kesan ke atas pelabur-pelabur ini ialah mereka mungkin membeli atau menjual Unit-unit mereka ketika tempoh tersebut pada harga yang jauh lebih tinggi atau lebih rendah daripada nilai berkadar pemegangan Bitcoin

sandaran Dana. Ia adalah menjadi hasrat Pengurus bahawa akan sentiasa ada sekurang-kurangnya satu Pembuat Pasaran untuk Dana.

Ketakupayaan untuk menjual sekuriti sandaran tertentu atau bahagian Aset Dana tertentu mungkin mempunyai kesan buruk ke atas nilai Dana dan mungkin mempunyai implikasi negatif untuk pelabur-pelabur dapat menebus di pasaran utama tepat pada masanya. Selain itu, pelabur-pelabur yang terus melabur dalam Dana juga mungkin menerima kesan buruk.

Kami telah menetapkan dasar pengurusan risiko kecairan yang membolehkan kami mengenal pasti, memantau dan menguruskan risiko kecairan Dana bagi menunaikan mana-mana Permohonan Penebusan dengan kesan minimum ke atas Dana dan juga memelihara kepentingan Pemegang-pemegang Unit lain. Bagi menguruskan risiko kecairan, kami telah menetapkan prosedur berikut:

a) kajian semula berkala portfolio pelaburan Dana termasuk ujian tekanan kecairannya ketika keadaan pasaran luar biasa;

b) Pengurus mungkin mengehadkan jumlah bilangan Unit yang boleh ditebus pada Hari Dagangan. Jika jumlah bilangan Unit (yang untuknya Permohonan Penebusan Tunai telah diterima oleh Pengurus) pada Hari Dagangan melebihi 50% (atau suatu peratusan lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengurus) daripada NAV Dana pada hari tersebut, Pengurus berhak untuk mengehadkan jumlah bilangan Unit yang boleh ditebus pada hari itu kepada 50% (atau suatu peratusan lebih tinggi sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengurus) daripada NAV Dana;

c) Dana boleh memegang maksimum 5% daripada NAVnya dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam. Ini akan membolehkan Dana mempunyai penimbal yang mencukupi untuk menunaikan mana-mana Permohonan Penebusan; dan

d) Pengurus boleh menggantung Permohonan Penebusan dalam keadaan luar biasa apabila nilai pasaran atau nilai saksama bahagian material Aset Dana tidak dapat ditentukan disebabkan peristiwa politik, ketenteraan, ekonomi dan kewangan atau keadaan-keadaan lain yang di luar kawalan, tanggungjawab dan kuasa Pengurus. Ketika tempoh penggantungan, Permohonan Penebusan tidak akan diterima dan Permohonan Penebusan tersebut akan diuruskan pada Hari Perniagaan berikutnya selepas penggantungan telah ditamatkan. Dengan itu, tindakan untuk menggantung Permohonan Penebusan hanya akan dilaksanakan sebagai usaha terakhir oleh Pengurus selepas mempertimbangkan kepentingan Pemegang-pemegang Unit.

Berhubung dengan had penebusan untuk Permohonan Penebusan Tunai dalam prenggan (b), ia adalah mungkin untuk had penebusan dikuatkuasakan pada hari-hari dagangan selepasnya dan Unit-unit akan ditebus berdasarkan NAV per Unit pada hari yang Unit-unit ditebus, dan bukan pada hari yang Permohonan Penebusan Tunai diserahkan. Dengan mengambil kira kemudahubahan harga yang ekstrim dalam pasaran Bitcoin, NAV Dana mungkin turun dengan ketara ketika permohonan Pemegang Unit masih menunggu giliran untuk penebusan. Dengan itu, Pemegang-pemegang Unit mungkin menanggung kerugian kewangan yang besar disebabkan penangguhan ini.

Pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa terdapat risiko bahawa alat-alat yang tersedia mungkin tidak berkesan untuk menguruskan kecairan dan risiko penebusan.

Risiko inflasi
Inflasi ialah salah satu risiko jangka panjang kerana ia mencipta ketakpastian berhubung nilai masa depan pelaburan. Mana-mana pelaburan adalah terdedah kepada risiko bahawa pelaburan mungkin tidak tumbuh berkadaran dengan kadar inflasi. Pulangan bagi pelaburan yang lebih rendah daripada kadar inflasi akan mengurangkan kuasa beli Pemegang Unit walaupun nilai pelaburan dari segi kewangan telah meningkat. Pemegang-pemegang Unit perlu menyedari bahawa tidak ada kepastian yang Bitcoin akan mengekalkan nilai jangka panjangnya dari segi kuasa beli pada masa hadapan.

Unit-unit mungkin didagangkan pada selain daripada NAV per Unit
Harga dagangan Unit-unit di Bursa Securities mungkin menyisih dengan ketara daripada NAV per Unit khususnya ketika tempoh ketaktentuan pasaran, apabila berlaku sebarang penggantungan penciptaan atau penebusan Unit-unit atau apabila IOPV tertangguh, tidak dikemas kini atau tidak tersedia untuk sementara waktu.

NAV per Unit Dana dikira pada akhir setiap Hari Dagangan dan turun naik dengan perubahan dalam nilai pasaran Aset Dana. Harga dagangan Unit turun naik secara berterusan sepanjang waktu dagangan

berdasarkan penawaran dan permintaan pasaran dan keadaan ekonomi di Malaysia, bukan berdasarkan NAV. Selanjutnya, jika IOPV tertangguh, tidak dikemas kini atau tidak tersedia buat sementara waktu disebabkan gangguan teknikal, operasi atau data, kecekapan dagangan pasaran sekunder, penemuan harga dan spread bida-tawar mungkin terjejas sementara, walaupun Pembuat Pasaran mungkin menggunakan sumber-sumber penentuan harga bebas dan data pasaran daripada berbilang platform dagangan Bitcoin dan tidak bergantung pada IOPV. Mana-mana daripada faktor ini boleh menyebabkan Unit didagangkan pada premium atau diskaun berbanding NAV per Unit.

Atas dasar bahawa Unit-unit boleh dicipta dan ditebus oleh Peniaga yang Menyertai dalam Blok-blok Unit Penciptaan atau Blok-blok Unit Penebusan pada NAV per Unit, ia adalah tidak dijangkakan yang harga pasaran Unit akan menyisih dengan ketara daripada NAV per Unit, atau sekalipun jika ini berlaku, sisihan tersebut akan berterusan.

Jika Pengurus menggantung penciptaan dan/atau penebusaan Unit, sisihan lebih besar berbanding NAV per Unit adalah dijangkakan.

Lanjutan daripada ini, peranan Pembuat Pasaran adalah untuk meminimumkan perbezaan antara harga dagangan di Bursa Securities dan NAV per Unit Dana.

Dagangan Unit di Bursa Securities mungkin Digantung atau Unit mungkin dinyahsenarai
Pemegang-pemegang Unit dan bakal Pemegang-pemegang Unit tidak akan dapat membeli, dan Pemegang-pemegang Unit juga tidak dapat menjual Unit-unit di Bursa Securities ketika mana-mana tempoh yang dagangan Unit digantung. Bursa Securities atau Pengurus boleh menggantung dagangan Unit selaras dengan peraturan dan dasar Bursa Securities apabila ia adalah bersesuaian dan demi kepentingan pasaran saksama dan teratur unruk melindungi Pemegang-pemegang Unit. Penciptaan dan penebusan Unit juga mungkin digantung jika dagangan Unit digantung.

Selanjutnya, Bursa Securities menetapkan syarat-syarat tetentu untuk penyenaraian berterusan sekuriti, termasuk Unit-unit, di Bursa Securities. Pelabur-pelabur tidak boleh diberikan jaminan bahawa Dana akan berterusan memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk mengekalkan penyenaraian Unit-unit di Pasaran Utama Bursa Securities atau bahawa Bursa Securities tidak akan mengubah Syarat Penyenaraian. Dana mungkin ditamatkan jika Unit-unit dinyahsenarai daripada Bursa Securities.

Pengantungan penciptaan dan/atau penebusan
Dagangan Unit di Bursa Securities tidak semestinya digantung sekiranya penciptaan dan/atau penebusan Unit digantung sementara oleh Pengurus selaras dengan terma-terma Surat Ikatan. Jika penciptaan dan/atau penebusan Unit digantung sementara, harga dagangan Unit-unit mungkin terjejas dan berbeza daripada nilai pasaran aset pendasar Dana.

Risiko undang-undang dan kawal selia
Dana mesti mematuhi kekangan-kekangan kawal selia atau perubahan dalam undang-undang yang mempunyai kesan ke atasnya atau batasan-batasan pelaburannya yang mungkin memerlukan perubahan dalam dasar dan objektif pelaburan yang diguna pakai oleh Dana. Selanjutnya, perubahan undang-undang ini mungkin mempengaruhi sentimen pasaran yang seterusnya mungkin mempengaruhi prestasi Dana. Ia adalah mustahil untuk meramal sama ada kesan yang disebabkan oleh apa-apa perubahan undang-undang akan mempunyai akibat positif atau negatif ke atas Dana. Dalam senario paling buruk, Pemegang Unit mungkin kehilangan semua pelaburannya dalam Dana.

Pengelasan semula pelaburan Syariah
Risiko ini merujuk kepada risiko yang Aset Dana dalam instrument-instrumen patuh Syariah mungkin dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah dalam kajian semula berkala Dana oleh Penasihat Syariah. Sekiranya ini berlaku, nilai Dana mungkin terjejas dan Pengurus mesti melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai kepatuhan Syariah selaras dengan Majlis Penasihat Syariah SC dan/atau nasihat daripada Penasihat Syariah.

Pergantungan pada Peniaga yang Menyertai
Penciptaan dan penebusan Unit hanya boleh dilaksanakan melalui Peniaga yang Menyertai. Pengurus telah memeterai Perjanjian Peniaga yang Menyertai dengan Peniaga yang Menyertai. Perjanjian Peniaga yang Menyertai membolehkan Peniaga yang Menyertai memohon penciptaan Unit-unit baharu dan/atau memohon penebusan Unit-unit sedia ada. Jika Peniaga yang Menyertai sedia ada menarik diri pada bila-bila masa dan tidak ada peniaga yang menyertai baharu atau tambahan dilantik dan/atau memeterai Perjanjian Peniaga yang Menyertai dengan Pengurus atau jika Peniaga yang Menyertai tidak dapat secara berkesan menyokong

aktiviti-aktiviti penciptaan dan penebusan ketika tempoh tekanan pasaran, Unit-unit baharu tidak boleh dicipta atau ditebus.

Walaupun Peniaga yang Menyertai telah bersetuju, selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Menyertai dengan Pengurus, bahawa ia akan mencipta atau menebus Unit untuk pelabur, sama ada Peniaga yang Menyertai bersetuju dengan pelabur-pelabur untuk mencipta atau menebus Unit-unit untuk mereka perlu dipersetujui antara pelabur berkaitan dan Peniaga yang Menyertai tersebut. Peniaga yang Menyertai boleh mengenakan yuran kerana menyediakan perkhidmatan ini. Peniaga yang Menyertai tidak boleh mencipta atau menebus Unit ketika tempoh penggantungan.

Risiko Pengurus
Risiko ini merujuk kepada pengurusan harian Dana oleh Pengurus yang akan mempengaruhi prestasi Dana. Contohnya, keputusan pelaburan yang dibuat oleh Pengurus, disebabkan pandangan salah tentang pasaran atau sebarang ketakpatuhan kepada dasar-dasar dalaman, mandat pelaburan, Surat Ikatan undang-undang atau garis panduan berkaitan disebabkan faktor-faktor seperti kesilapan manusia atau kelemahan dalam proses dan sistem operasi, mungkin menjejaskan prestasi Dana.

Risiko ketakpatuhan
Ini merujuk kepada risiko yang Pengurus tidak mematuhi pengaturan, undang-undang, peraturan atau Surat Ikatan. Walaupun bukan semua ketakpatuhan akan semestinya menyebabkan sesuatu kerugian kepada Dana, namun akan sentiasa ada risiko yang Dana akan menanggung kerugian. Contohnya, jika Pengurus terpaksa melupuskan mana-mana pelaburan Dana dengan menanggung kerugian bagi menyelesaikan ketakpatuhan. Meskipun begitu, Pengurus telah melaksanakan kawalan kepatuhan dalaman yang ketat bagi mengurangkan risiko ini.

Risiko Operasi
Ini merujuk kepada kemungkinan kegagalan dalam kawalan dan dasar dalaman Pengurus. Kegagalan ini mungkin disebabkan kesilapan manusia, kegagalan sistem atau penipuan yang pekerja kepada Pengurus bersubahat dengan satu sama lain. Risiko ini boleh menyebabkan kerugian kewangan dan/atau kesulitan kepada Pemegang-pemegang Unit. Pengurus akan mengkaji semula secara berkala dasar-dasar dan sistem dalamannya dan keupayaan sistem untuk mengurangkan risiko ini. Selain itu, Pengurus mengamalkan pengasingan tanggungjawab yang ketat bagi mengurangkan keadaan amalan penipuan dalam kalangan pekerja Pengurus.

Risiko siber dan risiko operasi teknologi
Dengan penggunaan teknologi yang semakin luas dalam perniagaan pengurusan dana, Dana mungkin menjadi semakin rentan kepada risiko-risiko operasi melalui pencerobohan keselamatan siber. Pencerobohan keselamatan siber merujuk kepada peristiwa sengaja dan tidak sengaja yang mungkin menyebabkan Pengurus dan/atau Dana kehilangan maklumat proprietari, mengalami kerosakan data atau kehilangan keupayaan operasi. Seterusnya, ini boleh menyebabkan Pengurus dan/atau Dana menanggung denda kawal selia, kerosakan reputasi, kos kepatuhan tambahan yang berkait dengan tindakan pembetulan dan/atau kerugian kewangan. Pelabur-pelabur perlu mengetahui bahawa teknologi memainkan peranan penting dalam keupayaan operasi, dan adalah khususnya penting disebabkan objektif pelaburan Dana dan strategi yang diguna pakai oleh Pengurus.

3.2 Risiko Khusus Melabur dalam Dana

Risiko mata wang
Mata wang asas dana dan pelaburan-pelaburannya didenominasi dalam USD. Walau bagaimanapun, Unit-unit boleh didagangkan dalam pasaran sekunder dalam MYR. Oleh itu, harga dagangan Unit-unit dalam pasaran sekunder akan terdedah kepada turun naik dalam kadar pertukaran MYR berbanding USD.

Risiko ralat penjejakan
Mungkin tidak ada korelasi sempurna antara NAV Dana dan Penanda Aras. Faktor seperti yuran dan perbelanjaan Dana, Kos Urus Niaga dan pembundaran harga Bitcoin mungkin mempengaruhi keupayaan Pengurus untuk mencapai korelasi rapat dengan Penanda Aras. Selain itu, perbezaan antara metodologi penilaian Dana dan metodologi Penanda Aras, termasuk penggunaan sumber-sumber penentuan harga berlainan dan metodologi pengagregatan harga, mungkin menyebabkan perbezaan antara (i) harga Bitcoin yang digunakan untuk penilaian NAV dan NAV per Unit Dana dan (ii) harga yang dicerminkan dalam Penanda Aras. Perbezaan ini mungkin lebih ketara ketika tempoh ketaktentuan pasaran atau pencapahan harga merentasi platform-platform dagangan Bitcoin dan mungkin menyumbang kepada ralat penjejakan dan mempengaruhi prestasi Dana berbanding dengan Penanda Aras.

Risiko yang berkait dengan Penanda Aras

a) Penilaian Bitcoin didasarkan pada purata harga dilsempurnakan Bitcoin yang diperoleh sepenuhnya daripada bursa-bursa aset digital yang layak sebagai sumber penentuan harga aset digital untuk Penanda Aras, yang diterbitkan setiap 15 saat dalam tempoh 60 minit sebelum masa penetapan, iaitu pukul 5.00 petang waktu Malaysia bagi Penanda Aras. Mungkin terdapat ralat, peninggalan atau kesilapan dalam pengiraan sumber harga Bitcoin, yang menyebabkan ketaktepatan dalam harga Penanda Aras. Pengurus dan Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab atau terlibat dalam kompilasi atau pengiraan sumber harga Bitcoin dan dengan itu tidak boleh dipertanggungjawabkan atau dipersalahkan ke atas sebarang ketaktepatan, ralat, pengguguran atau kesilapan dalam kompilasi atau pengiraan ini. Sumber harga Bitcoin juga tidak menerima liabiliti atau tanggungjawab ke atas ketepatan harga, Dana atau selainnya berhubung dengan pergantungan pelabur-pelabur pada harga-harga diterbitkan atau penggunaannya selepas itu.

b) Pengurus telah diberikan lesen ("Lesen") oleh pembekal sumber Bitcoin untuk menggunakan sumber harga Bitcoin dan untuk menggunakan nama dagangan dan tanda dagangan tertentu yang berkait dengan Penanda Aras. Sekiranya lesen ini ditamatkan atau jika Dana tidak dapat menggunakan sumber harga Bitcoin atas apa-apa sebab sekalipun, Pengurus tidak berkemungkinan dapat mencapai objektif pelaburan Dana. Akibatnya, Dana mungkin perlu dinyahsenarai dan ditamatkan dan Pemegang-pemegang Unit mungkin menanggung kerugian jika hasil pembubaran yang diterima oleh Pemegang-pemegang Unit adalah lebih rendah daripada jumlah pelaburan asal mereka. Lesen adalah sah sehingga ditamatkan selaras dengan terma-terma Lesen.

Unit-unit mungkin didagangkan pada harga yang pada, lebih tinggi atau lebih rendah daripada NAV per Unit Dana disebabkan waktu dagangan yang berbeza antara Bursa Securities dan pasaran Bitcoin

NAV per Unit Dana akan turun naik dengan perubahan dalam nilai pasaran Bitcoin, dan Pengurus menjangka harga harga dagangan Unit-unit akan naik turus selaras dengan perubahan dalam NAV per Unit Dana di samping penawaran dan permintaan pasaran. Walau bagaimanapun, Unit-unit boleh didagangkan di Bursa Securities pada harga yang adalah pada, lebih tinggi atau lebih rendah daripada NAV per Unit Dana atas pelbagai sebab. Contohnya, Bursa Securities dibuka untuk dagangan Unit-unit untuk tempoh terhad setiap hari, tetapi pasaran Bitcoin adalah pasaran 24 jam. Ketika tempoh yang Bursa Securities ditutup tetapi platform dagangan Bitcoin dibuka, perubahan besar dalam harga Bitcoin dalam pasaran aset digital boleh menyebabkan perbezaan dalam prestasi antara nilai Bitcoin sebagaimana yang diukur oleh Penanda Aras dan NAV per Unit Dana terkini. Contohnya, jika harga Bitcoin dalam pasaran aset digital, dan nilai Bitcoin sebagaimana yang diukur oleh Penanda Aras, bergerak dengan ketara dalam arah negatif selepas penutupan Bursa Securities, harga dagangan Unit-unit mungkin "menjunam" ke tahap paling rendah bagi pertukaran harga negatif itu apabila Bursa Securities dibuka semula. Jika harga Bitcoin dalam pasaran aset digital turun dengan ketara ketika tempoh yang Bursa Securities ditutup, Pemegang-pemegang Unit mungkin tidak dapat menjual Unit-unit mereka sehingga "junaman" turun telah berlaku sepenuhnya, yang menyebabkan ketakupayaan untuk mengurangkan kerugian dalam pasaran negatif. Sekalipun dalam tempoh yang Bursa Securities dibuka, platform dagangan Bitcoin yang besar (atau bilangan besar platform dagangan Bitcoin yang lebih kecil), mungkin kurang aktif didagangkan atau ditutup disebabkan beberapa perkara, yang boleh meningkatkan spread dagangan dan melebarkan sebarang premium atau diskaun ke atas Unit-unit.

Risiko pihak kepada Dana

Operasi berterusan Dana bergantung pada kestabilan kewangan berterusan pihak-pihak yang terlibat dalam Dana, iaitu Pengurus, Pemegang Amanah dan Subkustodian. Pengurus mengendalikan dan menguruskan Dana manakala Pemegang Amanah menjaga aset-aset Dana. Pemegang Amanah melantik Subkustodian untuk melaksanakan fungsi-fungsi penting dari segi penjagaan Bitcoin milik Dana, memudahkan pembelian dan penjualan atau penyelesaian Bitcoin oleh Dana berhubung dengan permohonan penciptaan dan penebusan dan penjualan Bitcoin untuk membayar perbelanjaan Dana. Jika Subkustodian gagal melaksanakan fungsi-fungsi yang ia laksanakan untuk Dana, maka Dana mungkin tidak dapat beroperasi atau mencipta atau menebus *In-Kind Baskets,* dan ini mungkin menjejaskan harga Dana.

Sekiranya berlaku ketakmampuan bayar, kemuflisan, penerimaan, pembubaran atau kegagalan lain Pemegang Amanah, Pengurus akan berusaha untuk melantik pemegang amanah pengganti. Jika Pengurus tidak berjaya mendapatkan pemegang amanah pengganti, Pengurus mungkin terpaksa menamatkan dana dan membubarkan Bitcoin milik Dana. Sekiranya berlaku ketakmampuan bayar, kemuflisan, penerimaan, pembubaran atau kegagalan lain Pengurus atau Subkustodian, Pemegang Amanah akan berusaha untuk melantik pengurus pengganti atau subkustodian pengganti. Jika Pemegang Amanah tidak berjaya mendapatkan pengurus pengganti atau subkustodian pengganti, Pengurus mungkin terpaksa menamatkan Dana dan membubarkan Bitcoin milik Dana. Pembubaran pegangan besar Bitcoin dalam tempoh yang singkat

mungkin menjejaskan harga pasaran, yang menyebabkan gelinciran pelaksanaan. Dana mungkin terpaksa menjual pegangannya pada diskaun, yang mengurangkan hasil yang akan diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit. Jika penamatan Dana berlaku pada masa yang merugikan kepada Pemegang-pemegang Unit, seperti apabila kadar pertukaran sebenar Bitcoin pada masa itu adalah lebih rendah daripada ketika Pemegang-pemegang Unit membeli Unit-unit mereka, maka apabila Bitcoin milik Dana dijual sebagai sebahagian daripada pembubarannya, hasil yang diperoleh yang diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit juga akan lebih rendah daripada apabila memberli Unit-unit mereka.

Pengurusan pelaburan pasif
Dana memegang/melabur dalam Bitcoin, walau apa sekalipun merit pelaburannya dan ia tidak diuruskan secara aktif. Ini bermaksud bahawa Pengurus tidak berusaha untuk mengatasi prestasi Penanda Aras dan tidak akan berdagang, iaitu membeli apabila menjangka kenaikan harga Bitcoin dan menjual apabila menjangka penurunan harga Bitcoin. Pengurus tidak berusaha untuk memilih mata wang kripto atau komoditi lain atau mengambil pendirian bertahan dalam pasaran menurun. Pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa ketiadaan budi bicara di pihak Pengurus untuk menyesuai kepada perubahan pasaran disebabkan sifat pasif bawaan Dana bermaksud bahawa penurunan dalam Penanda Aras dijangka akan menyebabkan penurunan sepadan dalam nilai Unit-unit. Pelabur-pelabur mungkin kehilangan sebahagian besar pelaburan mereka masing-masing jika Penanda Aras jatuh.

Pelaburan kemudahubahan tinggi
Pasaran Bitcoin adalah sensitif kepada perkembangan baharu, dan oleh sebab jumlah masih dalam proses matang, sebarang perubahan bererti dalam sentimen pasaran (melalui sensionalisme dalam media atau selainnya) boleh mengaruh perubahan besar dalam jumlah dan perubahan harga selepasnya. Ketaktentuan ini boleh mempunyai kesan buruk ke atas NAV Dana.

Harga Bitcoin dalam platform dagangan Bitcoin awam mempunyai sejarah yang terhad. Harga Bitcoin dalam platform dagangan Bitcoin secara keseluruhannya adalah mudah berubah dan tertakluk kepada pengaruh banyak faktor, termasuk paras kecairan dalam platform-platform dagangan Bitcoin. Bitcoin mungkin didagangkan pada harga berlainan merentasi pelbagai platform dagangan Bitcoin dan mungkin ada masanya yang Bitcoin akan didagangkan pada premium di satu platform dagangan berbanding platform-platform lain. Kemudahubahan harga Bitcoin dalam platform-platform dagangan Bitcoin boleh mempunyai kesan buruk ke atas NAV per Unit.

Risiko penurunan permintaan untuk dan penggunaan Bitcoin
Tidak ada kepastian yang Bitcoin akan mengekalkan nilai jangka panjangnya dari segi kuasa beli pada masa hadapan atau bahawa penerimaan Bitcoin sebagai kaedah pembayaran oleh peniaga runcit arus perdana dan perniagaan komersial akan terus berkembang. Sekiranya harga Bitcoin jatuh, Pengurus menjangkakan yang NAV Dana akan jatuh secara berkadaran.

Sebagai produk dan teknologi yang agak baharu, aset digital seperti Bitcoin hanya diterima secara meluas kebelakangan ini sebagai kaedah pembayaran untuk barang dan perkhidmatan oleh banyak kedai runcit dan komersial utama, penggunaan Bitcoin oleh pengguna untuk membayar kepada kedai runcit dan komersil ini masih terhad. Institusi kewangan mungkin enggan memproses dana untuk urus niaga Bitcoin, memproses pindahan kawat kepada atau daripada platform dagangan Bitcoin, syarikat atau pembekal perkhidmatan berkait Bitcoin, atau menyelenggara akaun untuk orang-orang atau entiti-entiti yang berurus niaga menggunakan Bitcoin. Sebaliknya, sebahagian besar permintaan Bitcoin dijana oleh spekulator dan pelabur yang mengharapkan keuntungan daripada pegangan jangka pendek atau jangka panjang Bitcoin. Peningkatan dalam permintaan dan penggunaan Bitcoin boleh mempunyai kesar buruk ke atas NAV Dana.

Saiz penebusan minimum
Unit-unit hanya boleh ditebus dalam Blok Unit Penebusan (atau gandaan penuhnya). Pelabur-pelabur yang tidak memegang Blok-blok Unit Penebusan hanya boleh merealisasi nilai Unit-unit mereka dengan menjual Unit-unit mereka di Bursa Securities pada harga pasaran dagangan. Harga pasaran Unit-unit sebagaimana yang didagangkan di Bursa Securities mungkin menyisih daripada NAV per Unit.

Risiko pemindahan tidak sempurna
Pindahan Bitcoin adalah tak boleh balik. Pemindahan tidak sempurna (yang Bitcoin dihantar secara tidak sengaja kepada penerima yang salah), sama ada secara tidak sengaja atau disebabkan kecurian, hanya boleh diundur semula oleh penerima Bitcoin yang bersetuju untuk menghantar kembali Bitcoin itu kepada penghantar asal dalam urus niaga berasingan selepas itu. Setakat yang Dana memindahkan secara salah, sama ada secara tidak sengaja atau selainnya, Bitcoin dalam jumlah yang salah atau kepada penerima yang salah, Dana mungkin tidak dapat memperoleh semula Bitcoin tersebut, dan ini boleh menjejaskan NAV Dana.

Risiko kehilangan "Kunci Peribadi"
Kehilangan atau kemusnahan "kunci-kunci peribadi" tertentu (kod angka yang diperlukan oleh Pengurus untuk mencapai Bitcoin) boleh menghalang Dana daripada mencapai Bitcoinnya. Kehilangan kunci-kunci peribadi ini mungkin tak boleh balik semula dan boleh menyebabkan kehilangan semua atau sebahagian besar daripada keseluruhan Aset Dana.

Risiko pencabangan rangkaian dan pemberian token kripto percuma
Penerimaan tampalan perisian atau naik taraf melalui majoriti mudah keupayaan pengkomputeran dalam rangkaian Bitcoin boleh menyebabkan "pencabangan", yang mencipta dua (atau lebih, walaupun ini pernah berlaku pada masa lalu) rangkaian blok rantai yang terhasil.

Sekiranya berlaku pencabangan rangkaian Bitcoin, akibat amnya adalah:
- Satu blok rantai menjadi dominan, yang menyebabkan blok rantai yang satu lagi mempunyai penerimaan dan/atau nilai yang rendah, atau
- Kedua-dua blok rantai diterima, wujud bersama dan beroperasi secara bebas daripada satu sama lain dengan penerimaan dan/atau nilai yang hampir sama.

Sekiranya berlaku pencabangan rangkaian Bitcoin, Pengurus akan menggunakan budi bicara mutlaknya untuk menentukan, dengan tulus hati, rangkaian blok rantai terhasil mana yang pada amnya diterima sebagai rangkaian Bitcoin dan dengan itu harus dianggap sebagai rangkaian yang sesuai untuk tujuan Dana. Pengurus akan mengasaskan penentuan ini pada apa-apa faktor yang dianggap berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kepercayaan Pengurus berhubung jangkaan pembangun-pembangun teras Bitcoin, Pentadbir Penanda Aras, pengguna-pengguna, perkhidmatan-perkhidmatan, perniagaan-perniagaan, pelombong-pelombong dan konstituensi lain, serta penerimaan berterusan sebenar bagi, kuasa perlombongan ke atas, dan keterlibatan komuniti dengan, rangkaian Bitcoin, atau apa sahaja faktor yang dianggap relevan. Tidak ada jaminan bahawa Pengurus akan memilih aset digital yang pada akhirnya adalah cabang paling berharga, dan keputusan Pengurus mungkin menjejaskan nilai Dana.

Selain pencabangan rangkaian blok rantai, pihak-pihak ketiga mungkin dari semasa ke semasa membuat pengagihan token kripto percuma, yang pemegang-pemegang Bitcoin layak menerima satu lagi aset digital tanpa sebarang balasan tambahan. Serupa seperti pendekatan Dana terhadap pencabangan rangkaian blok rantai, Pengurus akan menilai peristiwa ini dengan mengambil kira kepentingan Dana, kebolehlaksanaan operasi, dan keperluan undang-undang dan kawal selia terpakai. Pada masa ini, Dana tidak berhasrat untuk menuntut atau mengambil bahagian dalam pengagihan token kripto percuma atau pengagihan yang serupa. Dengan itu, sebarang kelayakan yang terhasil daripada peristiwa seumpama ini pada amnya akan ditolak atau ditinggalkan, dan Dana dan Pemegang-pemegang Unit tidak akan menerima sebarang manfaat daripada kelayakan ini.

Risiko penggodaman platform dagangan Bitcoin
Platform-platform dagangan Bitcoin tertentu telah diceroboh pada masa lalu oleh penggodam dan perisian hasad. Sekiranya platform dagangan Bitcoin digodam, peristiwa ini mungkin menyebabkan penutupan atau penutupan sementara platform dagangan Bitcoin atau mengurangkan keyakinan pelabur terhadap Bitcoin yang lazimnya akan menjejaskan harga Bitcoin dan seterusnya mempunyai kesan buruk ke atas NAV Dana.

Sumber tidak mencukupi bagi pemulihan jika Aset Dana hilang, dicuri atau musnah
Dana tidak akan mendapatkan perlindungan insurans untuk menginsuranskan Bitcoinnya dan akan bergantung pada perlindungan insurans yang diambil oleh Subkustodian yang akan diselenggara oleh Subkustodian pada jumlah yang dipersetujui dalam Perjanjian Jagaan dan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang ia anggap sesuai. Ini bermaksud bahawa sebarang lindungan insurans mungkin tidak membayar nilai sebenar mana-mana Bitcoin yang hilang atau digodam. Dengan itu, Pemegang Amanah tidak mempunyai keupayaan untuk menetapkan kewujudan, sifat atau jumlah perlindungan. Oleh itu, ia adalah mungkin bahawa Subkustodian tidak akan mengekalkan lindungan insurans penuh bagi Bitcoin yang dipegang oleh Subkustodian bagi pihak Dana. Dengan sebab itu, kerugian mungkin ditanggung berhubung dengan Bitcoin Dana yang tidak dilindungi oleh insurans.

Penjualan Bitcoin untuk membayar perbelanjaan Dana
Pengurus boleh menjual Bitcoin yang dipegang oleh Dana untuk membayar perbelanjaan Dana atas dasar mengikut keperluan tanpa mengira harga semasa Bitcoin pada ketika itu. Oleh sebab Dana tidak diuruskan secara aktif dan tidak ada usaha yang akan dibuat untuk membeli atau menjual Bitcoin bagi melindungi daripada atau mengambil kesempatan daripada turun naik dalam harga Bitcoin, Bitcoin Dana boleh dijual pada masa yang harga Bitcoin adalah rendah, yang mempunyai kesan negatif ke atas nilai Unit-unit. Selanjutnya, jumlah Bitcoin yang diwakili oleh setiap Unit akan beransur-ansur turun disebabkan penjualan Bitcoin. Dengan sebab itu, NAV Dana dijangka akan beransur-ansur turun jika harga Bitcoin kekal malar. Pemegang-

pemegang Unit perlu mengetahui bahawa penurunan beransur dalam jumlah Bitcoin wang diwakili oleh Unit-unit akan berlaku sama ada NAV Dana naik atau turun sebagai gerak balas terhadap perubahan dalam harga Bitcoin.

Rekursa terhad oleh Pemegang-pemegang Unit
Rekursa Pemegang-pemegang Unit terhadap Dana, Pemegang Amanah dan Pengurus di bawah undang-undang Malaysia mungkin terhad kepada Aset Dana, melainkan dan kecuali bagi apa-apa penipuan, kecuaian, niat jahat atau kemungkaran sengaja di pihak Pemegang Amanah dan/atau Pengurus dalam melaksanakan tugas mereka di bawah Surat Ikatan. Pemegang Unit tidak akan mempunyai rekursa langsung terhadap Subkustodian dan akan perlu bergantung pada Pemegang Amanah, bagi pihak Dana, untuk membuat tuntutan terhadap Subkustodian berhubung dengan Aset Dana. Manakala Pemegang Amanah tetap bertanggungjawab ke atas perbuatan dan peninggalan Subkustodian di bawah Surat Ikatan, apa-apa rekursa yang tersedia terhadap Subkustodian akan bergantung pada terma-terma Perjanjian Jagaan dan perlindungan insurans yang diambil oleh Subkustodian.

Risiko penumpuan
Dana adalah terdedah kepada risiko penumpuan kerana ia melabur sebahagian besarnya dalam Bitcoin. NAV Dana mungkin lebih mudah berubah daripada nilai portfolio yang dipelbagaikan dengan lebih luas dan mungkin turun naik dengan ketara dalam tempoh yang pendek. Perkara ini mungkin mempunyai kesan negatif ke atas NAV Dana.

Risiko ketakpatuhan Syariah
Oleh sebab Dana hanya boleh melabur dalam pelaburan patuh Syariah, akan sentiasa wujud risiko bahawa kerugian mungkin ditanggung oleh Dana apabila Pengurus terpaksa melupuskan pelaburan untuk memperbetulkan ketakpatuhan Syariah. Risiko ini dikurangkan melalui pelantikan penasihat Syariah, yang bertanggungjawab untuk memastikan yang Dana diuruskan dan ditadbir selaras dengan keperluan Syariah. Jika ketakpatuhan Syariah disebabkan oleh pelaburan tak patuh Syariah yang dibuat oleh Pengurus, maka sebarang kerugian yang dialami daripada pelupusan pelaburan tidak patuh Syariah tersebut akan ditanggung oleh Pengurus.

4. YURAN DAN CAJ

TERDAPAT YURAN DAN CAJ YANG TERLIBAT DAN PELABUR-PELABUR DINASIHATKAN SUPAYA MEMPERTIMBANGKAN YURAN-YURAN DAN CAJ-CAJ INI SEBELUM MELABUR DALAM DANA.

4.1 Yuran dan Caj yang ditanggung secara langsung oleh Pelabur

4.1.1 Caj untuk penciptaan dan penebusan Unit melalui Peniaga yang Menyertai

Jadual ini menghuraikan yuran-yuran dan caj-caj (tidak termasuk belanja tunai langsung) yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah. Pelabur-pelabur perlu menyemak dengan Peniaga yang Menyertai berkaitan mengenai yuran-yuran dan caj-caj sebenar yang mungkin ditanggung.

Perkara	Huraian
Yuran Permohonan Penciptaan/Penebusan	MYR2,500 per Blok Unit Penciptaan atau Blok Unit Penebusan (dan tertakluk kepada maksimum MYR10,000) dibayar kepada Pengurus atau suatu jumlah yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa selepas berunding dengan Pemegang Amanah.
Yuran Pembatalan Permohonan Penciptaan/Penebusan	1.00% daripada Jumlah Langganan / Jumlah Penebusan, yang mana berkenaan, dibayar kepada Pengurus atau suatu jumlah yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.
Kos Urus Niaga	Pengurus boleh mengenakan caj Kos Urus Niaga (yang ditanggung oleh Dana) untuk mencegah NAV Dana daripada dicairkan oleh Kos Urus Niaga. Sila ambil perhatian bahawa untuk Penciptaan *In-Kind* / Penebusan *In-Kind,* oleh sebab Bitcoin semerta fizikal disimpan dengan Subkustodian, mungkin terdapat caj lain, termasuk semua cukai dan/atau duti terpakai sebagaimana yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak-pihak berkuasa berkaitan dari semasa ke semasa dan yuran gas yang mungkin ditanggung oleh pelabur-pelabur disebabkan pemindahan Bitcoin ke dalam jagaan pelabur itu.
Yuran-yuran Lain	Jumlah (selain Kos Urus Niaga yang dihuraikan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari semasa ke semasa berhubung dengan Permohonan yang diserahkan oleh Peniaga yang Menyertai, yang dicaj oleh Bursa Depository.

Di samping itu, pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa mereka mungkin perlu membayar yuran dan perbelanjaan kepada Peniaga yang Menyertai untuk perkhidmatannya bagi dan berhubung dengan memohon untuk penciptaan dan penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Menyertai. Yuran dan perbelanjaan ini dicaj oleh Peniaga yang Menyertai kerana menyediakan perkhidmatan-perkhidmatannya dan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengannya.

4.1.2 Caj untuk membeli dan menjual Unit di Bursa Securities

Jadual ini menghuraikan caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada tarikh Prospektus ini yang caj-caj ini mungkin berubah dari semasa ke semasa) apabila mereka membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana di Bursa Securities. Pelabur-pelabur perlu menyemak dengan broker-broker mereka berhubung gengan yuran-yuran dan caj-caj sebenar yang mungkin ditanggung.

Perkara	Huraian
Yuran Pembrokeran	Sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa Securities.

Yuran Penjelasan Bursa Securities	0.03% daripada nilai urus niaga tertakluk kepada maksimum MYR1,000 per urus niaga. Yuran minimum MYR10 per urus niaga dikenakan untuk kontrak-kontrak perniagaan langsung.
Duti Setem	MYR1.00 untuk setiap MYR1,000 atau pecahan bahagian daripada nilai urus niaga (dibayar oleh kedua-dua pembeli dan penjual), tertakluk keapda maksimum MYR200 per urus niaga.

Maklumat lanjut tentang caj-caj yang pelabur-pelabur akan tanggung apabila berdagang Unit-unit di Bursa Securities boleh diperoleh di ***www.bursamalaysia.com***.

4.2 Yuran yang Ditanggung Secara Tidak Langsung oleh Pelabur

Berikut ialah caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung secara tidak langsung apabila mereka melabur dalam Unit-unit Dana.

Perkara	**Huraian**
Yuran Pengurusan Tahunan`	Sehingga 0.60% setahun daripada NAV Dana dikira dan terakru harian dengan menggunakan mata wang asas Dana.
Yuran Pemegang Amanah Tahunan	Sehingga 0.05% setahun (tidak termasuk yuran dan caj penjagaan) daripada NAV Dana dikira dan terakru harian dengan menggunakan mata wang asas Dana.
Yuran Subkustodian Tahunan	Sehingga 0.15% setahun daripada nilai USD Bitcoin semerta fizikal yang dipegang dengan Subkustodian, terakru harian dan dibayar setiap tahun.
Yuran Lesen Indeks Tahunan	Sehingga 0.04% setahun daripada NAV Dana dikira dan terakru harian dengan menggunakan mata wang asas Dana.

Akan ada yuran dan pebelanjaan lain yang ditanggung oleh Dana seperti yuran audit, yuran ejen cukai, percetakan dan alat tulis, caj bank, yuran serah simpan untuk laporan tahunan dan perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Surat Ikatan. Selain itu, akan ada perbelanjaan pelbagai seperti yuran profesional dan yuran guaman.

Semua yuran dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas akan ditolak daripada Aset Dana.

4.3 Kos Penubuhan Dana

Kos penubuhan dan Penyenaraian Dana, termasuk perbelanjaan berikut akan ditanggung oleh Dana:

- kos penyediaan dan penerbitan Prospektus ini;
- yuran profesional dan khidmat nasihat; dan
- yuran kawal selia,

(secara kolektif, “Kos Penubuhan”).

Kos Penubuhan yang dinyatakan di atas akan dibiayai terlebih dahulu oleh Pengurus apabila ditanggung. Pengurus dibenarkan mengenakan caj Kos Penubuhan, yang tidak akan melebihi MYR500,000 dalam tempoh dua (2) tahun untuk mengurangkan kesan pencairan ke atas pulangan Dana.

4.4 Perbelanjaan Dibenarkan

Pengurus dan/atau pemegang Amanah berhak untuk membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset Dana setakat yang ia telah ditanggung berkaitan dengan operasi dan pentadbiran Dana:

(a) sebarang kos, yuran dan perbelanjaan yang perlu dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Penanda Aras yang dimeterai oleh Pengurus berhubung dengan Dana

atau berkaitan dengan mana-mana lesen dan kontak bekalan data berhubung dengan meneruskan pengiraan IOPV;

(b) yuran pemprosesan atau pengendalian yang dilevi oleh mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan untuk melaksanakan mana-mana pemerolehan, pelupusan atau sebarang urusan lain dalam Aset Dana dan sebarang perbelanjaan berkaitan dengannya termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urusan dalam Pelaburan Dibenarkan;

(c) semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat Syariah, penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, penasihat pelaburan, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai, pakar komputer atau penasihat profesional lain yang digaji atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam mengekalkan, memelihara dan melindungi Aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan tugas dan kewajipan mereka masing-masing menurut Surat Ikatan dan untuk menafaat Dana;

(d) semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan penjagaan selamat, pemerolehan, pemegangan, pendaftaran, realisasi bagi atau urusan lain dengan mana-mana Aset Dana atau pemegangan mana-mana Aset Dana atau penjagaan dokumen hak miliknya (termasuk insurans dokumen hak milik terhadap kehilangan ketika penghantaran, transit atau selainnya dan caj yang dikenakan oleh ejen Pemegang Amanah untuk menyimpan dokumen dalam jagaan selamat), apa-apa yuran dan perbelanjaan berkaitan Subkustodian. dan semua yuran urusan sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urusan yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset Dana;

(e) semua caj dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mana-mana mesyuarat Pemegang Unit selain yang dipanggil oleh dan untuk manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;

(f) yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau mengekalkan penyenaraian dan sebut harga untuk Unit-unit di Pasaran Utama Bursa Securities, dan/atau kebenaran atau kelulusan rasmi lain atau keizinan untuk Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai lain;

(g) yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Gedung Penjelasan (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);

(h) Kos Penubuhan;

(i) semua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkait dengan penyelenggaraan laman sesawang atau laman web (mengikut keadaan) yang dikhususkan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemakluman kepada Pemegang-pemegang Unit, pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan termasuk pemakluman yang dibuat berkaitan dengan Dana di Bursa Securities, akhbar(-akhbar) di Malaysia dan bentuk komunikasi lain yang dibenarkan atau diterima dalam Garis Panduan ETF dan sebagaimana yang Pengurus akan tentukan dari semasa ke semasa

(j) semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, pengedaran, serah simpanan dan pendaftaran Prospektus ini atau mana-mana prospektus tambahan atau gantian berhubung dengan Dana;

(k) semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan mana-mana surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan atau pengubahsuaian Surat Ikatan dan berhubung dengan penyediaan mana-mana perjanjian berhubung dengan Dana selain daripada untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;

(l) semua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan beraudit dan laporan separuh tahunan tidak diaudit dan semua cek, penyata, notis dan dokumen lain yang berkaitan dengan Dana;

(m) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung sewajarnya oleh juruaudit berkaitan dengan Dana;

(n) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan atau persaraan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit Dana atau pelantikan syarikat pengurusan baharu,

pemegang amanah baharu atau juruaudit baharu selain yang untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;

(o) semua perbelanjaan yang ditanggung dalam mengumpulkan pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam mendapatkan pembayaran balik atau pelepasan cukai dan perjanjian liabiliti cukai) atau penentuan percukaian atau cukai;

(p) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam pembubaran dan penamatan Dana;

(q) kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penilaian dana dan perakaunan Dana yang dilaksanakan oleh ejen penilaian dana;

(r) imbuhan dan belanja tunai langsung yang orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi penyeliaan Dana, kecuali Pengurus menetapkan selainnya;

(s) semua perbelanjaan berkaitan dengan lawatan tapak di premis Subkustodian untuk manfaat Dana;

(t) apa-apa yuran yang mungkin dikenakan oleh SC berkaitan dengan Dana; dan

(u) caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain) sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki (yang mana berkenaan) di bawah undang-undang terpakai yang Pengurus dan Pemegang Amanah berhak untuk caj kepada Dana.

4.5 Dasar mengenai Rebat dan Komisen Ringan

Pengurus atau mana-mana wakil tidak akan mengambil sebarang rebat daripada, atau berkongsi sebarang komisen dengan, mana-mana broker atau peniaga sebagai balasan memberikan arahan urus niaga (jika ada) dalam pelaburan Dana. Oleh itu, sebarang rebat atau komisen dikongsi akan disalurkan ke dalam akaun Dana.

Komisen ringan boleh diambil oleh Pengurus dengan syarat bahawa:

- komisen ringan memberikan manfaat atau kelebihan langsung kepada pengurusan Dana dan mungkin termasuk perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan berkaitan nasihat;

- sebarang urusan dengan broker atau peniaga dilaksanakan berdasarkan terma yang paling menguntungkan kepada Dana; dan

- ketersediaan komisen ringan bukan merupakan satu-satunya tujuan atau tujuan utama untuk melaksanakan atau mengatur urus niaga dengan broker atau peniaga tersebut, dan Pengurus tidak akan melaksanakan dagangan yang tidak perlu untuk mencapai jumlah urus niaga yang mencukupi untuk layak menerima komisen ringan.

Sebarang komisen, imbuhan atau jumlah lain yang dibayar oleh Pengurus kepada mana-mana ejen atau orang lain berkaitan dengan penerbitan atau penjualan mana-mana Unit tidak akan ditambah kepada Harga Terbitan Unit tersebut dan tidak akan dibayar daripada Aset Dana.

Semua yuran, caj dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada semua cukai dan/atau duti terpakai sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa berkaitan dari semasa ke semasa, yang juga perlu dibayar.

5. UNIT-UNIT DANA

Mata wang asas Dana ialah USD. Unit-unit dalam pasaran utama akan didenominasi dalam USD tetapi akan didagangkan di Bursa Securities (dalam pasaran sekunder) dalam MYR dan USD.

Apabila membuat permohonan untuk Unit-unit dalam Dana dan/atau membeli Unit-unit di Bursa Securities (pasaran sekunder), Peniaga yang Menyertai dan pelabur akan tertakluk kepada peraturan dan notis Pentadbiran Pertukaran Asing BNM ("Peraturan FEA") berkaitan, apabila terpakai. Pelabur-pelabur yang tidak mematuhi Peraturan FES terpakai boleh mendapatkan kelulusan daripada Pentadbiran Pertukaran Asing BNM sebelum melanggan Unit-unit. Pelabur-pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat profesional berkenaan Peraturan FEA sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.

5.1 Permohonan untuk Pembelian dan Penjualan Unit

5.1.1 Sebelum Penyenaraian

Hanya Peniaga yang Menyertai yang boleh melanggan Unit-unit Dana melalui tawaran persendirian ketika Langganan Awal. Unit-unit akan diterbitkan pada Harga Terbitan Awal kepada Peniaga yang Menyertai.

Hasil yang diterima oleh Dana daripada Langganan Awal akan digunakan untuk pelaburan dalam Pelaburan Dibenarkan. Rangka masa untuk penggunaan penuh hasil ialah dalam lima (5) Hari Perniagaan dari penerimaan hasil.

Unit-unit Dana akan tersedia untuk awam melalui Peniaga yang Menyertai Selepas Penyenaraian. Sila Rujuk Bahagian 5.1.2 untuk maklumat lanjut mengenai membuat permohonan untuk Unit-unit Selepas Penyenaraian.

5.1.2 Selepas Penyenaraian

Ada dua (2) kaedah untuk melanggan atau menebus Unit-unit:

(a) Mohon untuk Penciptaan *In-Kind* / Penciptaan Tunai Unit-unit dalam Blok Unit Penciptaan (atau gandaan penuhnya) atau Penebusan *In-Kind* / Penebusan Tunai Unit-unit dalam Blok Unit Penebusan (atau gandaan penuhnya), melalui Peniaga yang Menyertai. Unit-unit didenominasi dalam USD sahaja. Prosedur ini dihuraikan dalam Bahagian 5.2 Prospektus ini.

Dalam keadaan tertentu, Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, boleh menggantikan Sekuriti Penciptaan / Sekuriti Penebusan dengan tunai (sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 5.2.2(v) dan 5.2.3.1(q) Prospektus ini).

Sila rujuk Bahagian 5.2 untuk maklumat lanjut mengenai prosedur permohonan untuk penciptaan dan penebusan Unit-unit.

(b) Berdagang Unit-unit mereka di pasaran sekunder di Bursa Securities sebagaimana syer-syer tersenarai biasa melalui perantara berlesen seperti broker saham atau mana-mana perkhidmatan urus niaga saham yang ditawarkan oleh bank-bank atau penasihat-penasihat kewangan lain. Maklumat lanjut diberikan dalam Bahagian 5.7 Prospektus ini

Dana boleh didagangkan dalam dua (2) denominasi mata wang berlainan, iaitu USD dan MYR. Pelabur-pelabur boleh membeli Unit-unit dalam MYR dan/atau USD melalui perantara berlesen seperti broker saham atau mana-mana daripada perkhidmatan urus niaga saham yang ditawarkan oleh bank-bank atau penasihat-penasihat kewangan lain. Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur hanya boleh menjual Unit-unit dalam mata wang yang ia pertama kali dibeli. Contohnya, Unit-unit yang dibeli dalam MYR hanya boleh dijual dalam MYR, manakala Unit-unit yang dibeli dalam USD hanya boleh dijual dalam USD.

Tertakluk kepada budi bicara Pengurus, Peniaga yang Menyertai mungkin dibenarkan menukar Unit-unitnya dalam MYR kepada USD dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, permohonan ini hanya terpakai untuk pelabur institusi dan Pembuat Pasaran.

Dalam kebanyakan keadaan, harga dagangan di dua (2) kaunter mata wang dari segi teori mesti setara atau hampir dengan satu sama lain, dengan mengambil kira kadar pertukaran asing semasa. Walau

bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu, disebabkan faktor penawaran dan permintaan pasaran di setiap kaunter dan aktiviti pasaran Pembuat Pasaran, hubungan harga dan perbezaan antara dua (2) kaunter ini mungkin tidak semestinya kadar pertukaran asing antara kedua-dua kaunter.

Maklumat lanjut diberikan dalam Bahagian 5.7 Prospektus ini.

5.2 Pelabur dan Peniaga yang Menyertai

Apabila pelabur-pelabur memilih untuk memohon untuk penciptaan atau penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Menyertai (pasaran utama) sebagaimana yang dihuraikan dalam Bahagian 5.1.2(a) di atas, perkara-perkara berikut perlu diberikan perhatian:

(a) Pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa permohonan untuk penciptaan dan/atau penebusan Unit-unit hanya boleh dibuat melalui Peniaga yang Menyertai.

(b) Pelabur-pelabur yang memohon untuk penciptaan dan/atau penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Menyertai perlu mengambil perhatian bahawa Peniaga yang Menyertai boleh, untuk akaunnya sendiri, mengenakan caj yuran dan perbelanjaan yang tidak dinyatakan dalam Prospektus ini kerana memberikan perkhidmatannya dan mengenakan syarat-syaratnya sendiri untuk permohonan untuk atau penebusan Unit-unit di samping yang telah dinyatakan dalam Prospektus ini.

(c) Pelabur-pelabur harus menghubungi Peniaga yang Menyertai untuk maklumat lanjut, prosedur dan syarat-syarat sebelum menyerahkan permohonan kepada Peniaga yang Menyertai.

(d) Peniaga yang Menyertai telah bersetuju dengan Pengurus bahawa ia akan menerima permohonan yang diterima daripada pelabur-pelabur, tertakluk kepada keadaan pasaran biasa, perjanjian berhubung dengan yuran dan penyempurnaan prosedur penerimaan pelanggan, untuk mencipta dan/atau menebus Unit-unit bagi pihak pelabur-pelabur ini. Pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa walaupun Pengurus bertanggungjawab memantau dengan rapat operasi Dana, sama ada Pengurus atau Pemegang Amanah tidak diberikan kuasa untuk memaksa Peniaga yang Menyertai mendedahkan yurannya yang dipersetujui dengan pelabur-pelabur tertentu atau maklumat proprietari atau rahsia lain kepada Pengurus dan Pemegang Amanah, atau untuk menerima mana-mana permintaan permohonan yang diterima daripada pelabur-pelabur.

(e) Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa pengaturan yang ditetapkan antara Peniaga yang Menyertai dan pelabur adalah hanya pengaturan kontrak antara pelabur dan Peniaga yang Menyertai dan tidak berkaitan dengan Pengurus, Pemegang Amanah atau Dana. Pemegang Amanah dan Pengurus bukan merupakan pihak dalam pengaturan ini yang adalah di luar lingkungan Dana. Oleh itu, Pemegang Amanah dan Pengurus tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap setiap pelabur untuk pengaturan ini. Pelabur harus menghubungi Peniaga yang Menyertai dan mendapatkan maklumat lanjut sebelum bersetuju dengan pengaturan ini.

Prosedur yang dihuraikan dalam Bahagian ini adalah berkaitan dengan penciptaan dan penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Menyertai (pasaran utama):

(i) kedua-dua Permohonan Penciptaan dan Permohonan Penebusan boleh dibuat oleh Peniaga yang Menyertai sebelum Tarikh Akhir Dagangan pada mana-mana Hari Dagangan. Jika Permohonan Penciptaan dan Permohonan Penebusan diterima pada hari yang bukan Hari Dagangan atau diterima selepas Tarikh Akhir Hari Dagangan, Permohonan-permohonan tersebut akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Dagangan berikutnya;

(ii) Permohonan hanya boleh dibuat oleh Peniaga yang Menyertai dalam USD;

(iii) Permohonan Penciptaan oleh Peniaga yang Menyertai mesti dibuat melalui Penciptaan Tunai atau Penciptaan *In-Kind* Unit-unit dalam Blok Unit Penciptaan (atau gandaan penuhnya); dan

(iv) Permohonan Penebusan oleh Peniaga yang Menyertai mesti dibuat melalui Penebusan Tunai atau Penebusan *In-Kind* Unit-unit dalam Blok Unit Penebusan (atau gandaan penuhnya).

Harga terbitan dan Harga Penebusan untuk Unit-unit akan ditentukan selaras dengan peruntukan dalam Bahagian 5.4 Prospektus ini.

Unit-unit yang diterbitkan selaras dengan Permohonan Penciptaan yang dibuat oleh Peniaga yang Menyertai akan didaftarkan atas nama Peniaga yang Menyertai dalam Daftar dan akan didepositkan dengan Bursa Depository. Tertakluk kepada bersetujuan antara pelabur dan Peniaga yang Menyertai, Unit-unit yang dipohon untuk atau bagi pihak pelabur akan selepas itu dikreditkan ke dalam Akaun CDS pelabur.

5.2.1 Prosedur untuk Penciptaan *In-Kind* dan Penciptaan Tunai

(i) Untuk melaksanakan Penciptaan *In-Kind,* pelabur-pelabur mesti menghubungi Peniaga yang Menyertai untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai prosedur dan syarat-syarat untuk Penciptaan *In-Kind* tersebut. Pelabur-pelabur harus menyerahkan permohonan dengan melengkapkan borang permohonan yang diperoleh daripada Peniaga yang Menyertai dan menyerahkan sebarang dokumentasi lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Peniaga yang Menyertai. Semua prosedur pengesahan pemindahan blok rantai, saringan dompet, saringan kebenaran dan syarat-syarat pengesahan urus niaga akan dilakukan oleh Pengurus dan/atau pembekal(-pembekal) perkhidmatan berkaitan selaras dengan pengaturan operasi dan keperluan kawal selia terpakai.

(ii) *In-Kind Creation Basket* akan ditentukan oleh Pengurus pada setiap Hari Dagangan dan diterbitkan di laman sesawang Dana di ***https://halogen.my*** dan laman sesawang Bursa Securities di ***www.bursamalaysia.com*** sebelum pasaran dibuka pada Hari Perniagaan berikut.

(iii) Untuk Permohonan Penciptaan menjadi sah, ia mesti:

- diserahkan oleh Peniaga yang Menyertai selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Menyertai;
- melampirkan perakuan yang diperlukan dalam Perjanjian Peniaga yang Menyertai, dan dokumen-dokumen atau maklumat lain sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pemegang Amanah dan Pengurus untuk memastikan kepatuhan undang-undang terpakai;
- menyatakan bilangan Blok-blok Unit Penciptaan (saiz semasa satu (1) Blok Unit Penciptaan ialah 50,000 Unit);
- menyatakan orang yang membuat Permohonan Penciptaan atau bagi pihak siapa Permohonan Penciptaan dibuat;
- mematuhi dan memenuhi semua saringan dompet terpakai, Know-Your-Transaction (KYT), saringan kebenaran dan semakan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) lain, sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dan/atau Subkustodian (apabila terpakai); dan
- berhubung dangan Penciptaan *In-Kind*, bersama dengan penyerahan *In-Kind Creation Basket* (iaitu, berjaya menyempurnakan pemindahan Bitcoin yang dikehendaki kepada dompet jagaan ditetapkan selaras dengan prosedur operasi yang ditetapkan oleh Pengurus dan/atau Subkustodian (apabila diperlukan) dan pembayaran Komponen Tunai (jika ada) sepadan dengan bilangan Blok-blok Unit Penciptaan; atau
- berhubung dengan Penciptaan Tunai, disertai dengan pembayaran Jumlah Langganan penuh oleh Peniaga yang Menyertai.

(iv) Selepas menerima Permohonan Penciptaan yang sah, Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah supaya mencipta dan menerbitkan Unit-unit baharu.

(v) Untuk Permohonan Penciptaan yang sah, Sekuriti Penciptaan akan dinilai berdasarkan asas penilaian Bitcoin sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 2.12 Prospektus ini pada Tarikh Dagangan.

(vi) Unit-unit baharu akan dicipta dan diterbitkan, dan Daftar akan dikemas kini sewajarnya. Harga Terbitan akan didasarkan pada NAV Dana pada Titik Penilaian pada Tarikh Dagangan.

5.2.2 Peruntukan terpakai untuk Penciptaan *In-Kind* dan Penciptaan Tunai

(i) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak menurut budi bicara tunggalnya/mereka, dengan syarat ia adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penciptaan jika:

- Permohonan Penciptaan adalah tidak jelas, salah atau kabur (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);

- berhubung dengan Penciptaan *In-Kind*,

  (a) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah percaya secara munasabah bahawa Penciptaan Sekuriti adalah menyalahi undang-undang;

  (b) Sekuriti Penciptaan dan Komponen Tunai (jika ada) tidak sepadan dengan *In-Kind Creation Basket* untuk Hari Dagangan berkaitan;

  (c) mana-mana saringan dompet terpakai, Know-Your-Transaction (KYT), saringan kebenaran atau semakan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) mengenal pasti isu mungkin yang memerlukan kajian lebih lanjut atau tidak disempurnakan dengan memuaskan, atau pemindahan Bitcoin yang dikehendaki ditangguh, ditolak atau selainnya tidak berjaya disempurnakan selaras dengan prosedur operasi yang ditetapkan oleh Pengurus dan/atau Subkustodian (apabila terpakai);

- agregat Blok(-blok) Unit Penciptaan berhubung dengan Permohonan Penciptaan dan bilangan Unit-unit dalam terbitan ketika itu melebihi saiz dibenarkan oleh Dana sebagaimana yang diluluskan oleh SC dari semasa ke semasa;

- Bursa Securities ditutup;

- Pengurus telah menggantung hak Peniaga yang Menyertai untuk membuat Permohonan Penciptaan; atau

- pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penciptaan mungkin melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Menyertai, Prospektus ini dan/atau Surat Ikatan.

(ii) Selain itu, Pemegang Amanah boleh, dengan memberikan notis kepada Pengurus, menolak untuk:

- mencipta Unit-unit; atau

- mencipta Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus,

jika Pemegang Amanah berpendapat bahawa penciptaan tersebut adalah bukan demi kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau bahawa ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan undang-undang terpakai lain.

(iii) Pembatalan Unit-unit yang dicipta selaras dengan Permohonan Penciptaan untuk Penciptaan *In-Kind*:

- Pengurus boleh mengarahkan Pemegang Amanah supaya membatalkan Unit-unit yang telah dicipta (tetapi masih belum diterbitkan) selaras dengan Permohonan Penciptaan jika:

  (a) Sekuriti penciptaan yang dikehendaki diserahkan sebagai sebahagian daripada Penciptaan *In-Kind* masih belum diserahkan dan diberikan hak kepada Dana atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah;

  (b) Komponen Tunai (jika ada) masih belum diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah;

  (c) Yuran Permohonan dan Kos Urus Niaga (jika ada) yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai masih belum diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pengurus (bagi Yuran Permohonan) dan Pemegang Amanah untuk akaun Dana (bagi Kos Urus Niaga); atau

  (d) agregat nilai Sekuriti Penciptaan yang diserahkan kepada Pemegang Amanah dan jumlah tunai yang dibayar kepada Pemegang Amanah berhubung dengan Komponen Tunai (jika ada) tidak sama dengan *In-Kind Creation Basket*;

  menjelang masa dan tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus (selepas berunding dengan Pemegang Amanah) selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Menyertai.

- Jika mana-mana Unit dibatalkan seperti yang dihuraikan di atas, Sekuriti Penciptaan (jika telah diserahkan diberikan hak kepada Dana) dan Komponen Tunai (jika telah diterima dalam dana dijelaskan oleh Pemegang Amanah) akan diserahkan semula kepada pelabur (apabila penciptaan dilaksanakan oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak pelanggan sebenarnya) dan/atau Peniaga yang Menyertai (apabila Peniaga yang Menyertai memohon Unit-unit untuk akaunnya sendiri).

- Unit-unit yang dibatalkan itu akan dianggap tidak pernah dicipta dan Peniaga yang Menyertai tidak mempunyai hak atau tuntutan terhadap Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung dengan pembatalan tersebut. Selain itu, Pengurus boleh, tetapi tidak akan terikat untuk mengenakan caj Yuran Pembatalan Permohonan kepada Peniaga yang Menyertai.

(iv) Pembatalan Unit-unit yang dicipta selaras dengan Permohonan Penciptaan untuk Penciptaan Tunai:

- Pengurus boleh mengarahkan Pemegang Amanah untuk membatalkan Unit-unit yang dicipta (tetapi masih belum diterbitkan) selaras dengan Permohonan Penciptaan jika:

  (a) Jumlah Langganan penuh masih belum diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pemegang Amanah; atau

  (b) Yuran Permohonan dan Kos Urus Niaga (jika ada) yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai masih belum diterima dalam dana dijelaskan oleh atau bagi pihak Pengurus (bagi Yuran Permohonan) dan Pemegang Amanah untuk akaun Dana (bagi Kos Urus Niaga);

  menjelang masa dan tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus (selepas berunding dengan Pemegang Amanah) selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Menyertai.

- Jika mana-mana Unit dibatalkan seperti yang dihuraikan di atas, Jumlah Langganan (jika telah diterima dalam dana dijelaskan oleh Pemegang Amanah) akan diserahkan semula kepada Peniaga yang Menyertai.

- Unit-unit yang dibatalkan itu akan dianggap tidak pernah dicipta dan Peniaga yang Menyertai tidak akan mempunyai hak atau tuntutan terhadap Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung dengan pembatalan tersebut. Selain itu, Pengurus boleh, tetapi tidak terikat untuk:

  (a) mengenakan caj Yuran Permbatalan Permohonan kepada Peniaga yang Menyertai;

  (b) mengenakan caj kepada Peniaga yang Menyertai bagi sebarang kerugian yang disebabkan oleh pemerolehan atau pelupusan Bitcoin dan apa-apa kos yang ditanggung oleh Dana berhubung dengan permohonan yang dibatalkan itu; dan

  (c) menghendaki Peniaga yang Menyertai membuat pembayaran kepada Pemegang Amanah (untuk akaun Dana) berhubung dengan setiap Unit yang dibatalkan itu, jumlah (jika ada) yang Harga Terbitan (pada Tarikh Dagangan Permohonan Penciptaan) melebihi Harga Penebusan (yang akan terpakai jika Pengurus telah menerima Permohonan Penebusan pada tarikh yang Unit-unit tersebut dibatalkan).

(v) Penggantian Sekuriti Penciptaan dengan tunai selaras dengan Permohonan Penciptaan untuk Penciptaan *In-Kind*:

- Selepas permohonan Penciptaan oleh Peniaga yang Menyertai,

  (a) jika Pengurus menentukan menurut budi bicaranya bahawa Sekuriti Penciptaan berkemungkinan tidak tersedia untuk penyerahan atau tersedia dalam kuantiti yang tidak mencukupi untuk penyerahan kepada Pemegang Amanah; atau

  (b) jika Pengurus berpuas hati bahawa pelabur (apabila penciptaan dilaksanakan oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak pelanggan sebenarnya) dan/atau Peniaga yang Menyertai (apabila Peniaga yang Menyertai memohon Unit-unit untuk akaunnya sendiri) dihalang oleh peraturan atau selainnya daripada melabur atau terlibat dalam urus niaga yang melibatkan Bitcoin,

  maka Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, boleh menggantikan Sekuriti Penciptaan dengan tunai.

- Jika Pengurus melaksanakan budi bicaranya selaras yang perkara yang dinyatakan di atas, tunai sebagai ganti jumlah mesti sama dengan nilai pasaran Sekuriti Penciptaan yang digantikan pada Titik Penilaian untuk Tarikh Dagangan berkaitan dan akan membentuk sebahagian daripada Komponen Tunai (jika ada). Sekuriti Penciptaan yang digantikan ini tidak akan dianggap membentuk sebahagian daripada *In-Kind Creation Basket.*

- Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, berhak untuk mengenakan caj kepada Peniaga yang Menyertai (yang tunai dibayar sebagai ganti menyerahkan Sekuriti Penciptaan), di samping Kos Urus Niaga, yuran lain yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan penciptaan Unit-unit dan/atau Permohonan Penciptaan.

(vi) Apabila Permohonan Penciptaan telah diserahkan, ia tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa persetujuan Pengurus, kecuali jika tempoh penggantungan telah diisytiharkan oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan.

(vii) Apa-apa komisen, imbuhan atau jumlah lain yang perlu dibayar oleh Pengurus berhubung dengan penerbitan atau penjualan mana-mana Unit tidak akan ditambah kepada Harga Terbitan Unit tersebut dan tidak akan dibayar daripada Aset Dana.

5.2.3 Peruntukan Terpakai untuk Penebusan *In-Kind* dan Penebusan Tunai

Penebusan Unit-unit hanya boleh dibuat melalui Peniaga yang Menyertai. Pelabur-pelabur yang ingin menebus Unit-unit hanya boleh melakukannya melalui Peniaga yang Menyertai. Penebusan Unit boleh dalam Penebusan *In-Kind* atau Penebusan Tunai menurut pilihan Peniaga yang Menyertai (jika bertindak sebagai prinsipal untuk akaunnya sendiri) atau pelabur-pelabur melalui Peniaga yang Menyertai.

5.2.3.1 Prosedur untuk Penebusan *In-Kind*

(a) Untuk melaksanakan Penebusan *In-Kind,* pelabur perlu menghubungi Peniaga yang Menyertai untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang prosedur dan syarat-syarat untuk Penebusan *In-Kind* tersebut. Pelabur perlu menyerahkan permohonan dengan melengkapkan borang permohonan yang diperoleh daripada Peniaga yang Menyertai dan menyerahkan semua dokumentasi lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Peniaga yang Menyertai. Semua prosedur pengesahan pemindahan blok rantai, saringan dompet, saringan kebenaran dan keperluan pengesahan urus niaga akan dilaksanakan oleh Pengurus dan/atau pembekal(-pembekal) perkhidmatan berkaitan selaras dengan pengaturan operasi dan keperluan kawal selia terpakai.

(b) *In-Kind Redemption Basket* akan ditentukan oleh Pengurus pada setiap Hari Dagangan dan diterbitkan di laman sesawang Dana di ***https://halogen.my*** dan laman sesawang Bursa Securities di ***www.bursamalaysia.com*** sebelum pasaran dibuka pada Hari Perniagaan berikutnya.

(c) Peniaga yang Menyertai kemudian akan membuat permohonan kepada Pengurus (salinan kepada Pemegang Amanah) untuk penebusan Unit-unit sebelum Tarikh Akhir Dagangan pada mana-mana Hari Dagangan selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau bagi pihak pelabur yang adalah pelanggannya).

(d) Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk melaksanakan penebusan Unit-unit berkaitan dan akan memberikan arahan kepada Pemegang Amanah berkenaan bilangan Bitcoin yang perlu dipohon dan dimasukkan dalam *In-Kind Redemption Basket* bagi memenuhi Permohonan Penebusan. Pengurus kemudiannya akan mengatur untuk pemgambilan bilangan berkaitan Bitcoin yang membentuk *In-Kind Redemption Basket* (yang dikenal pasti untuknya oleh Pengurus) oleh pelabur (apabila penebusan dilaksanakan oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak pelanggan sebenarnya) dan/atau Peniaga yang Menyertai (apabila Peniaga yang Menyertai menebus Unit-unit untuk akaunnya sendiri).

(e) Pembayaran Yuran Permohonan (bersama dengan Kos Urus Niaga (jika ada) dan semua caj lain yang perlu dibayar kepada Pengurus) dan semua caj berkenaan oleh Peniaga yang Menyertai kepada Pengurus atau menurut yang diperintahkan oleh Pemegang Amanah yang akan dibayar dalam dijelaskan sepenuhnya dan dana dijelaskan menjelang pukul 12.00 tengah hari tidak lewat daripada

satu (1) Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan. Pembayaran oleh Peniaga yang Menyertai mesti dibuat dalam USD. Peniaga yang Menyertai juga dikehendaki menyerahkan atau memindahkan Unit-unit yang adalah subjek Permohonan Penebusan untuk ditebus daripada Akaun CDSnya kepada Akaun CDS Pemegang Amanah menjelang pukul 12.00 tengah hari tidak lewat daripada satu (1) Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan.

(f) Pelabur (apabila penebusan dilaksanakan oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak pelanggan sebenarnya) dan/atau Peniaga yang Menyertai (apabila Peniaga yang Menyertai menebus Unit-unit untuk akaunnya sendiri) akan menerima penyerahan Bitcoin yang membentuk *In-Kind Redemption Basket* tidakl lewat daripada satu (1) Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan.

(g) Pemegang Amanah kemudian akan membatalkan Unit-unit, dengan syarat setiap daripada peruntukan berikut telah dipenuhi:

(i) Permohonan Penebusan adalah berhubung dengan Blok-blok Unit Penebusan;

(ii) jumlah penuh bagi sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai, termasuk Yuran Permohonan dan/atau apa-apa Kos Urus Niaga telah diterima dalam dana dijelaskan menjelang pukul 12.00 tengah hari pada Hari Dagangan pertama (ke-1) selepas Tarikh Dagangan;

(iii) Unit-unit yang menjadi subjek Permohonan Penebusan telah diserahkan kepada Pemegang Amanah dan Unit-unit dikreditkan ke dalam Akaun CDS Pemegang Amanah untuk Dana, untuk penebusan menjelang masa pada atau sebelum puku12.00 tengah hari pada Hari Dagangan pertama (ke-1) selepas Tarikh Dagangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus akan untuk Permohonan Penebusan *In-Kind*

(iv) bahawa Permohonan Penebusan *In-Kind* adalah selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Menyertai dan disertai dengan dokumen-dokumen sebagaimana yang dikehendaki dalamnya; dan

(v) Bitcoin yang membentuk *In-Kind Redemption Basket* selaras dengan Permohonan Penebusan *In-Kind* telah diambil oleh pelabur (apabila penebusan dilaksanakan oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak pelanggan sebenarnya) dan/atau Peniaga yang Menyertai (apabila Peniaga yang Menyertai menebus Unit-unit untuk akaunnya sendiri) dan pengesahan akan perkara ini dikeluarkan oleh Pemegang Amanah kepada Pengurus.

(h) Menjelang tidak lewat daripada dua (2) Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan berhubung dengan Permohonan Penebusan berkuat kuasa:

(i) Unit-unit, yang menjadi subjek Permohonan Penebusan, akan ditebus dan dibatalkan;

(ii) saiz Dana akan dikurangkan oleh pembatalan Unit-unit tersebut;

(iii) nama Pemegang Unit bagi Unit-unit tersebut akan dikeluarkan daripada Daftar berhubung dengan Unit-unit tersebut; dan

(iv) Pemegang Amanah akan membayar Komponen Tunai (jika ada) kepada Peniaga yang Menyertai.

(i) Pengurus mempunyai hak eksklusif, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa selepas Permohonan Penebusan dibuat oleh Peniaga yang Menyertai, untuk melaksanakan pengurangan Unit-unit Dana melalui notis bertulis kepada Pemegang Amanah yang mengarahkan Pemegang Amanah untuk membatalkan Unit-unit yang diwakili oleh permohonan tersebut dan menghendaki Pemegang Amanah membatalkan bilangan Unit-unit yang dinyatakan dalam notis tersebut.

(j) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak dalam budi bicara mutlaknya/mereka, dengan syarat ia adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan jika.

(i) Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, salah atau kabur (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);

(ii) Pengurus telah menggantung hak Peniaga yang Menyertai untuk membuat Permohonan Penebusan;

(iii) Bursa Securities ditutup;

(iv) pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan itu mungkin melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Menyertai, Prospektus ini dan/atau Surat Ikatan; atau

(v) alamat dompet aset digital yang ditetapkan atau pemindahan Bitcoin yang dicadangkan tidak mematuhi/memenuhi dengan memuaskan saringan dompet terpakai, Know-Your-Transaction (KYT), saringan kebenaran atau semakan saringan pencegana pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan (AML/CFT) berkenaan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Pengurus dan/atau Subkustodian (apabila terpakai).

(k) Selain itu, Pemegang Amanah boleh, melalui notis kepada Pengurus, menolak untuk:

(i) menebus Unit-unit; atau

(ii) menebus Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus,

jika Pemegang Amanah berpendapat bahawa penebusan tersebut bukan demi kepetingan Pemegang Unit atau bahawa ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan undang-undang terpakai lain.

(l) Tertakluk kepada penggantungan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Ikatan, Permohonan Pemebusan apabila ia telah diserahkan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa persetujuan Pengurus, Jika dipersetujui, Pengurus boleh mengenakan caj Yuran Pembatalan Permohonan berhubung dengan setiap Permohonan Penebusan yang diterima yang dibatalkan atau dimansuhkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Menyertai. Dana juga berhak untuk menuntut daripada Peniaga yang Menyertai sebarang kerugian kewangan yang berlaku berhubung dengan Permohonan yang dibatalkan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Menyertai.

(m) Peniaga yang Menyertai akan dengan serta-merta apabila diminta untuk membayar suatu jumlah (jika ada) yang Pengurus berpendapat mewakiti peruntukan sesuai bagi Yuran Permohonan dan/atau Kos Urus Niaga kepada atau menurut perintah Pengurus. Pemegang Amanah tidak akan berkewajipan untuk menyerahkan (dan akan mempunyai lien am ke atas) *In-Kind Redemption Basket(s)* berhubung dengan Permohonan Penebusan berkaitan sehingga Yuran Permohonan dan/atau Kos Urus Niaga yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai dibayar sepenuhnya dalam dana dijelaskan kepada atau menurut perintah Pengurus. Pengurus boleh menolak selesai dan menolak Yuran Permohonan untuk Permohonan Penebusan (bersama dengan sebarang Kos Urus Niaga (jika ada) dan semua caj lain yang perlu dibayar kepada Pengurus) terhadap Komponen Tunai yang perlu dibayar kepada Peniaga yang Menyertai.

(n) Permohonan Penebusan yang diterima daripada Peniaga yang Menyertai pada hari yang bukan Hari Dagangan atau diterima selepas Tarikh Akhir Dagangan akan dianggap sebagai telah diterima pada permulaan waktu perniagaan pada Hari Dagangan berikutnya yang akan menjadi Tarikh Dagangan relevan untuk tujuan Permohonan Penebusan tersebut. Untuk tujuan penilaian, Titik Penilaian relevan untuk Permohonan Penebusan tersebut ialah Titik Penilaian bagi Hari Dagangan yang Permohonan Penebusan dianggap diterima.

(o) Sekiranya Unit-unit tidak diserahkan kepada Pemegang Amanah selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Menyertai:

(i) Permohonan Penebusan akan dianggap tidak pernah dibuat (kecuali bahawa Yuran Permohonan dan Kos Urus Niaga akan kekal tertunggak dan perlu dibayar);

(ii) Pengurus boleh mengenakan caj Yuran Pembatalan Permohonan kepada Peniaga yang Menyertai; dan

(iii) tidak ada penilaian terdahulu bagi Dana yang akan dibuka semua atau ditolak disebabkan Permohonan Penebusan yang tidak berjaya.

Apabila berlaku pembatalan perintah Permohonan Penebusan, terdapat risiko bahawa pengiraan NAV mungkin terjejas disebabkan butir (iii) yang dinyatakan di atas, dan Dana akan menuntut daripada Peniaga yang Menyertai sebarang kerugian kewangan yang berlaku berkaitan dengan Permohonan Penebusan yang dibatalkan tersebut.

(p) Pengurus boleh, pada bila-bila masa, membatalkan Permohonan Penebusan berhubung dengan Penebusan *In-Kind* sekiranya Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, menentukan bahawa pengambilan Sekuriti Penebusan tidak boleh dilaksanakan atas sebab-sebab yang di luar kawalan Pengurus dan Pemegang Amanah. Pengurus juga boleh, menurut budi bicara mutlaknya, membatalkan Permohonan Penebusan berhubung dengan Penebusan *In-Kind* sekiranya Sekuriti Penebusan dan Komponen Tunai (jika berkaitan) yang membentuk *In-Kind Redemption Basket* tidak diambil menjelang Hari Dagangan pertama (ke-1) selepas Tarikh Dagangan. Dalam keadaan ini, Permohonan Penebusan itu akan dibatalkan dan tidak mempunyai sebarang akibat sama sekali. Apabila Unit-unit berhubung dengan Permohonan Penebusan itu telah diserahkan kepada Pemegang Amanah, Pemegang Amanah akan memulangkan Unit-unit tersebut kepada Peniaga yang Menyertai dan Peniaga yang Menyertai selepas itu boleh menyerahkan Permohonan Penebusan baharu pada Hari Dagangan berikut.

(q) Penggantian Sekuriti Penebusan dengan tunai selaras dengan Permohonan Penebusan untuk Penebusan *In-Kind*:

- Selepas Permohonan Penebusan oleh Peniaga yang Menyertai,

  (a) jika Pengurus menentukan menurut budi bicaranya bahawa Sekuriti Penebusan berkemungkinan tidak tersedia untuk penyerahan atau tersedia dalam kuantiti yang tidak mencukupi untuk penyerahan kepada Peniaga yang Menyertai; atau

  (b) jika Pengurus berpuas hati bahawa pelabur (apabila penebusan dilaksanakan oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak pelanggan sebenarnya) dan/atau Peniaga yang Menyertai (apabila Peniaga yang Menyertai menebus Unit-unit untuk akaunnya sendiri) dihalang oleh peraturan atau selainnya daripada melabur atau melibatkan diri dalam urus niaga yang melibatkan Bicoin,

  maka Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, boleh menggantikan Sekuriti Penebusan dengan tunai.

- Jika Pengurus melaksanakan budi bicaranya selaras dengan perkara yang dinyatakan di atas, tunai sebagai ganti jumlah mesti sama dengan nilai pasaran Sekuriti Penebusan yang digantikan pada Titik Penilaian untuk Tarik Dagangan berkaitan dan akan membentuk sebahagian daripada Komponen Tunai (jika ada). Sekuriti Penebusan yang digantikan ini tidak dianggap membentuk sebahagian daripada *In-Kind Redemption Basket.*

- Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, berhak untuk mengenakan caj kepada Peniaga yang Menyertai (yang untuknya tunai dibayar sebagai ganti menyerahkan Sekuriti Penebusan), di samping Kos Urus Niaga, yuran lain yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan penebusan Unit-unit dan/atau Permohonan Penebusan.

5.2.3.2 Prosedur untuk Penebusan Tunai

(a) Untuk membuat Penebusan Tunai, pelabur perlu menghubungi Peniaga yang Menyertai untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang prosedur dan syarat-syarat bagi Penebusan Tunai tersebut. Pelabur perlu menyerahkan permohonan dengan melengkapkan borang permohonan yang diperoleh daripada Peniaga yang Menyertai dan menyerahkan apa-apa dokumentasi lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Peniaga yang Menyertai.

(b) Peniaga yang Menyertai kemudiannya akan memohon kepada Pengurus (salinan kepada Pemegang Amanah) untuk penebusan Unit-unit sebelum Tarikh Akhir Dagangan pada mana-mana Hari Dagangan selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau bagi pihak pelabur yang menjadi pelanggannya).

(c) Untuk mendapatkan tunai yang diperlukan bagi membayar untuk Unit-unit yang ditebus, Pengurus boleh melaksanakan apa-apa jualan Aset Dana.

(d) Pembayaran Yuran Permohonan (bersama dengan Kos Urus Niaga (jika ada) dan semua caj yang perlu dibayar kepada Pengurus) dan semua caj yang dikenakan oleh Peniaga yang Menyertai kepada Pengurus atau menurut perintah Pemegang Amanah akan dibuat sepenuhnya dan dana dijelaskan menjelang pukul 12.00 tengah hari tidak lewat daripada satu (1) Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan. Pembayaran oleh Peniaga yang Menyertai mesti dibuat dalam USD. Peniaga yang Menyertai juga dikehendaki menyerahkan atau memindahkan Unit-unit yang menjadi subjek Permohonan Penebusan yang akan ditebus daripada Akaun CDSnya kepada Akaun CDS Pemegang Amanah menjelang pukul 12.00 tengah hari tidak lewat daripada satu (1) Hari Dagangan selepas Tarikh Dagangan.

(e) Pemegang Amanah kemudian akan membatalkan Unit-unit, dengan syarat bahawa setiap daripada peruntukan berikut telah dipenuhi:

(i) Permohonan Penebusan adalah berhubung dengan Blok-blok Unit Penebusan;

(ii) jumlah penuh bagi sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Menyertai termasuk Yuran Permohonan, dan/atau sebarang Kos Urus Niaga telah diterima dalam dana dijelaskan menjelang pukul 12.00 tengah hari pada Hari Dagangan pertama (ke-1) selepas Tarikh Dagangan;

(iii) Unit-unit yang menjadi subjek Permohonan Penebusan telah diserahkan kepada Pemegang Amanah dan Unit-unit dikreditkan ke dalam Akaun CDS Pemegang Amanah Dana, untuk penebusan pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari pada Hari Dagangan pertama (ke-1) selepas Tarikh Dagangan sebagaimana yang Pemegang Amanah dan Pengurus akan tentukan pada masa ini untuk Permohonan Penebusan Tunai; dan

(iv) bahawa Permohonan Penebusan Tunai adalah selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Menyertai dan disertai dengan dokumen-dokumen sebagaimana yang dikehendaki dalamnya.

(f) Jumlah Penebusan berhubung dengan penebusan Unit-unit akan perlu dibayar kepada Peniaga yang Menyertai dalam USD melalui pemindahan kawat ke dalam akaun bank ditetapkan Peniaga yang Menyertai, kecuali dipersetujui sebaliknya dengan Pengurus, pada Hari Dagangan kedua (ke-2) selepas Tarikh Dagangan dengan syarat bahawa:

(i) Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan;

(ii) Unit-unit yang akan ditebus telah diserahkan kepada Pemegang Amanah; dan

(iii) Yuran Permohonan untuk Permohonan Penebusan bersama dengan seabrang Kos Urus Niaga (jika ada) dan semua caj yang perlu dibayar kepada Pengurus telah dibayar sepenuhnya.

(g) Pengurus mempunyai hak eksklusif, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa selepas Permohonan Penebusan dibuat oleh Peniaga yang Menyertai, untuk melaksankan pengurangan saiz Dana pada Hari Perniagaan berikutnya selepas Tarikh Dagangan relevan melalui notis bertulis kepada Pemegang Amanah yang mengarahkan Pemegang Amanah supaya melaksanakan penebusan yang akan diselesaikan secara tunai dan membatalkan Unit-unit yang diwakilinya dan menghendaki Pengurus membatalkan bilangan Unit yang dinyatakan dalam notis tersebut.

(h) Selaras dengan Bahagian 5.2.3.2.(g) di atas, saiz Dana akan dikurangkan sebanyak bilangan Unit yang dibatalkan. Pemegang Amanah akan membayar Jumlah Penebusan daripada Aset Dana kepada Peniaga yang Menyertai.

(i) Pengurus boleh menolak selesai dan menolak Yuran Permohonan untuk Permohonan Penebusan (bersama denga sebarang Kos Urus Niaga (jika ada) dan semua caj lain yang perlu dibayar kepada Pengurus) terhadap Jumlah Penebusan yang perlu dibayar kepada Peniaga yang Menyertai.

(j) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak dalam budi bicara mutlaknya/mereka, dengan syarat ia adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan jika:

(i) Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, salah atau kabur (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);

(ii) jumlah bilangan Unit yang berhubung dengannya Permohonan Penebusan yang diterima oleh Pengurus melebihi had yang dinyatakan dalam Bahagian 5.2.3.2(o) di bawah;

(iii) Pengurus telah menggantung hak Peniaga yang Menyertai untuk membuat Permohonan Penebusan;

(iv) Bursa Securities ditutup; atau

(v) pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan mungkin melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Menyertai, Prospektus ini dan/atau Surat Ikatan;

(k) Selain itu, Pemegang Amanah boleh, dengan memberikan notis kepada Pengurus, menolak untuk:

(i) menebus Unit-unit; atau

(ii) menebus Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus,

jika Pemegang Amanah berpendapat bahawa penebusan itu bukan untuk kepentingan Pemegang Unit atau bahawa ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan dan undang-undang terpakai lain.

(l) Tertakluk kepada penggantungan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Ikatan, Permohonan Penebusan apabila telah diserahkan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa persetujuan Pengurus. Jika dipersetujui, Pengurus boleh mengenakan caj Yuran Pembatalan Permohonan berhubung dengan setiap Permohonan Penebusan yang diterima yang dibatalkan atau ditarik balik sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Menyertai. Dana juga berhak untuk menuntut daripada Peniaga yang Menyertai sebarang kerugian kewangan yang berlaku disebabkan Permohonan yang dibatalkan tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Menyertai.

(m) Permohonan Penebusan yang diterima daripada Peniaga yang Menyertai pada hari yang bukan Hari Dagangan atau diterima selepas Tarikh Akhir Dagangan akan dianggap sebagai terima pada permulaan waktu perniagaan pada Hari Dagangan berikutnya yang akan menjadi Tarikh Dagangan relevan untuk tujuan Permohonan Penebusan tersebut. Untuk tujuan penilaian, Titik Penilaian relevan untuk Permohonan Penebusan ialah Titik Penilaian pada Hari Dagangan yang Permohonan Penebusan dianggap diterima,

(n) Sekiranya Unit-unit tidak diserahkan kepada Pemegang Amanah selaras dengan Perjanjian Peniaga yang menyertai:

(i) Permohonan Penebusan akan dianggap tidak pernah dibuat (kecuali bahawa Yuran Permohonan dan Kos Urus Niaga kekal tertunggak dan perlu dibayar);

(ii) Pengurus boleh mengenakan caj Yuran Pembatalan Permohonan kepada Peniaga yang Menyertai; dan

(iii) tidak ada penilaian Dana terdahulu yang akan dibuka semula atau dibatalkan disebabkan permohonan penebusan yang tidak berjaya.

Dengan pembatalan Permohonan Penebusan tersebut, terdapat risiko yang pengiraan NAV mungkin menerima kesan daripadanya kerana butir (iii) yang dinyatakan di atas, dan Dana akan menuntut daripada Peniaga yang Menyertai apa-apa kerugian kewangan yang dialami disebabkan Permohonan Penebusan yang dibatal ini.

(o) Had berikut adalah terpakai kepada Penebusan Tunai sahaja. Tidak ada had bagi Penebusan *In-Kind* bagi setiap Hari Dagangan.

(i) Jika jumlah bilangan Unit yang berhubung dengan Permohonan Penebusan Tunai diterima oleh Pengurus pada Hari Dagangan melebihi 50% (atau peratusan lebih tinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus) daripada NAV Dana pada Hari Dagangan tertentu tersebut, Pengurus berhak untuk mengehadkan jumlah bilangan Unit yang Pemegang Unit berhak untuk tebus pada Tarikh Dagangan tersebut kepada 50% (atau peratusan lebih tinggi yang sebagaimana ditentukan oleh Pengurus) daripada NAV Dana.

(ii) Mana-mana Unit yang, disebabkan kuasa yang dinyatakan di atas yang diberikan kepada Pengurus, dan tidak ditebus pada Hari Dagangan tertentu ("Hari Dagangan Pertama Berkaitan") akan dibawa ke hadapan untuk penebusan pada Hari Dagangan selepas Hari Dagangan Pertama

Berkaitan (Hari Dagangan ini selepas ini akan dirujuk sebagai “Hari Dagangan Kedua Berkaitan”) pada harga Penebusan semasa pada waktu itu.

(iii) Pengurus akan memaklumkan Peniaga yang Menyertai mengenai bilangan Unit yang dibenarkan untuk ditebus dan bilangan Unit yang penebusannya telah ditangguhkan, dalam satu (1) Hari Dagangan selepas Hari Dagangan Pertama Berkaitan dan Unit-unit ini akan ditebus pada Hari Dagangan Kedua Berkaitan.

(iv) Jika Permohonan Penebusan dibawa ke hadapan sebagaimana yang dinyatakan di atas, mana-mana Permohonan Penebusan lain yang diterima selepas Hari Dagangan Pertama Berkaitan dan sebelum Hari Dagangan Kedua Berkaitan juga akan dibawa ke hadapan, dan dianggap sebagai Permohonan Penebusan yang diserahkan pada Hari Dagangan Kedua Berkaitan. Permohonan Penebusan yang dibawa ke hadapan daripada Hari Dagangan Pertama Berkaitan akan diberikan keutamaan penebusan ke atas Permohonan Penebusan yang diterima selepas Hari Dagangan Pertama Berkaitan tersebut.

5.3 Pengiraan NAV

Penilaian Dana akan dilakukan dalam mata wang asas Dana, iaitu USD. Oleh itu, aset-aset dan tunai yang didenominasi dalam mana-mana mata wang lain, jika ada, akan ditukarkan kepada USD untuk tujuan penilaian.

NAV Dana akan ditentukan dengan menolak nilai semua liabiliti Dana daripada nilai semua Aset Dana, pada Titik Penilaian tertentu. Sila rujuk Bahagian 2.11 Prospektus ini untuk huraian terperinci titik penilaian untuk Dana.

5.4 Pengiraan Harga Terbitan dan Harga Penebusan

Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Harga Terbitan atau Harga Penebusan setiap Unit untuk mana-mana Hari Dagangan berkaitan akan, tertakluk pada kelayakan di bawah, dikira oleh Pengurus dan akan didasarkan pada NAV Dana pada Titik Penilaian pada Tarikh Dagangan dibahagi dengan bilangan Unit dalam terbitan, dipangkas kepada empat (4) tempat perpuluhan, atau melalui suatu kaedah yang ditentukan oleh Pengurus dari semasa ke semasa selepas berunding dengan Pemegang Amanah. Manfaat daripada pelarasan ini akan diakru kepada Dana.

Pengurus boleh, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, menambah kepada Harga Terbitan (tetapi tidak memasukkan ke dalamnya) suatu jumlah (jika ada) yang Pengurus anggap mewakili peruntukan sesuai untuk Kos Urus Niaga yang adalah untuk akaun Dana.

5.5 IOPV

IOPV per Unit dikira oleh Pengurus hampir dengan masa nyata (sela lima belas (15) saat) atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa Securities pada setiap Hari Perniagaan untuk digunakan sebagai penghampiran bagi NAV Dana.

IOPV per Unit, yang adalah NAV per Unit anggaran bagi Dana, dikira seperti berikut:

(i) nilai Aset Dana pada sela berkaitan pada Hari Perniagaan, termasuk aset cair (dalam USD);

(ii) tolak liabiliti Dana (dalam USD); dan

.

(iii) membahagikan agregatan subperenggan (i) dan (ii) di atas dengan bilang Unit dalam terbitan.

Oleh sebab Unit-unit Dana disediakan dalam USD dan MYR dalam pasaran sekunder, IOPV per unit dalam MYR akan dikira dengan mendarab IOPV per Unit (dari segi USD) dengan kadar pertukaran semasa, iaitu USD/MYR.

Pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa IOPV per Unit disediakan untuk tujuan indikatif dan rujukan sahaja.

5.6 Mendapatkan Maklumat mengenai NAV dan IOPV

Maklumat terperinci bagi NAV Dana dan NAV per Unit bagi setiap Hari Dagangan akan diterbitkan pada setiap Hari Dagangan, manakala IOPV per Unit akan diterbitkan pada setiap Hari Perniagaan. Maklumat ini boleh diperoleh daripada laman sesawang Dana di ***https://halogen.my*** atau di laman sesawang Bursa Securities di ***www.bursamalaysia.com***.

5.7 Dagangan Unit di Bursa Securities (pasaran sekunder)

Unit-unit Dana boleh dibeli dan dijual di Bursa Securities sepanjang hari dagangan sebagaimana saham dagangan awam yang lain. Unit-unit pada amnya dibeli dan dijual dalam "lot niaga" 100 Unit. Walau bagaimanapun, firma pembrokeran mungkin membenarkan pelabur membeli atau menjual Unit dalam "lot ganjil" yang lebih kecil, walaupun harga Unit yang didagangkan dalam "lot ganjil" mungkin berbeza daripada Unit-unit yang dibeli dan dijual di "lot niaga".

Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa urus niaga dalam pasaran sekunder di Bursa Securities akan dilaksanakan pada harga pasaran sebutan yang mungkin berbeza daripada NAV per Unit harian disebabkan permintaan dan penawaran pasaran, kecairan dan spread dagangan untuk Unit-unit dalam Pasaran Sekunder. Akibatnya, harga pasaran untuk Unit-unit dalam pasaran sekunder mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada NAV per Unit harian.

Apabila membeli atau menjual Unit melalui broker, pelabur-pelabur akan menaggung yuran pembrokeran dan penjelasan yang biasa.

Selaras dengan Bahagian 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti ditetapkan. Disebabkan perkara ini, Unit-unit akan didepositkan secara langsung dengan Bursa Depository dan sebarang dagangan dalam Unit-unit akan dilaksanakan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan Bursa Depository.

Sebagai pelabur, Pemegang Unit ialah pemilik benefisial Unit-unit sebagaimana yang dimasukkan dalam rekod Bursa Depository. Bursa Depository bertindak sebagai depositori sekuriti untuk semua Unit Dana. Pemegang Unit tidak berhak untuk menerima penyerahan fizikal sijil Unit atau menghendaki Unit didaftar di atas namanya, dan ia tidak dianggap sebagai pemilik berdaftar Unit. Oleh itu, bagi melaksanakan apa-apa hak sebagai pemilik benefisial Unit, Pemegang Unit mesti bergantung pada prosedur Bursa Depository. Prosedur ini adalah sama seperti yang terpakai untuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Securities.

5.8 Harga Dagangan Unit

Harga dagangan Unit-unit di Bursa Securities mungkin berbeza daripada NAV per Unit hariannya dan IOPV per Unit dan mungkin dipengaruhi oleh kuasa pasaran seperti penawaran dan permintaan, keadaan ekonomi dan faktor-faktor lain. Pemegang-pemegang Unit boleh menjejak harga pasaran semasa Unit-unit melalui laman sesawang Bursa Securities di ***www.bursamalaysia.com*** setiap hari.

.

5.9 Pembuatan Pasaran

Ia adalah menjadi hasrat Pengurus untuk memudahkan penyediaan kecairan untuk Pemegang-pemegang Unit melalui pelantikan Pembuat Pasaran yang dikehendaki mengekalkan pasaran untuk Unit-unit. Dalam mengekalkan pasaran, Pembuat Pasaran mungkin merealisasi keuntungan atau menanggung kerugian. Sebarang keuntungan yang diperoleh oleh Pembuat Pasaran boleh disimpan olehnya untuk manfaat mutlaknya dan ia tidak bertanggungan untuk menyerahkan keuntungan tersebut kepada Pemegang Amanah.

Walaupun Pembuat Pasaran boleh membeli dan menjual Unit-unit sebagaimana pelabur-pelabur runcit melalui Bursa Securities, tidak ada jaminan atau kepastian berhubung dengan harga yang pasaran untuk Unit-unit akan diwujudkan. Senarai Pembuat Pasaran yang dilantik oleh Dana boleh diperoleh daripada sama ada laman sesawang Dana di ***https://halogen.my*** or atau laman sesawang Bursa Securities di ***www.bursamalaysia.com***. Pengurus juga akan memaklumkan Bursa Securities tentang sebarang perubahan kepada senarai Pembuat Pasaran.

6. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

Bahagian ini bertujuan untuk mendedahkan terma-terma penting Surat Ikatan dan ia tidak bertujuan untuk memberikan huraian lengkap. Pelabur-pelabur harus merujuk kepada Surat Ikatan itu sendiri untuk mengesahkan maklumat khusus atau mendapatkan kefahaman menyeluruh tentang Dana. Surat Ikatan tersedia untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar Pengurus.

Surat Ikatan ini telah dimeterai oleh Pengurus dan Pemegang Amanah Dana. Dana dibentuk oleh Surat Ikatan dan dikawal selia sebahagian besarnya oleh CMSA dan Garis Panduan ETF. Terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan mengikat setiap daripada Pemegang Unit dan semua orang yang membuat tuntutan melalui atau di bawah Pemegang-pemegang Unit ini seolah-olah mereka telah:

(i) menjadi pihak kepada dan telah melaksanakan Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahan;

(ii) dengan itu berwaad untuk diri mereka dan semua orang tersebut untuk mematuhi dan terikat dengan semua peruntukan dalamnya; dan

(iii) dengan itu memberikan kebenaran kepada Pemegang Amanah dan Pengurus masing-masing untuk melaksanakan semua tindakan dan perkara yang Surat Ikatan atau mana-mana surat ikatan tambahan mungkin kehendaki atau benarkan Pemegang Amanah atau Pengurus (sebagaimana yang berkenaan) untuk laksanakan.

6.1 Hak Pemegang Unit

Pemegang Unit mempunyai hak, antaranya, kepada yang berikut:

(i) memeriksa Daftar, secara percuma, pada bila-bila masa ketika waktu bekerja biasa di pejabat berdaftar Pengurus, dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Unit-unitnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Surat Ikatan dan Garis Panduan ETF;

(ii) menerima pengagihan yang diisytiharkan oleh Dana (jika ada), dan ke atas hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan lain yang dinyatakan dalam Surat Ikatan;

(iii) untuk mengundi untuk pemecatan Pemegang Amanah atau Pengurus melalui Resolusi Khas;

(iv) untuk menerima laporan tahunan atau apa-apa laporan lain tentang Dana;

(v) untuk melaksanakan semua tindakan, prosiding dan/atau tlangkah perlu terhadap Pengurus bagi sebarang pelanggaran tugas-tugasnya sebagaimana yang dinyatakan dalam CMSA dan Garis Panduan ETF; dan

(vi) mengambil sebarang tindakan terhadap Pemegang Amanah ke atas sebarang pelanggaran tugas-tugasnya sebagaimana yang dinyatakan dalam CMSA, Garis Panduan ETF dan Garis Panduan bagi Pendaftaran dan Perlakuan Pembekal Perkhidmatan Pasaran Modal.

Hak-hak Pemegang Unit mungkin berubah disebabkan perubahan kepada Surat Ikatan, Garis Panduan ETF dan keputusan atau pentafsiran kehakiman.

6.2 Liabiliti dan batasan Pemegang Unit

6.2.1 Liabiliti

(i) Pemegang Unit tidak perlu menanggung rugi Pemegang Amanah atau Pengurus jika berlaku kekurangan Aset Dana bagi memenuhi tuntutan mana-mana pemiutang Pemegang Amanah atau Pengurus berhubung dengan Dana; dan

(ii) Hak Pemegang Amanah, Pengurus atau mana-mana pemiutang lain untuk menuntut tanggung rugi adalah terhad kepada mempunyai rekursa kepada Dana.

6.2.2 Batasan

Pemegang Unit tidak boleh:

(i) menganggu hak atau kuasa Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dalam urusan mereka dengan Dana;

(ii) menuntut kepentingan dalam mana-mana bahagian tertentu Aset Dana;

(iii) menghendaki pemindahan kepada Pemegang Unit mana-mana bahagian tertentu Aset dana;

(iv) menghadiri mesyuarat sama ada untuk pemegang saham, pemiutang, pembayar kadaran atau selainnya atau mengambil bahagian dalam atau memberikan persetujuan kepada apa-apa tindakan berhubung dengan mana-mana harta, syarikat atau skim berkaitan dengan Aset Dana;

(v) melaksanakan sebarang hak, kuasa atau keistimewaan berhubung dengan mana-mana Aset Dana;

(vi) mengemukakan kepada pihak berkuasa kerajaan atau mana-mana orang apa-apa kaveat atau notis lain sama ada di bawah peruntukan mana-mana pengaturan, undang-undang, peraturan atau selainnya:

(a) melarang pihak berkuasa kerajaan atau orang (sama ada secara bersyarat atau secara mutlak) daripada mengambil tindakan yang dinyatakan dalam kaveat atau notis atau melarang (sama ada secara bersyarat atau secara mutlak) pendaftaran mana-mana orang sebagai penerima pindahan atau empunya, atau bagi mana-mana instrumen atau perkara yang mempunyai kesan ke atas mana-mana bahagian tertentu Aset Dana; atau

(b) menuntut mana-mana estet atau kepentingan dalam mana-mana bahagian tertentu Aset Dana; atau

(vii) menganggu dalam sebarang cara dengan Dana.

Untuk maklumat terperinci tentang hak dan batasan Pemegang Unit Dana Berdaftar, sila rujuk Surat Ikatan.

6.3 Yuran dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan

Jadual ini menghuraikan yuran maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan dan dibayar secara tidak langsung oleh pelabur-pelabur.

Yuran	**%**
Yuran Pengurusan	3.00% setahun daripada NAV Dana.
Yuran Pemegang Amanah	0.10% setahun daripada NAV Dana (tidak termasuk yuran dan caj penjagaan).

Yuran dan/atau caj yang lebih rendah daripada yang dinyatakan dalam Surat ikatan boleh dikenakan, semua yuran dan/atau caj semasa akan didedahkan dalam Prospektus ini.

Sebarang kenaikan yuran dan/atau caj yang dinyatakan dalam Prospektus ini boleh dibuat dengan syarat bahawa:

(i) Berhubung dengan Pengurus,

(a) Yuran pengurusan yang lebih tinggi tidak melebihi had maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;

(b) Pengurus telah memaklumkan Pemegang Amanah secara bertulis tentang yuran pengurusan yang lebih tinggi dan Pemegang Amanah bersetuju selepas mempertimbangkan perkara-perkara yang dikehendaki dalam Garis Panduan ETF;

(c) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai yuran pengurusan yang lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya;

(d) tiga puluh (30) hari telah berlalu sejak tarikh pengumuman dalam Bahagian 6.3(i)(c) di atas; dan

(e) prospektus tambahan atau gantian yang menyatakan yuran pengurusan yang lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya, telah didaftarkan, diserah simpan dan diterbitkan.

(ii) Berhubung dengan Pemegang Amanah,

(a) yuran pemegang amanah yang lebih tinggi tidak melebihi had maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;

(b) Pemegang Amanah telah memaklumkan Pengurus secara bertulis tentang yuran pemegang amanah yang lebih tinggi dan Pengurus bersetuju selepas mempertimbangkan perkara-perkara yang dikehendaki dalam Garis Panduan ETF;

(c) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai yuran pemegang amanah lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya;

(d) tiga puluh (30) hari terlah berlalu sejak tarikh pengumuman dalam Bahagian 6.3(ii)(c) di atas; dan

(e) prospektus tambahan atau gantian yang menyatakan yuran pemegang amanah yang lebih tinggi dan tarikh kuat kuasanya, telah didaftarkan, diserah simpan dan diterbitkan.

Sebarang kenaikan dalam kadar maksimum untuk yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang ditetapkan dalam Surat Ikatan dan Bahagian 6.3 ini hanya boleh dibuat melalui surat ikatan tambahan dan selaras dengan keperluan CMSA.

6.4 Perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak untuk membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset Dana setakat yang ia telah ditanggung berhubung dengan operasi dan pentadbiran Dana:

(a) sebarang kos, yuran dan perbelanjaan yang perlu dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Penanda Aras yang dimeterai oleh Pengurus berhubung dengan Dana atau berkaitan dengan mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berkaitan dengan meneruskan pengiraan IOPV:

(b) yuran pemprosesan atau operasi yang dilevi oleh mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan untuk melaksanakan mana-mana pemerolehan, pelupusan atau sebarang urusan lain dalam Aset Dana dan sebarang perbelanjaan berkaitan dengannya, termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urusan dalam Pelaburan Dibenarkan;

(c) semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat Syariah, penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, penasihat pelaburan, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai, pakar komputer atau penasihat profesional lain yang digaji atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam mengekalkan, memelihara dan melindungi Aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan tugas dan kewajipan mereka masing-masing menurut Surat Ikatan dan untuk manfaat Dana;

(d) semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan penjagaan selamat, pemerolehan, pemegangan, pendaftaran, realisasi bagi atau urusan lain dengan mana-mana Aset Dana atau pemegangan mana-mana Aset Dana atau penjagaan dokumen hak miliknya (termasuk insurans dokumen hak milik terhadap kehilangan ketika penghantaran, transit atau selainnya dan caj yang dikenakan oleh ejen Pemegang Amanah untuk menyimpan dokumen dalam jagaan selamat), apa-apa yuran dan perbelanjaan berkaitan untuk Subkustodian, dan semua yuran urus niaga sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urusan yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset Dana;

(e) semua caj dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mana-mana mesyuarat Pemegang Unit selain yang dipanggil oleh dan untuk manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;

(f) yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau mengekalkan penyenaraian dan sebut harga untuk Unit-unit di Pasaran Utama Bursa Securities, dan/atau kebenaran atau kelulusan rasmi lain atau keizinan untuk Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai lain;

(g) yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Gedung Penjelasan (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);

(h) Kos Penubuhan;

(i) semua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkait dengan penyelenggaraan laman sesawang atau laman web (mengikut keadaan) yang dikhususkan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemakluman kepada Pemegang-pemegang Unit, pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan, termasuk pemakluman yang dibuat berkaitan dengan Dana di Bursa Securities, akhbar(-akhbar) di Malaysia dan bentuk komunikasi lain yang dibenarkan atau diterima dalam Garis Panduan ETF dan sebagaimana yang Pengurus akan tentukan dari semasa ke semasa;

(j) semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, pengedaran, serahan simpan dan pendaftaran Propektus ini atau mana-mana propektus tambahan atau gantian berhubung dengan Dana;

(k) semua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan mana-mana surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan atau pengubahsuaian Surat Ikatan dan berhubung dengan penyediaan mana-mana perjanjian berhubung dengan Dana selain daripada untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;

(l) semua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan beraudit dan laporan separuh tahunan tidak diaudit dan semua cek, penyata, notis dan dokumen lain yang berkaitan dengan Dana;

(m) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung sewajarnya oleh juruaudit berhubung dengan Dana;

(n) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan atau persaraan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit Dana atau pelantikan syarikat pengurusan baharu, pemegang amanah baharu atau juruaudit baharu selain daripada yang untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;

(o) semua perbelanjaan yang ditanggung dalam mengumpulkan pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam mendapatkan pembayaran balik atau pelepasan cukai dan perjanjian liabiliti cukai) atau penentuan percukaian atau cukai;

(p) semua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam pembubaran dan penamatan Dana;

(q) kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penilaian dana dan perakaunan Dana yang dilaksanakan oleh ejen penilaian dana;

(r) imbuhan dan perbelanjaan tunai langsung orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi penyeliaan Dana, kecuali Pengurus menetapkan selainnya;

(s) semua perbelanjaan berkaitan dengan lawatan tapak ke premis Subkustodian untuk manfaat Dana;

(t) apa-apa yuran yang mungkin dikenakan oleh SC berhubung dengan Dana; dan

(u) caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan dan pihak berkuasa lain) sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki (mengikut keadaan) di bawah undang-undang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk caj kepada Dana.

6.5 Persaraan Pengurus

Pengurus boleh bersara daripada pengurusan Dana selepas memberikan kepada Pemegang Amanah notis bertulis dua belas (12) bulan mengenai hasratnya untuk berbuat demikian, atau tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Pengurus yang bersara, tertakluk kepada kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang terpakai, boleh melantik secara bertulis mana-mana syarikat lain yang mempunyai kelayakan yang sesuai yang diluluskan oleh Pemegang Amanah dan SC (jika diperlukan) sebagai syarikat pengurusan baharu bagi menggantikannya.

Pemegang Amanah akan melaksanakan langkah-langkah munasabah untuk memecat dan menggantikan Pengurus secepat yang praktikal selepas mengetahui akan sebarang keadaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 6.6 di bawah,

6.6 Kuasa Pemegang Amanah untuk memecat atau menggantikan Pengurus

Pengurus boleh memecat Pemegang Amanah dalam keadaan tertentu sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Ikatan termasuk peristiwa berikut:

(i) jika Pengurus telah dibubarkan atau dibubarkan sementara (kecuali pembubaran sukarela untuk tujuan penyusunan semula atau penggabungan atau suatu tujuan yang serupa berdasarkan terma-terma yang telah diluluskan secara bertulis terlebih dahulu oleh Pemegang Amanah) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau jika penerima, atau penerima dan pengurus dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besar harta Pengurus dan tidak dibatalkan atau ditarik balik dalam tiga puluh (30) hari daripada pelantikan atau jika penanggung mengambil milik mana-mana daripada asetnya;

(ii) jika Pemegang Amanah berpendapat secara munasabah bahawa Pengurus telah, sehingga menjejaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit, gagal untuk mematuhi mana-mana peraturan atau waad di bawah Surat Ikatan atau melanggar mana-mana daripada peruntukan CMSA dan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Pemegang Amanah dalam notis bertulis kepada Pengurus, pelangggaran(-pelanggaran) tersebut masih belum diperbaiki.

(iii) jika Pengurus gagal atau cuai dalam melaksanakan tugasnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah berpendapat bahawa ia adalah demi kepentingan Pemegang-pemegang unit untuk Pemegang Amanah memecat Pengurus dengan syarat bahawa:

   (a) Pemegang Amanah telah memberikan notis kepada Pengurus berhubung pendapat tersebut dan sebab-sebab untuk pendapat tersebut, dan Pemegang Amanah telah mempertimbangkan sebarang representasi yang dibuat oleh Pengurus berhubung dengan pendapat tersebut;
   (b) selepas berunding dengan SC; dan
   (c) Resolusi Khas telah diluluskan secara sewajarnya oleh Pemegang-pemegang Unit;

(iv) jika Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas memutuskan bahawa Pengurus harus dipecat; atau

(v) jika Pengurus tidak lagi menjadi syarikat pengurusan yang diluluskan di bawah peruntukan CMSA dan peraturan-peraturan terpakai.

Bagi mana-mana alasan yang dinyatakan di atas, Pengurus yang memegang jawatan pada masa itu apabila menerima notis bertulis daripada Pemegang Amanah tidak lagi menjadi syarikat pengurusan dan Pemegang Amanah, tertakluk kepada mana-mana kelulusan yang dikehendaki oleh undang-undang terpakai, berhak untuk melantik secara bertulis sebuah syarikat lain dengan kelayakan yang sesuai untuk menjadi syarikat pengurusan Dana dengan kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas dalam mesyuarat yang dipanggil selaras dengan Surat Ikatan.

Pelantikan yang dikatakan bagi syarikat pengurusan baharu tidak berkuat kuasa sehingga syarikat pengurusan baharu melaksanakan surat ikatan yang melaluinya ia berwaad untuk bertindak sebagai syarikat pengurusan selaras dengan Surat Ikatan.

6.7 Persaraan Pemegang Amanah

Pemegang Amanah boleh bersara sebagai pemegang amanah Dana selepas memberikan kepada Pengurus notis bertulis dua belas (12) bulan tentang hasratnya untuk berbuat demikian, atau tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah yang bersara, tertakluk kepada kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang terpakai, boleh melantik secara bertulis mana-mana syarikat lain yang mempunyai kelayakan yang sesuai yang diluluskan oleh Pengurus dan SC (jika diperlukan) sebagai pemegang amanah baharu bagi menggantikannya.

Pengurus akan melaksanakan langkah-langkah munasabah untuk memecat dan menggantikan Pemegang Amanah secepat yang praktik selepas mengetahui akan sebarang keadaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 6.6 di bawah.

6.8 Kuasa Pengurus untuk memecat atau menggantikan Pemegang Amanah

Pemegang Amanah boleh memecat Pengurus dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Ikatan, yang termasuk peristiwa berikut:

(i) jika Pemegang Amanah tidak lagi wujud;

(ii) jika Pemegang Amanah tidak dilantik secara sah;

(iii) jika Pemegang Amanah tidak layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah mana-mana undang-undang berkaitan;

(iv) jika Pemegang Amanah gagal atau enggan bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan peruntukan atau waad Surat Ikatan atau mana-mana undang-undang terpakai;

(v) jika Pengurus telah dibubarkan atau dibubarkan sementara (kecuali pembubaran sukarela untuk tujuan penyusunan semula atau penggabungan berdasarkan terma-terma yang telah diluluskan secara bertulis terlebih dahulu oleh Pemegang Amanah) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau jika penerima, atau penerima dan pengurus, dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besar harta Pemegang Amanah dan tidak ditamatkan atau ditarik balik dalam tiga puluh (30) hari daripada pelantikan atau jika mana-mana penanggung akan mengambil milik mana-mana daripada asetnya;

(vi) petisyen telah diserahkan untuk pembubaran Pemegang Amanah (selain untuk tujuan dan diikuti dengan penyusunan semula, kecuali jika ketika atau selepas penyusunan semula tersebut Pemegang Amanah menjadi atau diisytiharkan tidak mampu bayar);

(vii) jika Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas menetapkan bahawa Pemegang Amanah mesti dipecat;

(viii) jika Pemegang Amanah telah melanggar tanggungjawabnya kepada Pemegang-pemegang Unit dalam cara yang, pada pendapat munasabah Pengurus, menjejaskan Pemegang-pemegang Unit tersebut dan, dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Pengurus dalam notis bertulis kepada Pemegang Amanah, pelangggaran(-pelanggaran) tersebut masih belum diperbaiki; atau

(ix) Pemegang Amanah disiasat untuk perlakuan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang terpakai.

Bagi mana-mana alasan yang dinyatakan di atas, Pemegang Amanah yang memegang jawatan pada masa itu apabila menerima notis bertulis daripada Pengurus tidak lagi menjadi pemegang amanah dan Pengurus, tertakluk kepada mana-mana kelulusan yang dikehendaki oleh undang-undang terpakai, berhak untuk melantik secara bertulis sebuah syarikat lain dengan kelayakan yang sesuai untuk menjadi pemegang amanah dengan kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas dalam mesyuarat yang dipanggil selaras dengan Surat Ikatan.

Pelantikan yang dikatakan bagi pemegang amanah baharu tidak berkuat kuasa sehingga pemegang amanah baharu melaksanakan surat ikat yang melaluinya ia berwaad untuk bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan Surat Ikatan.

6.9 Penamatan Dana

6.9.1 Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah selaras dengan peruntukan CMSA apabila berlaku mana-mana daripada peristiwa berikut:

(i) jika Pengurus dibubarkan, kecuali untuk tujuan penyusunan semula atau penggabungan berdasarkan terma-terma yang diluluskan secara bertulis terlebih dahulu oleh Pemegang Amanah dan pihak berkuasa berkaitan;

(ii) jika, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah berhenti mejalankan perniagaan; atau

(iii) jika, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah menjejaskan Pemegang-pemegang Unit apabila ia gagal mematuhi peruntukan Surat Ikatan atau melanggar mana-mana daripada peruntukan mana-mana undang-undang berkaitan.

Apabila Resolusi Khas untuk menamatkan Dana diluluskan oleh Pemegang-pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang Unit yang dipanggil oleh Pemegang Amanah selaras dengan Bahagian 6.9.1(i), (ii) dan (iii) di atas, Pemegang Amanah akan memohon perintah mahkamah untuk mengesahkan Resolusi Khas tersebut.

6.9.2 Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah atau Pengurus melalui notis bertulis kepada Pemegang-pemegang Unit sekiranya Dana tidak lagi diluluskan di bawah CMSA.

6.9.3 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Bahagian 6.9.1 dan 6.9.2 di atas, Dana boleh ditamatkan pada bila-bila masa melalui Resolusi Khas Pemegang Unit dan penamatan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang Resolusi Khas tersebut diluluskan atau suatu tarikh kemudian (jika ada) sebagaimana yang ditetapkan oleh Resolusi Khas.

6.9.4 Tertakluk kepada peruntukan undang-undang berkaitan, Pengurus boleh, tanpa perlu mendapatkan kelulusan awal Pemegang-pemegang Unit, menamatkan dan membubarkan Dana jika penamatan tersebut:

(a) dikehendaki oleh pihak berkuasa berkaitan; atau

(b) adalah untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit, dan Pengurus selepas berunding dengan Pemegang Amanah berpendapat bahawa adalah tidak ekonomik untuk Pengurus terus menguruskan Dana.

Walau apa pun yang telah dinyatakan di atas, jika Dana tidak lagi mempunyai Pemegang Unit, Pengurus juga akan berhak untuk menamatkan Dana.

6.10 Mesyuarat Pemegang Unit

6.10.1 Pemegang Amanah atau Pengurus masing-masing boleh pada bila-bila masa memanggil mesyuarat Pemegang Unit pada masa atau di tempat di Malaysia sebagaimana yang pihak yang memanggilnya berpendapat adalah sesuai.

6.10.2 Pengurus akan memanggil mesyuarat Pemegang Unit jika tidak kurang daripada lima puluh (50) Pemegang Unit atau sepuluh peratus (10%) daripada semua Pemegang Unit, yang mana lebih sedikit, mengarahkan Pengurus untuk melakukannya secara bertulis yang diserahkan ke pejabat berdaftar Pengurus untuk tujuan:

(a) mempertimbangkan penyata kewangan Dana yang paling terkini;

(b) memberikan arahan kepada Pemegang Amanah sebagaimana yang mesyuarat berpendapat adalah wajar; atau

(c) mempertimbangkan apa-apa perkara lain yang berkait dengan Surat Ikatan.

6.10.3 Apabila mesyuarat dipanggil untuk meluluskan:

(i) Resolusi Biasa, sekurang-kurangnya notis empat belas (14) hari (tidak termasuk hari yang notis diserahkan atau dianggap diserahkan dan hari yang notis diberikan) berkenaan mesyuarat tersebut diberikan kepada Pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah menurut kaedah yang ditetapkan dalam Surat Ikatan; atau

(ii) Resolusi Khas, sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari yang notis diserahkan atau dianggap diserahkan dan hari yang notis diberikan) berkenaan mesyuarat itu diberikan kepada Pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah menurut kaedah yang ditetapkan dalam Surat Ikatan; atau

(iii) apabila resolusi memerlukan kelulusan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada semua Pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang Unit, sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari yang notis diserahkan atau dianggap diserahkan dan hari yang notis diberikan) berkenaan mesyuarat itu diberikan kepada Pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah menurut kaedah yang ditetapkan dalam Surat Ikatan.

Notis tersebut akan diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit menggunakan kaedah berikut sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Ikatan:

(i) secara bertulis kepada Pemegang Unit melalui surat yang dialamatkan kepada Pemegang Unit di alamat Pemegang Unit sebagaimana yang tertera dalam Daftar;

(ii) melalui siaran dalam akhbar harian bahasa kebangsaan yang diedarkan di seluruh negara dan dalam satu (1) akhbar lain sebagaimana yang diluluskan oleh SC;

(iii) dengan menghantar melalui mana-mana komunikasi elektronik; atau

(iv) melalui suatu bentuk komunikasi lain yang dibenarkan atau diterima di bawah undang-undang berkaitan dan sebagaimana yang Pengurus boleh tentukan dari semasa ke semasa.

6.10.4 Notis adalah dalam bentuk surat pekeliling dan akan menyatakan tempat, masa mesyuarat, sifat umum urusan yang akan diselesaikan dan terma-terma bagi sebarang resolusi yang akan dicadangkan dalamnya. Salinan notis akan dihantar kepada Pemegang Amanah kecuali jika mesyuarat itu dipanggil oleh Pemegang Amanah dan salinannya juga akan dihantar kepada SC. Pengguguran tidak sengaja untuk memberikan notis atau ketidakterimaan notis oleh mana-mana Pemegang Unit tidak akan mentaksahkan persidangan dalam mana-mana mesyuarat. Pengurus atau Pemegang Amanah akan menyiarkan iklan yang memberikan notis berkaitan mesyuarat Pemegang Unit dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan di seluruh negara. Mesyuarat Pemegang Unit mesti diadakan tidak lebih daripada dua (2) bulan selepas notis diberikan di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam notis dan iklan.

6.10.5 Kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat pemegang Unit ialah lima (5) Pemegang Unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi; walau bagaimanapun, jika Dana mempunyai lima (5) atau kurang Pemegang Unit, kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang Unit Dana ialah dua (2) Pemegang Unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi. Jika mesyuarat dipanggil untuk tujuan mengundi Resolusi Khas, Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi mesti memegang dalam agregat sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) daripada Unit-unit dalam edaran bagi Dana pada masa mesyuarat. Jika Dana hanya mempunyai satu (1) Pemegang Unit, maka Pemegang Unit itu, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, akan membentuk kuorum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang Unit Dana.

6.10.6 Setiap Pemegang Unit (yang adalah individu) yang hadir sendiri atau melalui proksi atau (sebuah syarikat) yang diwakili oleh seorang wakilnya atau melalui proksi akan, dalam undian, mempunyai satu (1) undi bagi setiap Unit yang beliau atau ia adalah Pemegang Unit dan tidak

perlu membuang semua undi yang beliau atau ia berhak dalam cara yang sama.

6.10.7 Setiap Pemegang Unit berhak untuk menghadiri dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat Pemegang Unit, dan akan berhak untuk melantik orang lain (sama beliau adalah Pemegang Unit atau tidak) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi. Apabila Pemegang Unit ialah penama diberikan kuasa sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi berhubung dengan setiap akaun sekuriti yang dipegangnya dengan Unit-unit dikreditkan ke dalam akaun tersebut. Apabila Pemegang Unit melantik dua (2) proksi selaras dengan peruntukan ini, pelantikan itu adalah tidak sah kecuali jika beliau menetapkan bahagian pemegangannya yang akan diwakili oleh setiap proksi. Proksi ini akan mempunyai hak yang sama sebagai ahli untuk mengundi, untuk bercakap dan untuk dikira dalam kuorum.

6.10.8 Mana-mana Pemegang Unit yang adalah syarikat boleh melalui resolusi pengarahnya atau badan pentadbir lain memberikan kuasa kepada mana-mana orang untuk bertindak sebagai wakilnya dalam mana-mana mesyuarat Pemegang Unit, dan orang yang diberikan kuasa ini akan dalam mesyuarat tersebut berhak untuk melaksanakan kuasa yang sama bagi pihak syarikat sebagaimana syarikat tersebut boleh laksanakan jika ia adalah Pemegang Unit individu.

6.10.9 Apabila berlaku persamaan undi, pengerusi mesyuarat Pemegang Unit akan mempunyai undi pemutus di samping undinya (jika ada) sebagai Pemegang Unit.

6.10.10 Setiap soalan yang dikemukakan dalam mesyuarat agung Pemegang Unit akan diputuskan melalui undian.

6.10.11 Bagi mana-mana soalan yang diputuskan secara angkat tangan, setiap Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi akan mempunyai satu (1) undi untuk setiap Unit yang dibayar sepenuhnya.

7. TENTANG PENGURUS

7.1 Latar Belakang dan Pengalaman

Halogen Capital Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 202101022404 (1422704-T)) ("Halogen Capital") diperbadankan di Malaysia pada 24 Jun 2021 di bawah Akta Syarikat 2016 dan memulakan operasinya pada 2023 sebagai syarikat pengurusan dana berlesen pertama dengan kepakaran khusus dalam pelaburan aset digital.

Ditubuhkan oleh pasukan berpengalaman pengurus dana, peserta pasaran modal, usahawan teknologi kewangan dan pakar aset digital, Halogen Capital menyatukan lebih enam puluh (60) tahun gabungan pengalaman dengan pasukan pengasas dalam pengurusan dana, aset digital dan juga inovasi teknologi.

Wawasan Halogen Capital ialah untuk menjadi insititusi kewangan serantau yang paling dipercayai untuk pelaburan digital.

Pada LPD, Halogen Capital telah melancarkan dan kini menguruskan sembilan (9) dana borong dan lebih seratus mandat persendirian yang mewakili jumlah aset bawah pengurusan melebihi RM300 juta. Ini termasuk dana borong aset digital pertama Malayaia, Halogen Shariah Bitcoin Fund, Halogen Shariah Ethereum Fund dan Halogen Shariah Crypto Titans Fund.

7.2 Lembaga Pengarah

Lembaga pengarah bagi Pengurus ("Lembaga Pengarah") bertanggungjawab ke atas pengurusan keseluruhan Pengurus dan dana-dananya. Lembaga Pengarah bukan sahaja memastikan urus tadbir korporat diamalkan tetapi ia juga memastikan kepatuhan kepada dasar dan garis panduan. Lembaga Pengarah akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setiap tahun, atau lebih kerap sekiranya terdapat keperluan.

Ahli Lembaga Pengarah

Datuk Dr Yatimah binti Sarjiman – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Dr. Yatimah, berusia 61 tahun, membawa lebih tiga puluh lima (35) tahuan pengalaman kepimpinan unggul dalam pentadbiran awam, dasar sosioekonomi, dan perancangan strategik kebangsaan. Kepakarannya termasuk merumus dasar ekonomi jangka panjang, mengarah belanjawan pembangunan skala besar, mewujudkan rangka kerja urus tadbir rentas kementerian, dan memacu strategi digital dan operasi seluruh sektor.

Datuk Dr. Yatimah berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Agung (Sektor) di Kementerian Ekonomi, Malaysia, dan di sini beliau mengetuai penggubalan, pelaksanaan dan pemantauan dasar pembangunan sosioekonomi negara jangka sederhana dan jangka panjang. Dalam peranan ini, beliau menerajui perancangan peringkat negara, rantau dan negeri, menguruskan belanjawan pembangunan sektor utama, dan memberikan nasihat dasar strategik kepada kepimpinan kanan kerajaan. Dalam keupayaan ini, beliau menyelia perancangan pembangunan negara, menguruskan peruntukan pembangunan sektor penting, dan memberikan nasihat dasar strategik kepada kepimpinan kanan Kerajaan berhubung dengan keutamaan ekonomi dan pembangunan penting.

Sebelum bertugas di Kementerian Ekonomi, beliau menjawat beberapa jawatan kepimpinan peringkat tinggi merentasi perkhidmatan awam Malaysia. Ini termasuk Pengarah Bahagian Pertanian di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, dan Timbalan Setiausaha Agung di Jabatan Perdana Menteri. Sepanjang kerjaya eksekutifnya, beliau memainkan peranan penting dalam memajukan rangka kerja keselamatan makanan negara, inovasi pertanian, inisiatif kesamaan jantina, dan mengukuhkan urus tadbir operasi merentasi organisasi perkhidmatan awam. Sebelum pelantikan ini, Datuk Dr. Yatiman telah menjawat beberapa jawatan kepimpinan kanan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, termasuk Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita dan Timbalan Setiausaha Agung di Jabatan Perdana Menteri. Dalam semua tanggungjawab ini, beliau memainkan peranan penting dalam memajukan strategi keselamatan makanan dan pembangunan pertanian negara, menggalakkan pemerkasaan wanita dan inisiatif kesamaan jantina, mengukuhkan urus tadbir, keberkesanan institusi, dan penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Beliau memiliki Doktor Falsafah (PhD) daripada Universiti Utara Malaysia, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam Perakaunan & Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa daripada Northrop University, AS, dan

Sarjana Muda Perniagaan dalam Sistem Maklumat Perakaunan dan Sistem Maklumat Komputer dari Idaho State University, AS.

Michelle Dan Soo Ling – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Michelle, berusia 59 tahun, membawa lebih tiga puluh (30) tahun pengalaman kepimpinan eksekutif dalam sektor insurans dan perkhidmatan kewangan. Kepakarannya merangkumi pengurusan kewangan peringkat lembaga, perancangan strategik, urus tadbir pelaburan, dan memacu transformasi perniagaan seluruh perusahaaan dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat.

Michelle telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) untuk penanggung insurans multinasional terkemuka di Malaysia, termasuk Generali Insurance Malaysia Berhad, AXA Affin General Insurance Berhad, dan Liberty General Insurance Berhad, Malaysia. Dalam keupayaan sebagai CFO Negara di Generali Insurance Malaysia Berhad, beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Generali Malaysia Holdings Berhad dan MPI Generali Berhad.

Sepanjang kerjayanya, beliau menerajui urus niaga korporat utama, penggabungan dan pengambilalihan, usaha wajar kewangan, dan penyatuan selepas penggabungan yang rumit. Beliau memainkan peranan penting dalam memajukan kecekapan operasi melalui program transformasi perusahaan – seperti pelaksanaan ERP, pelaksanaan gedung data, automasi proses robotik – di samping membangunkan rangka kerja urus tadbir pelaburan yang kukuh dan terlibat secara aktif dalam mesyuarat Lembaga, Pelaburan, Risiko, dan Jawatankuasa Audit.

Beliau memiliki Sajana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam perakauanan daripada La Trobe University, Melbourne, Australia. Beliau adalah Felow Certified Practising Accountant (FCPA) dengan CPA Australia dan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

Ho Tze-Shiang – Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Ho Tze-Shiang, berusia 43 tahun, telah memperoleh Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada King's College London, University of London, United Kingdom pada Julai 2004. Beliau kemudiannya menyempurnakan Bar Vocational Course dan telah diterima oleh Bar of England and Wales sebagai Barrister-at-Law of the Honourable Society of Lincoln's Inn pada September 2005. Pada Oktober 2006, beliau diterima sebagai Peguam Cara dan Peguam Bela di Mahkamah Tinggi Malaya dan beliau adalah ahli Majlis Peguam Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya undang-undangnya sebagai pelatih dalam kamar di Shearn Delamore & Co pada April 2005. Beliau kemudiannya menyertai Wong & Partners sebagai Pengamal Undang-undang pada Oktober 2006 dan terlibat dalam kumpulan pengamal cukai. Pada Jun 2010, beliau meninggalkan Wong & Partners dan menubuhkan firma guamannya sendiri – T.S.HO &Co. pada Oktober 2010. Kemudian, pada Jun 2014, beliau menyertai perkongsian dan menukar nama firmanya kepada Donovan & Ho. Sejak itu, beliau telah menjadi rakan kongsi di firma tersebut dan juga Ketua Jabatan Korporat dan Perdagangan.

Sepanjang pengalaman kerjanya sebagai pengamal undang-undang, beliau mewakili kliennya yang sebahagian besarnya ialah syarikat tidak tersenarai persendirian dalam pengambilalihan korporat, usaha penyusunan semula, pengaturan usaha sama, perjanjian pemegang saham, opsyen saham pekerja dan perniagaan francais.

Ho-Tze-Shiang ialah pengarah bukan eksekutif bebas di Oasis Home Holding Berhad.

Liew Ooi Hann - Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Hann, berusia 40 tahun, adalah seorang pemimpin berpengalaman yang mempunyai pengalaman industri tujuh belas (17) tahun dalam teknologi kewangan (fintech), perbankan dan pasaran modal, merentasi beberapa fungsi kepimpinan C-Suite, dengan tiga (3) tahun pengalaman dalam dana lindung nilai dan produk berstruktur dana mutual dan strategi peruntukan aset di bank pelaburan global, sepuluh (10) tahun dalam teknologi kewangan pengguna (perbankan, insurans dan pelaburan) dengan beberapa tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO"), dua (2) tahun sebagai pemegang lesen wakil perkhidmatan pasaran modal ("CMSRL") dan Pengarah Berlesen dalam perancangan kewangan, dan tiga setengah (3.5) tahun terakhir sebagai CEO dan pemegang CMRSL untuk aktiviti berperaturan pengurusan Dana di Halogen Capital.

Han telah berkhidmat sebagai CEO dan pengurus dana di Halogen Capital sejak Disember 2022, dan mempunyai pengalaman luas dalam mengetuai perniagaan dan pasukan, dan juga pengetahuan teknikal dalam mereka bentuk dan memasarkan produk pasaran modal yang rumit dan, paling terkini, aset digital.

Sebelum menyertai Halogen Capital, Hann adalah Pengasas dan CEO terkenal di Jirnexu Sdn Bhd (RinggitPlus) di mana beliau berusaha selama lebih sepuluh (10) tahun membina syarikat teknologi kewangan terunggul Malaysia dengan lebih dua ratus (200) peneraju utama teknologi perkhidmatan kewangan yang mantap, dengan liputan merentasi perbankan, insurans dan pengurusan aset. Dalam RinggitPlus, Hann juga adalah Pengarah Berlesen di anak syarikat berlesen pasaran modal milik RinggitPlus dan telah melakukan penyelidikan mendalam dan mengendalikan latihan pelabur dalam pelaburan aset digital yang melibatkan lebih seribu (1,000) pelabur individu sejak 2020.

Beliau juga adalah Penolong Naib Presiden (Derivarif Dana) di Barclays Capital, London, dan di sini beliau bertanggungjawab dalam pembinaan fortfolio dan peruntukan aset kuantitatif bagi portfolio kelas berbilang aset untuk pelabur institusi.

Beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Sains dalam Matematik & Statisik daripada London School of Economics and Political Science, United Kingdom. Beliau juga adalah Juruanalisis Kewangan Bertauliah (CFA) dan ahli Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM) sebagai Perancangan Kewangan Bertauliah (CFP).

Lim Chia Wei - Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Chia Wei, berusia 36 tahun, mempunyai pengalaman dua belas (12) tahun dalam Urus Niaga dan Operasi Sekuriti. Beliau menerajui transformasi digital dalam Malacca Securities, termasuk berkerja rapat dengan pihak berkuasa untuk memperkenalkan suai tugas pelanggan digital dan melaksanakan proses pembayaran dan penyelesaian selanjar untuk memudahkan urus niaga pelanggan. Malacca Securities telah menjadi antara tiga broker saham terunggul di Malaysia sejak 2020.

Beliau memiliki Sarjana Muda Sains dalam Matematik dengan Statistik daripada Imperial College London, United Kingdom.

Lucas Ooi Ki Siong - Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Lucas, berusia 40 tahun, mempunyai pengalaman tujuh belas (17) dalam teknologi kewangan, perbankan dan pasaran modal, merentasi beberapa fungsi kepimpinan, dengan tiga (3) tahun dalam ekuiti dan jualan institusi derivatif kredit di bank pelaburan global, dan sepuluh (10) tahun dalam teknologi kewangan pengguna (perbankan, insurans dan pelaburan).

Beliau adalah pengasas bersama Halogen Capital dan kini adalah Ketua Pegawai Perniagaan, yang memantau hubungan perniagaan komersial dan pembangunan korporat untuk Halogen Capital.

Beliau adalah pengasas bersama pasaran perkhidmatan kewangan dalam talian terbesar Malaysia, RinggitPlus.com, yang telah melaksanakan kempen pemasaran digital untuk dirinya, bank dan penanggung insurans selama lebih sepuluh (10) tahun. Dalam tempoh ini, lebih daripada satu juta (1,000,000) pelanggan di Malaysia telah disuai tugas secara digital melalui laman sesawang RinggitPlus. Disebabkan pertumbuhan dan kejayaan RinggitPlus.com sebagai syarikat teknologi kewangan digital terkemuka Malaysia, BNM telah bekerjasama dengan RinggitPlus.com sebagai saluran utama untuk mempromosi kandungan digital RinggitPlus melalui Rangkaian Pendidikan Kewangannya.

Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan dan Pengurusan daripada University of Bath, United Kingdom.

Ng Moon Ho – Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Moon Ho, berusia 46 tahun, membawa pengalaman kepimpinan lebih dua puluh (20) tahun dalam syarikat-syarikat mutinasional dan perusahaan teknologi kewangan yang besar, Kepakarannya merangkumi mewujudkan dan mengurus rangka kerja operasi kompleks dan mereka bentuk produk perisian sedia perusahaan yang menggabungkan langkah-langkah keselamatan tertinggi.

Moon Ho telah bersama-sama mengasaskan Halogen Capital pada 2021 dan telah menjadi Ketua Pegawai Operasi pengasasnya sejak 2022. Beliau telah menerajui pembentukan dasar dan prosedur asas dan mengarahkan proses pengambilan pekerja untuk membina pasukan yang pelbagai dan mahir yang sejajar dengan matlamat dan budaya strategik.

Di samping kepimpinannya dalam menubuhkan syarikat ini, Moon Ho memainkan peranan penting dalam mereka bentuk dan melaksanakan sistem pengurusan dana yang memenuhi standard tertinggi kepatuhan

operasi dan kawal selia. Beliau juga mengetuai penyepaduan rakan kongsi bank, pemegang amanah, kustodian dan platform dagangan ke dalam ekosistem syarikat. Penyepaduan ini menghasilkan perjalanan pelaburan selanjar untuk pelanggan di samping mematuhi amalan terbaik indusrti, mandat kawal selia dan keperluan kepatuan keselamatan siber.

Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda dalam Komputer Sains daripada Universiti Sains Malaysia dan adalah Profesional Sekuriti Blok Rantai Bertauliah.

Ahmad Fuad Alhabshi – Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Fuad, berusia 41 tahun, mempunyai lebih lapan belas (18) pengalaman dalam industri pengurusan dana, sebahagian besarnya sebagai pengurus portfolio dan pernah menjadi CEO dan Pengarah Berlesen di Opus Islamic Asset Management Sdn Bhd (*dahulunya dikenali sebagai Abbas Investment Management Sdn Bhd)* selama dua (2) tahun.

Sebagai Pengarah Eksekutif di Halogen Capital, Fuad menyelia dan menyokong pelbagai fungsi syarikat yang merangkumi urus tadbir, pelaburan, kepatuhan, risiko dan pembangunan produk.

Beliau memiliki ijazah Sarjana Sains dalam Reka Bentuk Litar Bersepadu Analog dan Digital daripada Imperial College London, United Kingdom dan ijazah Sajana Muda Sains dalam Kejuruteraan Elektronik daripada University of Warwick, United Kingdom.

Beliau juga telah mempunyai Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal daripada SC sejak 2010.

Datuk Yong Foo Ken – Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Datuk Yong Foo Ken, berusia 48 tahun, adalah warga negara Malaysia dan menetap di Malaysia. Datuk Kenny mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam industri kewangan. Beliau kini adalah pengarah dalam Goup Invest Bank dan bahagian Islam Kenanga Investment Bank Berhad Group dan CEO di Kenanga Private Equity Sdn Bhd. Datuk Kenny ialah pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal dan juga adalah Orang Bertanggungjawab ke atas Kenanga Private Equity Sdn Bhd.

Datuk Kenny mempunyai Sarjana Muda dalam Perakaunan daripada RMIT University Australia dan memperoleh Ijazah Sarjananya dalam Pentadbiran Perniagaan (dengan Kepujian) daripada Manchester Business School, Manchester University. Belaiu mengikuti pengajian di Harvard Business School dan program International Institute for Management Development (IMD) untuk pengurusan kanan. Datuk Kenny ialah ahli Institut Perakaunan Malaysia dan pada 2022 beliau telah diterima sebagai Felow dalam Australian Society of Certified Practicing Accountants.

Datuk Kenny kini berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Merchantrade Asia Sdn Bhd, pengendali Perniagaan Perkhidmatan Wang yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia, Halogen Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana yang diberikan lesen oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Kinetic Dax Sdn Bhd, iaitu Bursa Aset Digital yang diberikan lesen oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga adalah ahli Lembaga Penasihat untuk Sri KDU International Schools.

7.3 Jawatankuasa Pelaburan

Peranan jawatankuasa pelaburan Dana (“Jawatankuasa Pelaburan”) ialah melaksanakan penyeliaan bagi memastikan yang pengurusan Dana adalah selaras dengan Objektif Dana, Surat Ikatan, Prospektus ini, Garis Panduan ETF dan sekatan dan dasar pelaburan dalaman Pengurus. Jawatankuasa Pelaburan bertanggungjawab ke atas perkara berikut:

(a) untuk memastikan yang strategi pelaburan yang dipilih dilaksanakan sewajarnya dan dengan cekap pada peringkat pengurusan;

(b) untuk memantau, mengukur dan menilai secara aktif pretasi pengurusan pelaburan, tahap risiko dan kepatuhan jabatan pelaburannya dan semua dana di bawah pengurusan syarikat; dan

(c) untuk meluluskan pelantikan broker atau peniaga yang digunakan dalam urusan Aset Dana.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan akan diadakan empat (4) kali setahun dan lebih kerap sekiranya keadaan memerlukan.

Ahli jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

Liew Ooi Hann – Ahli Bukan Bebas

(Sila rujuk profil beliau dalam Bahagian 7.2 di atas)

Lim Chia Wei - Ahli Bukan Bebas

(Sila rujuk profil beliau dalam Bahagian 7.2 di atas)

Ahmad Fuad Alhabshi - Ahli Bukan Bebas

(Sila rujuk profil beliau dalam Bahagian 7.2 di atas)

***Lim Jin Li* – Ahli Bebas**

Beliau mempunyai lebih 9 tahun pengalaman dalam industri aset digital. Beliau adalah pengasas bersama QCP, salah satu pembuat pasaran aset digital tertua dan terbesar di Singapura. QCP mengendalikan meja dagang di kaunter 24/7 yang menawarkan kecairan semerta dan derivatif bersaiz institusi untuk aset digital. Sebagai salah sebuah syarikat dagangan kripto terbesar di dunia dan meja opsyen, QCP memproses lebih $60 bilion dalam jumlah dagangan pada 2023 sahaja.

7.4 Personel Penting & Pengurus Dana Dilantik

Personel Penting:

Liew Ooi Hann – CEO

(Sila rujuk profil beliau dalam Bahagian 7.2 di atas)

Ng Moon Ho – Ketua Pegawai Operasi

(Sila rujuk profil beliau dalam Bahagian 7.2 di atas)

Pengurus Dana Dilantik:

Profil dan pengurus dana dilantik untuk Dana adalah seperti berikut:

Liew Ooi Hann – CEO

(Sila rujuk profil beliau dalam Bahagian 7.2 di atas)

7.5 Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pengurus

Pengurus bertanggungjawab menguruskan portfolio Dana, menerbitkan Unit-unit dan menyediakan dan menerbitkan Prospektus ini. Pengurus juga bertanggungjawab menetapkan dasar-dasar pelaburan untuk Dana dan melaksanakan strategi bagi mencapai objektif ini. Pengurus adalah tertakluk kepada peruntukan Surat Ikatan dan akan melaksanakan semua aktiviti sebagaimana yang dianggap perlu untuk pengurusan Dana dan perniagaannya. Pengurus akan, dalam menguruskan Dana, melaksanakan aktiviti pengurusan utama berkaitan dengan Dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada strategi keseluruhan, pemerolehan baharu dan analisis pelupusan, pemasaran dan komunikasi, prestasi setiap aset dan perancangan perniagaan, analisis prestasi pasaran dan aktiviti lain sebagaimana yang ditetapkan dalam Surat Ikatan.

Selain itu, Pengurus telah berwaad dengan Pemegang Amanah, antara lain, untuk melakukan yang berikut:

(a) menjalankan dan melaksanakan aktiviti perniagaannya dengan wajar dan tekun dan menguruskan dan mentadbir Dana dengan wajar, tekun dan cekap selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti, dan Garis Panduan ETF;

(b) menguruskan Aset Dana dan liabiliti untuk manfaat Pemegang-pemegang Unit;

(c) menetapkan dasar pelaburan Dana dan menyerahkan cadangan kepada Pemegang Amanah tentang pemerolehan, pemberhentian pelaburan atau pengukuhan Aset Dana;

(d) menerbitkan laporan tahunan dan laporan separuh tahunan Dana kepada Pemegang Unit dalam tempoh dua (2) bulan dari FYE Dana;

(e) memastikan yang Dana diuruskan dalam lingkungan Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti, Garis Panduan ETF dan undang-undang terpakai lain;

(f) mengamalkan standard integriti yang tinggi dan urusan saksama dalam menguruskan Dana untuk kepentingan terbaik dan eksklusif Pemegang Unit;

(g) bertindak dengan teliti, mahir dan tekun dalam menguruskan Dana, dan menggunakan secara berkesan sumber dan prosedur yang diperlukan untuk prestasi wajar Dana;

(h) memastikan yang Surat Ikatan dan Prospektus ini mematuhi CMSA, undang-undang sekuriti, garis panduan berkaitan dan undang-undang terpakai lain pada sepanjang masa;

(i) melaksanakan semua langkah perlu bagi memastikan yang pelaburan dan aset lain Dana dilindungi secukupnya dan diasingkan sewajarnya; dan

(j) kecuali dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh SC, memastikan yang Dana mempunyai, pada sepanjang masa, pemegang amanah yang dilantik.

7.6 Litigasi dan Timbang Tara Material

Pada LPD, Pengurus tidak terlibat dalam sebarang litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum selesai atau diancam, dan tidak mengetahui akan sebarang fakta yang berkemungkinan akan menyebabkan sebarang prosiding yang mungkin mempunyai kesan material ke atas kedudukan perniagaan atau kewangan Pengurus dan mana-mana daripada wakilnya.

7.7 Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana

Oleh sebab Dana baru ditubuhkan pada tarikh Porspektus ini, tidak ada pemegang saham utama, pengarah atau personel penting Pengurus yang mempunyai apa-apa pemegangan Unit langsung dan tidak langsung dalam Dana.

Walau bagaimanapun, mereka boleh memegang Unit-unit Dana selepas Penyenaraian.

Untuk maklumat lanjut tentang Pengurus, Penasihat Syariah dan pengurus dana dilantik dan sebarang perubahan selepasnya kepada maklumat ini, anda boleh mendapatkan maklumat terperinci di laman sesawang kami di *https://halogen.my*.

8. TENTANG PEMEGANG AMANAH

8.1 Latar Belakang Pemegang Amanah

Universal Trustee (Malaysia) Berhad ("UTMB") ialah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sejak 1974 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan perniagaannya beralamat di Tingkat 3, 1 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Ia mempunyai lebih daripada tiga puluh (30) tahun pengalaman dalam mengendalikan urusan unit amanah.

8.2 Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pemegang Amanah

Fungsi utama Pemegang Amanah ialah untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan kustodian bagi Aset Dana dan memelihara kepentingan Pemegan-pemegang Unit. Ia akan:

- bertindak selaras dengan peruntukan Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan undang-undang sekuriti;

- menerima dalam jagaannya pelaburan-pelaburan Dana dan memegang pelaburan-pelaburan tersebut dalam amanah untuk Pemegang-pemegang Unit;

- memastikan yang Pengurus mengendalikan dan mentadbir Dana seleras dengan peruntukan Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan amal perniagaan yang diterima dalam industri amanah saham;

- memastikan yang ia dimaklumkan sepenuhnya tentang dasar pelaburan Dana dan sebarang perubahan yang dibuat padanya, dan jika ia berpendapat bahawa dasar-dasar tersebut adalah bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit, ia akan mengarahkan Pengurus supaya mengambil tindakan sewajarnya sebagaimana yang Pemegang Amanah berpendapat adalah sesuai dan/atau memanggil mesyuarat Pemegang Unit untuk tujuan memberikan arahan tersebut kepada Pengurus sebagaimana yang mesyuarat berpendapat adalah wajar;

- dengan seberapa segera yang praktikal memaklumkan SC mengenai sebarang ketaklaziman dan pelanggaran material sebenar atau dijangka bagi peruntukan Surat Ikatan, Garis Panduan ETF dan mana-mana urusan lain yang pada pendapat Pemegang Amanah mungkin menandakan yang kepentingan Pemegang-pemegang Unit tidak dipelihara;

- bertindak dengan berhati-hati, mahir, tekun dan waspada dalam melaksanakan fungsi-fungsi dan tanggungjawab-tanggungjawabnya, dalam pemantauan aktif pentadbiran Dana oleh Pengurus dan dalam memelihara kepentingan-kepentingan Pemegang-pemegang Unit;

- menyimpan, atau memastikan Pengurus menyimpan, perakaunan wajar dan semua rekod lain yang berkaitan dengan hak-hak dan kepentingan-kepentingan tersebut, dan semua urus niaga yang dilaksanakan oleh Pengurus dalam akaun Dana; dan

- memastikan akaun-akaun tersebut diaudit sekurang-kurangnya setiap tahun oleh juruaudit Dana dan menghantar atau memastikan yang akaun-akaun tersebut dihantar kepada Pemegang-pemegang Unit dalam dua (2) bulan dari tempoh perakuanan berkaitan.

8.3 Litigasi dan Timbang Tara Material

Pada LPD, Pemegang Amanah tidak (a) terlibat dalam sebarang litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum selesai atau diancam, dan (b) tidak mengetahui akan sebarang fakta yang berkemungkinan akan menimbulkan prosiding yang mungkin mempunyai kesan material ke atas kedudukan perniagaan atau kewangan Pemegang Amanah dan mana-mana daripada wakilnya.

8.4 Penyataan Tanggungjawab Pemegang Amanah

Pemegang Amanah telah menyatakan kesanggupannya untuk menerima jawatan sebagai pemegang amanah untuk Dana dan semua kewajipannya selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan semua undang-undang berkaitan.

TENTANG SUBKUSTODIAN

9.1 Latar Belakang Subkustodian

BitGo Bank & Trust, National Association ("BitGo") ialah bank amanah nasional yang dilesenkan di bawah undang-undang kerajaan untuk aset-aset digital yang menawarkan perkhidmatan infrastruktur aset digital yang disesuaikan khusus untuk pelabur institusi dan perniagaan mata wang digital kripto. Syarikat ini ditubuhkan pada 2013 adan beribu pejabat di Sioux Falls, SD. BitGo mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam memberikan perkhidmatan kepada lebih seribu lima ratus (1,500) pelanggan institusi, termasuk pengurus-pengurus aset dan bursa-bursa, merentasi lebih lima puluh (50) negara. BitGo juga memproses sekitar 20% daripada urus niaga Bitcdoin global dari segi nilai.

BitGo telah merintis perkhidmatan dompet berbilang tanda tangan yang kunci kepada dompet yang menyimpan aset digital diagihkan kepada beberapa pemilik untuk mengurangkan risiko. Lazimnya, BitGo memegang salah satu kunci tersebut dan pemilik-pemilik boleh mengagihkan kunci-kuncinya dalam kalangan individu terpilih.

9.2 Peranan dan Tanggungjawab Subkustodian

Pemegang Amanah telah melantik BitGo sebagai kustodian untuk aset digital patuh Syariah Dana. Ia akan:

- menyimpan dengan selamat dan melindungi aset-aset digital yang dipegang dalam Dana. Ini melibatkan melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang kukuh, termasuk penyelesaian penyimpanan sejuk, dompet berbilang tanda tangan, modul keselamatan perkakasan (HSMs) dan keselamatan fizikal;

- memudahkan pemindahan aset-aset digital ke dalam dan keluar daripada Dana;

- mengesahkan dan memastikan ketulenan semua urusan berkaitan dana untuk memastikan ia mematuhi strategi pelaburan Dana dan keperluan kawal selia;

- menguruskan akaun dan dompet yang berkait dengan aset-aset digital Dana;

- menilai dan mengurangkan risiko keselamatan yang berkait dengan jagaan aset digital. Hal ini termasuk memantau untuk ancaman keselamatan mungkin, melaksanakan audit keselamatan dan melaksanakan amalan keselamatan siber terbaik;

- menyimpan rekod terperinci bagi semua urus niaga dana, termasuk deposit, pengeluaran, pemindahan dan apa-apa aktiviti berkaitan yang lain;

- melaksanakan usaha wajar berhubung dengan aset-aset yang diterima ke dalam jagaan untuk memastikan ia memenuhi kriteria pelaburan Dana dan standard kawal selia;

- mematuhi dasar dan prosedur Dana, memastikan bahawa semua aktiviti berkaitan penjagaan adalah sejajar dengan strategi dan objektif pelaburan Dana;

- mengekalkan persekitaran selamat untuk penjagaan aset-aset digital Dana dan menguruskan semua risiko yang berkait denga urus niaga aset digital; dan

- menyimpan rekod urus niaga yang tepat dan terkini berkaitan dengan aset-aset digital Dana.

9.3 Kebertanggungjawaban Subkustodian

BitGo bertanggjawab memelihara hak dan kepentingan Dana, dengan memastikan tidak ada perubahan kawalan ke atas Aset Dana.

10. KELULUSAN DAN SYARAT-SYARAT

SC telah pada 26 Oktober 2026 meluluskan cadangan berikut:

(i) penubuhan Dana, termasuk penawaran Unit-unit Dana; dan

(ii) Penyenaraian,

tertakluk kepada yang berikut:

(i) penubuhan Dana dengan saiz dana awal sehingga 1 bilion Unit; dan
(ii) penyenaraian dan sebut harga untuk sehingga 1 bilion Unit Dana di Pasaran Utama Bursa Securities.

11. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

11.1 Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi

11.1.1 Pengurus

Pengurus dan setiap daripada pengarahnya termasuk orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi penyeliaan Dana akan pada sepanjang masa bertindak demi kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan tidak akan bertindak dalam cara yang akan menimbulkan percanggahan kepentingan atau kemungkinan percanggahan kepentingan. Sekiranya ada kemungkinan yang sebarang percanggahan kepentingan berlaku, percanggahan tersebut akan diselesaikan supaya Dana tidak terjejas.

Sekiranya ada kemungkinan yang Pengurus berhadapan dengan percanggahan berhubung dengan tanggungjawabnya kepada Dana dan tanggungjawabnya kepada dana pelaburan lain yang diuruskannya, Pengurus wajib bertindak demi kepentingan semua pelaburnya dan akan berusaha untuk menyelesaikan sebarang percanggahan secara adil dan menurut Surat Ikatan.

Semua urusan dengan pihak berkaitan akan dilaksanakan berdasarkan terma-terma terbaik yang tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urusan tulus antara dua pihak bebas. Urusan ini mungkin termasuk urusan penjualan dan pembelian sekuriti dan instrumen oleh Dana dan pemegangan Unit-unit oleh pihak-pihak berkaitan.

11.1.2 Pemegang Amanah

Pada LPD, tidak ada urus niaga pihak berkaitan sedia ada atau dicadangkan yang melibatkan Pemegang Amanah dan/atau mana-mana orang yang berhubung dengannya.

11.2 Percanggahan Kepentingan

Pada LPD, selain yang didedahkan dalam Bahagian 11.1, Pengurus tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang wujud atau berkemungkinan untuk wujud yang menimbulkan kemungkinan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya sebagai pengurus kepada Dana.

11.3 Dasar Menangani Keadaan Percanggahan Kepentingan

11.3.1 Pengurus

Pengurus telah menyediakan dasar dan prosedur untuk menangani sebarang keadaan percanggahan kepentingan. Dalam membuat urus niaga pelaburan untuk Dana, Pengurus tidak akan menggunakan secara tidak wajar kedudukannya dalam menguruskan Dana untuk memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, sebarang kelebihan atau menjejaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Apabila kepentingan para pengarah atau kepentingan orang(-orang) atau ahli-ahli jawatankuasa yang melaksanakan fungsi penyeliaan Dana mungkin bercanggah dengan kepentingan Dana, mereka akan menahan diri daripada mengambil bahagian dalam proses pembuatan keputusan berkaitan dengan perkara tersebut. Kakitangan Pengurus dikehendaki mendapatkan kelulusan awal daripada pengarah eksekutif atau pengarah urusan sebelum berdagang dalam apa-apa bentuk sekuriti. Semua urus niaga dengan pihak berkaitan akan dilaksanakan berdasarkan terma-terma terbaik yang tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga tulus antara pihak-pihak bebas.

11.3.2 Pemegang Amanah

Pemegang Amanah telah menyediakan dasar dan prosedur untuk menangani sebarang percanggahan kepentingan, jika ada. Pemegang Amanah tidak akan menggunakan secara tidak wajar kedudukannya sebagai pemilik Aset Dana untuk memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, sebarang kelebihan atau menjejaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Mana-mana urus niaga pihak berkaitan akan dilaksanakan berdasarkan terma-terma terbaik yang tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga tulus antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada perkara di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat-syarikat berkaitannya boleh berurusan dengan satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengikat apa-apa kontrak atau berurusan dengan satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengekalkan untuk manfaatnya sendiri sebarang keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada kontrak atau urusan tersebut atau bertindak dalam keupayaan yang sama atau serupa berhubung dengan mana-mana skim lain.

11.4 Perisytiharan Percanggahan Kepentingan pada LPD

(i) CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang wujud atau berkemungkinan untuk wujud yang akan menyebabkan percanggahan kepentingan mungkin dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai peniaga yang menyertai dan pembuat pasaran berhubung dengan Dana.

(ii) PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang wujud atau berkemungkinan untuk wujud yang akan menyebabkan percanggahan kepentingan mungkin dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai penasihat cukai berhubung dengan Dana.

(iii) Messrs. Wei Chien & Partners telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang wujud atau berkemungkinan untuk wujud yang akan menyebabkan percanggahan kepentingan mungkin dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai peguam cara berhubung dengan Dana.

(iv) Amanie Advisors Sdn Bhd telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak mengetahui mengenai sebarang keadaan yang wujud atau berkemungkinan untuk wujud yang akan menyebabkan percanggahan kepentingan mungkin dalam keupayaannya untuk bertindak sebagai penasihat Syariah berhubung dengan Dana.

12. PERCUKAIAN

SURAT PENSIHAT PERCUKAIAN
BAGI PERCUKAIAN DANA DAN PEMEGANG UNIT
(Disediakan untuk dimasukkan dalam Prospektus ini)

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd
Paras 10, Menara TH 1 Sentral, Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
Peti surat 10192
50706 Kuala Lumpur

Lembaga Pengarah
Halogen Capital Sdn Bhd
Lot 3.01 A (Sayab Barat)
Paras 3, Menara BRDB
285 Jalan Maarof, Bukit Bandaraya
59000 Kuala Lumpur

8 September 2026

PERCUKAIAN HALOGEN SHARIAH BITCOIN ETF DAN PEMEGANG UNIT

Tuan,

Surat ini telah disediakan untuk dimasukkan dalam Prospektus berhubung dengan penawaran unit-unit dalam Halogen Shariah Bitcoin ETF ("Dana").

Percukaian pendapatan untuk kedua-dua Dana dan Pemegang Unit adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 ("Akta"). Peruntukan terpakai berkenaan terkandung dalam Seksyen 61 Akta, yang berkait secara khusus dengan percukaian badan amanah di Malaysia.

PERCUKAIAN DANA

Dana akan dianggap sebagai pemastautin untuk tujuan cukai Malaysia kerana Pemegang Amanah Dana adalah pemastautin di Malaysia.

Dana ini ialah dana dagangan bursa aset digital Islam yang diuruskan secara pasif yang bertujuan untuk menjejak prestasi harga Bitcoin. Berdasarkan strategi pelaburan yang dihuraikan dalam Prospektus, minimum 95% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Bitcoin semerta fizikal yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah, dan yang selebihnya dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam untuk tujuan kecairan.

(1) Pelaburan Asing

Oleh sebab Dana mungkin melabur dalam aset-aset digital di platform dagangan di luar Malaysia, pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan asing ini mungkin tertakluk kepada cukai atau cukai tertahan dalam bidang(-bidang) kuasa asing berkaitan. Tertakluk kepada memenuhi keperluan ditetapkan berkaitan, dan apabila pengecualian yang dihuraikan di bawah adalah tidak terpakai, Dana di Malaysia mungkin berhak

kepada pelepasan cukai dua kali ke atas mana-mana cukai asing yang ditanggung berhubung dengan pendapatan pelaburan luar negeri tersebut.

Pendapatan sumber asing yang diterima di Malaysia oleh unit amanah pemastautin Malaysia, termasuk laba modal daripada pelupusan aset di luar Malaysia yang dibawa masuk ke dalam Malaysia, dikecualikan daripada cukai pendapatan Malaysia dengan syarat bahawa syarat-syarat terpakai dipenuhi.

Berikutan pengumuman Belanjawan 2026, Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah berhubung dengan Pendapatan yang Diterima di Malaysia dari Luar Malaysia) (Pengecualian) 2024 (Pindaan) 2026 telah diwartakan untuk melanjutkan pengecualian cukai pendapatan hingga 31 Disember 2030 ke atas pendapatan sumber asing yang diterima oleh pemastautin unit amanah yang layak di Malaysia.

Apabila pengecualian tidak terpakai, pendapatan tersebut pada amnya akan dikenakan cukai pendapatan Malaysia pada kadar semasa, pada masa ini 24 peratus.

Pengecualian daripada cukai ke atas pendapatan sumber asing untuk unit amanah

Pengecualian yang dihuraikan di atas tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah.

Untuk layak bagi pengecualian cukai ini, unit amanah mesti memenuhi satu daripada syarat berikut:

a. Pilihan A - FSI telah dikenakan cukai asing, dengan kadar cukai pendapatan utama minimum bidang kuasa asal adalah sekurang-kurangnya 15%; atau

b. Pilihan B - Syarikat pengurusan unit amanah telah memenuhi Keperluan Substantif Ekonomi (ESR) di Malaysia, yang termasuk menggaji bilangan mencukupi pekerja dan menanggung perbelanjaan operasi yang mencukupi.

(2) Pelaburan Domestik

(i) Percukaian Am

Tertakluk kepada pengecualian tertentu, pendapatan Dana yang terdiri daripada dividen atau faedah atau keuntungan[1] (selain faedah dan keuntungan[1] yang dikecualikan daripada cukai) dan pendapatan pelaburan lain yang diperoleh dari atau terakru di Malaysia, selepas menolak perbelanjaan yang dibenarkan cukai, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24%.

Apabila terpakai, laba daripada pelupusan saham tidak tersenarai Malaysia adalah tertakluk kepada Cukai Laba Modal ("CGT"). Sila rujuk bahagian pelupusan saham tidak tersenarai Malaysia di bawah untuk maklumat lanjut.

(ii) Dividen dan Pendapatan Dikecualikan yang Lain

Berkuat kuasa 1 Januari 2014, semua syarikat akan menggunakan sistem satu peringkat. Oleh itu, dividen yang diterima akan dikecualikan daripada cukai dan perbelanjaan yang boleh ditolak yang ditanggung terhadap pendapatan dividen tersebut akan diabaikan. Tidak ada bayaran balik cukai tersedia untuk dividen satu peringkat yang diterima. Dividen yang diterima daripada syarikat-syarikat di bawah sistem satu peringkat akan dikecualikan.

Dana boleh menerima dividen Malaysia yang dikecualikan cukai. Dividen dikecualikan boleh diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang sebelum ini atau pada masa ini mendapat pelbagai insentif cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Dana tidak akan dikenakan cukai ke atas pendapatan dikecualikan

[1] Di bawah Seksyen 2(7) Akta Cukai Pendapatan 1967, sebarang rujukan kepada faedah akan terpakai, *mutatis mutandis*, kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dilaksanakan menurut prinsip Syariah.

Akibat daripada ini adalah bahawa sebarang laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dilaksanakan menurut prinsip Syariah, akan diberikan layanan cukai yang sama jika ia adalah faedah.

tersebut. Faedah dan keuntungan[1] atau pendapatan diskaun yang diperoleh daripada pelaburan berikut dikecualikan daripada cukai:

(a) Sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
(b) Debentur[2] atau sukuk, selain stok pinjaman boleh ditukar, yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah sampan dengan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan
(c) Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Faedah atau keuntungan[1] yang diperoleh daripada pelaburan berikut dikecualikan daripada cukai:

(a) Faedah atau keuntungan[1] yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
(b) Faedah atau keuntungan[1] yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
(c) Bon, selain stok pinjaman boleh tukar, yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad ACE Market; dan
(d) Faedah atau keuntungan[1] yang dibayar atau dikreditkan oleh Malaysia Building Society Berhad[3].

Faedah atau keuntungan[1] atau pendapatan diskaun yang dikecualikan daripada cukai pada peringkat Dana juga akan dikecualikan daripada cukai apabila diagihkan kepada Pemegang Unit.

Pengecualian: -

i. Dana pasaran wang borong

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, pengecualian tidak terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada unit amanah yang adalah dana pasaran wang borong.

ii. Dana pasaran wang runcit (“RMMF”)

Berdasarkan Akta Kewangan 2021, pendapatan faedah atau keuntungan[1] RMMF akan kekal dikecualikan cukai di bawah Perenggan 35A, Jadual 6 Akta. Walau bagaimanapun, Pemegang Unit pemastautin dan bukan pemastautin (selain Pemegang Unit individu), yang menerima pendapatan yang diagihkan daripada pendapatan faedah atau keuntungan[1] RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6, akan dikenakan cukai tertahan (“WHT”) pada kadar 24%. WHT ini berkuat kuasa dari 1 Januari 2022 dan selanjutnya.

WHT akan ditahan dan diremit oleh RMMF kepada pihak berkuasa cukai dalam 30 hari daripada pengagihan pendapatan kepada Pemegang Unit.

Oleh sebab Dana bukan merupakan dana pasaran wang borong atau dana pasaran wang runcit, pengecualian di atas dimasukkan untuk tujuan kesempurnaan sahaja dan tidak dijangka terpakai kepada Dana.

(3) Instrumen Lindung Nilai

Layanan cukai bagi instrumen lindung nilai akan bergantung pada instrumen lindung nilai khusus yang dimeterai.

[2] Produk berstruktur yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dianggap sebagai “debentur” di bawah Akta pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan termasuk dalam skop pengecualian.

[3] Pengecualian diberikan melalui surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 11 Jun 2015 dan 16 Jun 2015 dan berkuat kuasa YA 2015.

Pada amnya, apa-apa laba / kerugian yang berkait dengan bahagian pokok akan dianggap sebagai laba / kerugian modal. Laba / kerugian yang berkait dengan bahagian pendapatan biasanya akan dianggap sebagai laba / kerugian hasil. Laba / kerugian daripada penilaian semula hanya akan dicukai atau dituntut apabila telah direalisasi. Apa-apa laba / kerugian daripada pertukaran asing dianggap sebagai laba / kerugian modal jika ia disebabkan oleh penilaian semula bahagian pokok pelaburan.

(4) Pendapatan daripada Amanah Pelaburan Hartanah ("REITs")

Pendapatan yang diagihkan daripada REIT kepada dana unit amanah akan tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar semasa 24%. Dana dikehendaki memasukkan pendapatan agihan REIT ini sebagai sebahagian pendapatan kena cukai mereka dan cukai ke atasnya layak dituntut sebagai kredit cukai kepada Pemegang-pemegang Unit ketika pengagihan pendapatan oleh Dana.

(5) Cukai Untung Harta Tanah ("RPGT")

Pada masa ini, sebarang laba daripada pelupusan harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah[4] ("aset yang boleh dikenakan cukai") akan dikenakan RPGT seperti berikut: -

Tempoh masa pelupusan	**Kadar RPGT (Syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan Pemegang Amanah bagi amanah)**
Dalam 3 tahun	30%
Pada tahun ke-4	20%
Pada tahun ke-5	15%
Pada tahun ke-6 dan tahun-tahun selepasnya	10%

(6) Cukai Laba Modal ("CGT")

CGT telah diperkenalkan di Malaysia dan akan dikenakan ke atas laba daripada pelupusan aset modal sebagaimana yang dihuraikan di bawah:

a) Pelupusan aset modal dari luar Malaysia

Skop CGT merangkumi laba daripada pelupusan aset modal yang berada di luar Malaysia, diremit ke dalam Malaysia. Laba asing yang diremit ke Malaysia akan tertakluk pada kasar cukai pendapatan semasa, iaitu 24%.

Laba adalah layak untuk pengecualian cukai tertakluk kepada memenuhi keperluan substantif ekonomi. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, laba modal daripada pelupusan aset-aset di luar Malaysia bagi unit amanah akan dikecualikan jika syarat-syarat berikuti boleh dipenuhi:

(i) Pilihan A - FSI telah dikenakan cukai asing, dengan kadar cukai pendapatan utama minimum bidang kuasa asal adalah sekurang-kurangnya 15%; atau

(ii) Pilihan B - Syarikat pengurusan unit amanah telah memenuhi Keperluan Substantif Ekonomi (ESR) di Malaysia, yang termasuk menggaji bilangan mencukupi pekerja dan menanggung perbelanjaan operasi yang mencukupi.

Pengecualian daripada cukai pendapatan ke atas pendapatan sumber asing berkuat kuasa dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2026.

Berikutan pengumuman Belanjawan 2026, Perintah Cukai Pendapatan (Unit Amanah berhubung dengan Pendapatan yang Diterima di Malaysia dari Luar Malaysia) (Pengecualian) 2024 (Pindaan) 2026 telah

[4] Syarikat harta tanah ialah syarikat terkawal yang memiliki atau memperoleh harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah dengan nilai pasaran tidak kurang daripada 75 peratus daripada jumlah aset ketaranya. Syarikat terkawal ialah syarikat yang tidak mempunyai lebih daripada 50 ahli dan dikawal oleh tidak lebih daripada 5 orang.

diwartakan untuk melanjutkan pengecualian cukai pendapatan hingga 31 Disember 2030 ke atas pendapatan sumber asing yang diterima oleh pemastautin unit amanah yang layak di Malaysia.

b) Pelupusan saham tidak tersenarai Malaysia

Berkuat kuasa dari 1 Mac 2024, CGT akan dikenakan ke atas pelupusan saham tidak tersenarai Malaysia oleh syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, koperasi dan badan amanah (yang termasuk unit amanah).

Kadar CGT yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

Tarikh Pemerolehan Saham	**Kadar CGT**
Sebelum 1 Januari 2024	Pembayar cukai boleh memilih: i. 10% ke atas laba bersih daripada pelupusan saham; atau ii. 2% ke atas harga pelupusan kasar.
Dari 1 Januari 2024	10% ke atas laba bersih daripada pelupusan saham.

"saham" telah ditakrif berhubung dengan syarikat, termasuk saham selain saham debentur.

Perintah Pengecualian Cukai Laba Modal – Cukai Pendapatan (Unit Amanah) (Pengecualian) 2024

Selaras dengan perintah warta di atas, laba daripada pelupusan saham tidak tersenarai Malaysia oleh unit amanah dikecualikan daripada CGT dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2028. Dengan itu, walaupun pelupusan saham tidak tersenarai Malaysia oleh badan amanah pada amnya termasuk dalam rejim CGT dari 1 Mac 2024, Dana seharusnya layak untuk pengecualian ini ketika tempoh pengecualian

(7) Perbelanjaan Boleh Tolak Cukai

Perbelanjaan yang ditanggung sepenuhnya atau secara eksklusif dalam menjana pendapatan kasar dibenarkan sebagai potongan di bawah Seksyen 33(1) Akta. Selain itu, Seksyen 63B Akta memperuntukkan bagi potongan cukai berhubung dengan imbuhan pengurus, perbelanjaan untuk penyelenggaraan daftar Pemegang Unit, perbelanjaan pendaftaran saham, kesetiausahaan, yuran audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan pos berdasarkan formula yang tertakluk kepada minimum 10 peratus dan maksimum 25 peratus daripada perbelanjaan.

Apabila terpakai, kelayakan untuk ditolak bagi perbelanjaan berkaitan lindung nilai dan kos urus niaga lain akan bergantung pada sifat jumlah berkaitan dan sama ada peruntukan pemotongan berkaitan dalam Akta dipenuhi.

(8) Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("SST")

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan adalah dua bentuk berbeza cukai tidak langsung. Cukai Perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan kena cukai ditetapkan pada kadar 8% atau 6% bergantung pada jenis perkidmatan. Perkhidmatan-perkhidmatan kena cukai Dana yang biasanya dikenakan cukai perkidmatan ialah perkhidmatan khidmat nasihat profesional (contohnya, audit, guaman, perkaunan) – yang dikenakan cukai pada kadar 8%. Berikutan perluasan skop perkhidmatan kewangan kena cukai pada 1 Julai 2025, caj pengurusan Dana, yuran pemegang amanah dan caj-caj lain yang berikait dengan pelaburan dalam Dana, seperti caj jualan dan komisen pembrokeran, kini dikenakan cukai perkhidmatan 8%.

Cukai perkhidmatan juga dikenakan ke atas mana-mana perkhidmatan kena cukai yang diperoleh oleh mana-mana orang di Malaysia daripada pembekal perkhidmatan luar negara. Apabila Dana mendapatkan perkhidmatan kena cukai import (contohnya, caj pengurus dana luar negara atau caj khidmat nasihat kewangan), mereka dikehendaki melaporkan dan membayar sendiri cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan kena cukai import kepada pihak-pihak berkuasa berkaitan.

Oleh sebab cukai perkhidmatan ialah cukai satu peringkat, cukai perkhidmatan yang ditanggung pada amnya akan menjadi kos kepada Dana. Cukai jualan adalah tidak terpakai kepada Dana kerana ia berkait dengan barang pembuatan.

PERCUKAIAN PEMEGANG UNIT

Apabila pengagihan dibuat, Pemegang-pemegang Unit akan dicukai ke atas jumlah yang setara dengan bahagian mereka bagi jumlah pendapatan kena cukai Dana setakat yang pengagihan diterima daripada Dana-dana. Pengagihan pendapatan daripada Dana akan mempunyai kredit cukai berhubung dengan cukai Malaysia yang dibayar oleh Dana. Pemegang-pemegang Unit berhak untuk menggunakan kredit cukai terhadap cukai kena bayar ke atas pengagihan pendapatan yang mereka terima. Pada amnya, tidak ada cukai tertahan tambahan akan dikenakan ke atas pengagihan pendapatan daripada Dana; kecuali jika Dana ialah RMMF, yang dalam kes ini terdapat WHT ke atas pengagihan daripada pendapatan faedah RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 dan diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit bukan individu.

Pemegang-pemegang Unit bukan pemastautin juga mungkin dikenakan cukai dalam bidang kuasa mereka masing-masing. Bergantung pada peruntukan undang-undang cukai negara berkaitan dan sebarang perjanjian cukai dua kali dengan Malaysia, cukai Malaysia yang ditanggung mungkin boleh dikreditkan terhadap cukai asing berkaitan.

Pemegang-pemegang Unit Korporat, pemastautin[5] dan bukan pemastautin, pada amnya akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24 peratus ke atas pengagihan pendapatan yang diterima daripada Dana. Kredit cukai berkaitan pengagihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai Pemegang Unit ini.

Pemegang-pemegang Unit individu dan bukan korporat lain yang adalah pemastautin cukai di Malaysia akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar bersenggat yang berjulat daripada 1 peratus hingga 30 peratus. Pemegang-pemegang Unit individu dan bukan korporat lain yang bukan pemastautin di Malaysia akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 30 peratus. Kredit cukai yang dikaitkan dengan pengagihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai Pemegang-pemegang Unit ini.

Agihan pendapatan dikecualikan oleh Dana akan dikecualikan daripada cukai di tangan Pemegang-pemegang Unit.

Pada amnya, pengagihan daripada modal mewakili pulangan atau pengeluaran sebahagian daripada jumlah pelaburan asal Pemegang Unit dan/atau laba modal yang berkait dengan pelaburan asal, dan tidak mewakili pengagihan pendapatan Dana untuk tujuan Akta. Dengan itu, pengagihan daripada modal tidak akan dikenakan cukai pendapatan Malaysia di tangan Pemegang-pemegang Unit dan tidak akan mempunyai apa-apa kredit cukai. Walau bagaimanapun, Pemegang-pemegang Unit perlu mengambil perhatian bahawa pengagihan tersebut mungkin menyebabkan penurunan dalam NAV per Unit Dana, dan ini mungkin mempengaruhi pengiraan sebarang laba atau kerugian dalam penjualan atau penebusan Unit-unit mereka selepas itu. Layanan cukai bagi mana-mana ini daripada penjualan atau penebusan Unit-unit adalah sebagaimana yang dihuraikan di bawah.

---

[5] Syarikat pemastautin dengan modal berbayar berhubung syer biasa RM2.5 juta dan lebih rendah dan mempunyai jualan tahunan tidak lebih daripada RM50 juta akan membayar cukai pada kadar 15% untuk RM150,000 pertama pendapatan kena cukai, 17% untuk RM150,001 hingga RM600,000 dengan bakinya dicukai pada kadar 24% berkuat kuasa YA 2023.

Perkara di atas tidak terpakai jika lebih daripada –

(a) 50% daripada modal berbayar berhubung dengan syer biasa syarikat dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;

(b) 50% daripada modal berbayar berhubung dengan syer biasa syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat pertama disebut;

(c) 50% daripada modal berbayar berhubung dengan syer biasa syarikat yang pertama disebut dan syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

"Syarikat berkaitan" bermaksud syarikat yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan syer biasa lebih daripada RM2.5 juta pada awal tempoh asas untuk YA.

Syarat pemegangan tambahan tidak lebih daripada 20% daripada modal berbayar atau sumbangan modal, pada awal YA dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh satu atau lebih:

- Syarikat yang diperbadankan di luar Malaysia; atau
- individu yang bukan warganegara Malaysia,

yang dikehendaki dilaksanakan bermula dari YA 2024.

Berdasarkan Akta Kewangan 2021, berhubung dengan pengagihan daripada RMMF, Pemegang-pemegang Unit korporat pemastautin dan bukan pemastautin (selain Pemegang-pemegang Unit individu), yang menerima pendapatan yang diagihkan daripada pendapatan faedah RMMF yang dikecualikan cukai di bawah Perenggan 35A Jadual 6, akan tertakluk kepada WHT pada kadar 24 peratus.

Untuk Pemegang-pemegang Unit korporat pemastautin, WHT bukan merupakan cukai akhir. Pemegang-pemegang Unit korporat pemastautin perlu mengenakan pendapatan yang diagihkan daripada pendapatan faedah atau keuntungan[1] RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 kepada cukai dalam penyata cukai pendapatannya dan kredit cukai yang dilampirkan, iaitu 24% WHT yang ditanggung akan tersedia untuk tolak selesai terhadap cukai yang dikenakan ke atas Pemegang-pemegang Unit korporat pemastautin.

Untuk Pemegang-pemegang Unit korporat bukan pemastautin, WHT 24 peratus ke atas pendapatan yang diagihkan daripada pendapatan faedah RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6 adalah cukai akhir.

Sebarang laba yang direalisasi oleh Pemegang-pemegang Unit (selain daripada yang dalam perniagaan yang berdagang sekuriti, syarikat-syarikat yang sering membeli dan penjual pelaburan, syarikat-syarikat insurans atau institusi-institusi kewangan) ke atas jualan atau penebusan Unit-unit dianggap sebagai laba modal dan tidak akan dikenakan cukai pendapatan. Layanan cukai ini termasuk dalam bentuk tunai atau pengagihan baki sekiranya berlaku pembubaran Dana-dana.

Pemegang-pemegang Unit yang memilih untuk menerima pengagihan pendapatan mereka melalui pelaburan dalam bentuk pelaburan dalam unit-unit baharu akan dianggap telah membeli Unit-unit baharu dengan menggunakan pengagihan pendapatan mereka selepas cukai.

Pecahan Unit yang diterbitkan oleh Dana-dana tidak dikenakan cukai di tangan Pemegang Unit.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa kenyataan yang dibuat di dalam laporan ini menggambarkan dengan betul kefahaman kami mengenai kedudukan cukai di bawah undang-undang cukai Malaysia semasa. Ulasan kami di atas berbentuk am dan meliputi percukaian dalam konteks undang-undang cukai Malaysia sahaja dan tidak meliputi undang-undang cukai asing. Ulasan ini tidak mewakili nasihat cukai khusus kepada mana-mana pelabur dan kami menyarankan supaya pelabur mendapatkan nasihat bebas berhubung isu-isu cukai yang berkait dengan pelaburan mereka dalam Dana-dana.

Yang Benar,

untuk dan bagi pihak
PRICEWATERHOUSECOOPERS TAXATION SERVICES SDN BHD

Tan Tien Yee
Rakan Kongsi

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd telah memberikan persetujuan bertulis mereka untuk memasukkan laporan mereka sebagai penasihat cukai dalam bentuk dan konteks yang ia terkandung dalam Prospektus Induk ini dan tidak, sebelum tarikh penerbitan Prospektus Induk ini, menarik balik persetujuan tersebut.

13. MAKLUMAT BERKAITAN

13.1 Mengikuti Perkembangan Dana

Pengurus akan menghantar satu salinan laporan tahunan Dana kepada Pemegang-pemegang Unit secara percuma dalam tempoh dua (2) bulan dari akhir tahun kewangan Dana. Pemegang-pemegang Unit boleh memohon salinan tambahan laporan berkenaan pada waktu perniagaan biasa tertakluk kepada pembayaran jumlah munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Apabila berkenaan, Pengurus akan menghantar kepada Pemegang-pemegang Unit baucar cukai mereka yang mengandungi maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan penyata cukai.

Pengurus akan menerbitkan berita dan laporan penting berhubung dengan Dana di laman sesawang Dana di ***https://halogen.my*** dan/atau sebagaimana yang diumumkan atau diterbitkan di laman sesawang Bursa Securities di ***www.bursamalaysia.com*** dari semasa ke semasa.

Sebahagian maklumat yang akan tersedia di laman sesawang Dana dan/atau laman sesawang Bursa Securities termasuk:

- laporan tahunan dan laporan separuh tahunan (jika ada);
- NAV per Unit;
- IOPV per Unit;
- yuran dan caj yang berkait dengan Dana;
- Prospektus; dan
- Penanda Aras.

Ia adalah menjadi tanggungjawab pelabur untuk mempertimbangkan maklumat ini. Sila rujuk bahagian yang bertajuk “Perkhidmatan Pelabur” dalam Bahagian 13.5 Prospektus ini untuk amaran dan penafian berhubung maklumat yang terkandung di laman sesawang ini.

13.2 Perjanjian Material

Selain yang didedahkan di bawah, tidak ada perjanjian material lain yang telah dimeterai berhubung dengan Dana pada LPD:

- surat ikatan bertarikh 28 Oktober 2026 yang dimeterai antara Pemegang Amanah dan Pengurus;
- Perjanjian Lesen Induk bertarikh 24 Ogos 2026 yang dimeterai antara Pengurus dan Pembekal Indeks;
- Perjanjian Peniaga yang Menyertai bertarikh 16 November 2026 yang dimeterai antara CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd, Pengurus dan Pemegang Amanah; dan
- Perjanjian Perkhidmatan Jagaan Bitgo bertarikh 19 Mei 2023 yang dimeterai antara Pemegang Amanah dan Subkustodian.

13.3 Persetujuan

Persetujuan bertulis Pemegang Amanah, Subkustodian, Penasihat Syariah, Peniaga yang Menyertai, Pembekal Indeks, pendaftar dan peguam cara untuk dimasukkan dalam Prospektus ini nama dan maklumat mereka dalam bentuk dan konteks yang ia terkandung dalam Prospektus ini telah diberikan sebelum penerbitan Prospektus ini dan tidak ditarik balik selepas itu.

Persetujuan bertulis penasihat cukai untuk dimasukkan dalam Prospektus ini nama dan laporan atau surat dalam bentuk dan konteks yang ia terkandung dalam Prospektus ini telah diberikan sebelum penerbitan Prospektus ini dan tidak ditarik balik selepas itu.

13.4 Dasar dan Prosedur untuk Mencegah Aktiviti Pengubahan Wang Haram

Selaras dengan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terhad dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ("AMLA") dan Garis Panduan SC berhubung Pencegahan Pengubahan Wang hHram dan Pembiayaan Keganasan untuk Institusi Pelapor dalam Pasaran Modal, ia adalah menjadi tanggungjawab Pengurus untuk menghalang dirinya daripada digunakan untuk aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan aktiviti terhad dan pembiayaan keganasan. Untuk mencapai matlamat ini, Pengurus telah mewujudkan Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Rangka Kerja AML/CFT) dan menyediakan proses dan prosedur pencegahan pengubahan wang haram untuk memerangi aktiviti-aktiviti ini. Ini termasuk proses dan prosedur usaha wajar yang kukuh untuk suai tugas pelanggan (seperti prosedur kenali pelanggan anda dan usaha wajar pelanggan) serta pemantauan berterusan urus niaga pelanggan untuk mengesan sebarang urus niaga mencurigakan.

Untuk melaksanakan kewajipan kawal selia mengesahkan identiti pelabur-pelabur dan mengesahkan sumber dana, Pengurus mungkin meminta maklumat tambahan daripada pelabur-pelabur. Maklumat yang diminta mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, dokumen sokongan, bukti dokumen untuk menyokong maklumat yang diberikan dan mungkin diperluaskan kepada dokumen berhubung identiti pemilik benefisial (jika berkaitan). Pengurus berhak untuk menolak permohonan untuk melabur dalam Dana sekiranya pelabur gagal memberikan maklumat yang diperlukan. Selanjutnya, apabila urus niaga tertentu dianggap mencurigakan, Pengurus mempunyai kewajipan di bawah AMLA untuk memaklumkan pihak berkuasa berkaitan mengenai urus niaga tersebut.

13.5 Perkhidmatan Pelabur

Pelabur-pelabur boleh menghubungi Pengurus melalui email di support@halogen.my.

Pelabur, yang ingin menulis surat, boleh menghantarnya ke alamat:

Lot 3.01A, Paras 3 (West Wing), Menara BRDB, 285, Jalan Maarof, Bukit Bandaraya, 59000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Maklumat mengenai Dana boleh diperroleh di laman sesawang Dana, ***https://halogen.my***.

Penawaran Unit-unit hanya dibuat atas dasar maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini. Semua rujukan dalam Prospektus ini kepada laman sesawang dan sumber-sumber lain yang maklumat lanjut boleh diperoleh hanya bertujuan untuk membantu pelabur mencapai maklumat lanjut berkaitan perkara yang dibincangkan dan maklumat tersebut tidak membentuk sebahagian daripada Prospektus ini. Kedua-dua Pengurus dan Pemegang Amanah tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk memastikan yang maklumat yang terdapat di laman sesawang dan sumber tersebut dan juga maklumat yang disediakan oleh Peniaga yang Menyertai berkaitan dengan pengaturan antara Peniaga yang Menyertai dan pelabur/Pemegang-pemegang Unit, jika tersedia, adalah tepat, lengkap dan/atau terkini, dan Pengurus dan Pemegang Amanah tidak menerima liabiliti berhubung dengan penggunaan atau pergantungan oleh mana-mana orang pada maklumat yang terkandung di laman sesawang dan sumber ini kecuali berhubung dengan laman sesawang Dana di ***https://halogen.my.***

Pelabur mesti melaksanakan langkah berhati-hati sewajarnya apabila menilai nilai maklumat tersebut.

13.6 Dokumen untuk Pemeriksaan

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus dan Pemegang Amanah pada waktu perniagaan biasa:

(a) perjanjian material yang dirujuk dalam Bahagian 13.2 Prospektus ini;

(b) Surat Penasihat Cukai yang dirujuk dalam Bahagian 12 Prospektus ini

(c) surat-surat persetujuan yang dirujuk dalam Bahagian 13.3 Prospektus ini;

(d) Prospektus ini dan prospektus tambahan atau gantian, jika ada;

(e) Surat Ikatan;

(f) laporan tahunan terkini Dana;

(g) penyata kewangan beraudit bagi Pengurus dan Dana untuk tahun kewanagan semasa, dan untuk tiga tahun kewangan terakhir atau jika kurang daripada tiga tahun, dari tarikh penubuhan atau permulaan; dan

(h) Surat Perisytiharan Syariah yang dirujuk dalam Bahagian 14 Prospektus ini.

14. SURAT PERISYTIHARAN SYARIAH

PENGESAHAN SYARIAH

بسم الله الرحمن الرحيم

Semua pujian bagi Allah, Tuhan sekelian alam, dan selawat dan salam ke atas Rasulullah, keluarga baginda dan sahabat baginda

Halogen Capital Sdn Bhd

CADANGAN PENUBUHAN DANA DAGANGAN BURSA ISLAM YANG DIKENALI SEBAGAI "HALOGEN SHARIAH BITCOIN ETF" ("DANA")

Kami, Amanie Advisors Sdn Bhd, sebagai Penasihat Syariah bagi Dana Dagangan Bursa Islam yang dicadangkan di atas, yang dikenali sebagai Halogen Shariah Bitcoin ETF ("Dana") yang diuruskan oleh Halogen Capital Sdn Bhd ("Halogen or Pengurus"), telah mengkaji struktur dan mekanisme yang dicadangkan untuk Dana bagi memastikan kepatuhan kepada prinsip-prinsip Syariah.

Selain apabila ditakrifkan di sini, istilah yang ditakrif yang digunakan dalam Perisytiharan Syariah ini mempunyai maksud yang sama yang diberikan dalam dokumen-dokumen yang berkaitan untuk permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti yang diserahkan oleh Halogen berhubung dengan Dana.

1. Struktur dan Mekanisme

Dana akan ditawarkan dan akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") berdasarkan struktur dan mekanisme sebagaimanya yang dihuraikan di bawah:

Ringkasan Burit-butir Dana

Butir	Huraian
Nama Dana	Halogen Shariah Bitcoin ETF
Kategori Dana	Dana dagangan bursa aset digital Islam
Jenis Dana	Dana penjejakan prestasi harga Bitcoin
Penanda Aras	FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT)
Harga Terbitan Awal	USD1.00
Mata Wang Asas	USD
Mata Wang Dagangan di Bursa Securities	MYR dan USD

Objektif Pelaburan	Dana bertujuan untuk menjejak dengan rapat prestasi harga Penanda Aras di samping mematuhi keperluan Syariah dengan melabur terutamanya dalam Bitcoin semerta fizikal.
Strategi Pelaburan	Pengurus akan melabur minimum 95% daripada NAV Dana dalam Bitcoin semerta fizikal bagi mencapai objektif Dana. Untuk tujuan kecairan, baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam. Dana akan diurus secara pasif, dengan membiarkan Dana dilaburkan sepanjang masa, tanpa mengira prospek aset pendasar.
Peruntukan Aset	● Minimum 95% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Bitcoin semerta fizikal yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah; dan ● Baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam.
Dasar Pengagihan Pendapatan	Tidak ada pengagihan pendapatan.
Profil Pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur yang: ● mempunyai toleransi risiko yang amat tinggi; ● mempunyai ufuk pelaburan jangka panjang; dan ● inginkan naik nilai modal jangka panjang daripada pendedahan kepada Bitcoin.
Pengunaan Hasil	Kecuali jika dilarang oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan atau mana-mana undang-undang berkaitan dan dengan syarat sentiasa tidak ada percanggahan dengan objektif pelaburan Dana, Dana boleh melabur dalam yang berikut: a. Bitcoin yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah; b. instrumen pasaran wang Islam; c. deposit Islam; dan d. Unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam.
Penawaran Unit-unit Sebelum Penyenaraian	Hanya Peniaga yang Menyertai boleh melanggan Unit-unit Dana melalui tawaran persendirian ketika Langganan Awal. Unit-unit akan diterbitkan pada Harga Terbitan Awal kepada Peniaga yang Menyertai.
Penawaran Unit-unit Selepas Penyenaraian	Unit-unit boleh dibeli dan dijual melalui dua (2) kaedah: ● Peniaga yang Menyertai Di pasaran utama, Peniaga yang Menyertai (sama ada bertindak untuk dirinya sendiri atau untuk pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon untuk penciptaan atau penebusan Unit-unit masing-masing dalam Blik Unit Penciptaan atau Blok Unit Penebusan. ● Bursa Securities

	Di pasaran sekunder, pelabur-pelabur boleh membeli atau menjual Unit-unit dalam lot niaga 100 Unit (atau gandaannya) di Pasaran Utama Bursa Securities. Dana juga boleh didagangkan dalam dua (2) denominasi mata wang berlainan, iaitu USD dan MYR.
Penciptaan / Penebusan Unit-unit	● Penciptaan Unit Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau unuk akaun pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon untuk Penciptaan *In-Kind* Unit-unit baharu melalui penyerahan *In-Kind Creation Basket* atau Penciptaan Tunai Unit-unit baharu melalui penyerahan Jumlah Langganan. ● Penebusan Unit Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau untuk akaun pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon Penebusan *In-Kind* Unit-unit melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk *In-Kind Redemption Basket* atau Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk Jumlah Penebusan.
Blok Unit Penciptaan	50,000 Unit (atau bilangan lain Unit sebagaimana yang Pengurus tentukan dan terbitkan di laman sesawang Dana)
Blok Unit Penebusan	50,000 Unit (atau bilangan lain Unit sebagaimana yang Pengurus tentukan dan terbitkan di laman sesawang Dana)
Penciptaan / Penebusan Minimum	Masing-masing satu (1) Blok Unit Penciptaan atau Blok Init Penebusan.
Dagangan Unit di Bursa Securities	Pelabur boleh berdagang (membeli atau menjual) Unit-unit di Pasaran Utama Bursa Securities.

2. Penanda Aras

Penanda Aras, iaitu FTSE Bitcoin Index (1HR 5PM MYT), yang adalah sebahagian daripada FTSE Digital Asset Index Series, mencerminkan harga penyelesaian Bitcoin sebagaimana yang ditentukan oleh FTSE DAR Reference Price Methodology.

FTSE International Limited (“Pentadbir Penanda Aras”) telah bekerjasama dengan Digital Asset Research (“DAR”) untuk meliputi secara menyeluruh pasaran aset digital melalui FTSE Single Digital Asset Index Series. FTSE Single Digital Asset Index Series direka bentuk untuk menyediakan kepada peserta pasaran mekanisme untuk menilai pelaburan-pelaburan dan harga-harga aset digital. Semua indeks menggunakan data harga rujukan yang ditapis dengan ketat merentasi bursa-bursa, menetapkan standard yang tinggi untuk penjagaan baik dan meliputi julat luas kriteria asas dan teknikal.

Penanda Aras didasarkan secara material pada metodologi yang sama (kecuali masa pengiraan) dengan FTSE DAR Bitcoin Reference Rate, yang diperkenalkan pertama kali pada November 2020. Penanda Aras ini direka bentuk untuk memenuhi syarat-syarat EU BMR dan UK BMR.

Lembaran fakta indeks, iaitu senarai terkini Constituent Exchanges dan mana-mana maklumat tambahan lain berhubung metodologi Penanda Aras tersedia di https://www.lseg.com/en/ftse-russell/indices/digital-asset-market-cap (yang kandungannya masih belum dikaji oleh SC).

Pembekal Indeks

FTSE Russell ("Pembekal Indeks") ialah pentadbir Pananda Aras. Pengurus (dan setiap daripada orang berhubungannya) adalah bebas daripada Pembekal Indeks.

Metodologi Penanda Aras

Pengiraan Penanda Aras

Penanda Aras adalah sebahagian daripada FTSE Single Digital Asset Index Series dan mencerminkan harga penyelesaian Bitcoin sebagaimana yang ditentukan oleh FTSE DAR Reference Price Methodology. Penanda Aras dikira sebagai purata FTSE DAR Digital Asset Price Bitcoin meliputi tempoh pemerhatian 60 minit sebelum masa penetapan. FTSE DAR Digital Asset Price bagi Bitcoin adalah VWAP bagi Bitcoin, yang diterbitkan setiap 15 saat daripada dagangan dilaksanakan di bursa-bursa aset digital ditapis.

Bitcoin yang digunakan untuk mengira Penanda Atas diberikan harga hanya daripada Bursa yang Mengambil Bahagian. Bursa aset digital layak untuk dipilih sebagai Bursa yang Mengambil Bahagian jika ia lulus penilaian kawal selia, urus tadbir dan institusi, teknikal dan dan sains data lengkap yang dilaksanakan oleh Pentadbir Penanda Aras.

DAR (Digital Asset Research) akan menilai senarai bursa-bursa layak setiap suku tahunan pada setiap hujung bulan Mac, Jun, September dan Disember.

FTSE DAR Digital Asset Prices

FTSE DAR Digital Asset Price ialah harga USD purata wajaran jumlah bagi Bitcoin daripada dagangan layak bagi data harga dan jumlah Bitcoin daripada setiap Bursa yang Mengambil Bahagian, dikira dengan menggunakan formula berikut:

1. Kira VWAP 15 saat dalam USD untuk Bitcoin merentasi semua Bursa yang Mengambil Bahagian. Ini ialah FTSE DAR Digital Asset Price.
2. Jika tidak ada dagangan yang telah dilaksanakan dalam 15 saat paling terkini, FTSE DAR Digital Asset Price sebelumnya digunakan.
3. Proses ini diulang setiap 15 saat.

$$FTSE\ DAR\ Digital\ Asset\ Price_i = \frac{\sum_x (Volume_{x,i} \cdot Price\ in\ USD_{x,i})}{\sum_x Volume_{x,i}}$$

iaitu, $Volume_{x,i}$ ialah jumlah aset digital i yang didagangkan di bursa x dalam unit aset digital dan Price in $USD_{x,i}$ ialah harga aset digital i dalam USD yang didagangkan di bursa x.

FTSE DAR Reference Prices

The FTSE DAR Reference Prices untuk Bitcoin dikira setiap jam.

The FTSE DAR Reference Price Hourly ditentukan sebagai purata FTSE DAR Digital Asset Price sepanjang tempoh 60 minit sebelum masa penetapan.

$$FTSE\ DAR\ Reference\ Price\ Hourly = \frac{\sum_{t=1}^{n} \times FTSE\ DAR\ Digital\ Asset\ Price_t}{n}$$

Iaitu, n = 240, FTSE DAR Digital Asset Pricet ialah harga aset digital pada masa t ditentukan. Nombor bulat t ialah satu unit masa dengan tempoh 15 saat dan sepadan dengan pemerhatian, dikira menurun daripada t = 240 pada mula tempoh pemerhatian hingga t = 1 dan ditetapkan nilai awal 15 saat selepas jam rujukan sebelumnya.

Pentadbir Penanda Aras diberikan kuasa dan dikawal selia oleh Financial Conduct Authority sebagai pentadbir penanda aras, dan bertanggungjawab ke atas pengiraan, pengeluaran dan operasi Penanda Aras harian dengan sokongan daripada DAR. DAR ialah firma penyelidikan persendirian bebas dan pembekal data. DAR menilai kualiti data penentuan harga, mengesahkan sumber harga, mengira FTSE DAR Digital Asset Prices dan membekalkan kepada Pentadbir Penanda Aras dengan suapan harga dan memberikan maklumat tentang kelayakan aset dalam Penanda Atas. Pengurus dan orang yang berhubungan dengannya adalah bebas daripada Pentadbir Penanda Aras dan/atau DAR.

3. Struktur Dana

Penciptaan *In-Kind*



Penebusan *In-Kind*





Penciptaan Tunai



Penebusan Tunai



3.1 Pelabur, Peniaga yang Menyertai, Pengurus dan Subkustodian

Apabila Pelabur-pelabur memilih untuk membuat permohonan untuk penciptaan atau penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Menyertai (pasaran utama) menggunakan kaedah yang dihuraikan dalam Bahagian 5.1.2(a) Prospektus, perkara 3.2, 3.3, 3.4 dan 3.5 di bawah perlu diberikan perhatian.

Maklumat terperinci mengenai Pengurus dan Subkustodian dan peranan dan tanggungjawabnya dihuraikan masing-masing dalam Bahagian 7.0 dan 9.0 Prospektus.

Pelabur-pelabur akan melantik Peniaga yang Menyertai sebagai ejennya (*wakil*) yang bertindak bagi pihaknya untuk berurusan dengan Pengurus (*subwakil*) dan Subkustodian untuk menguruskan dan menggunakan modal Pelabur-prelabur untuk dilaburkan dalam Dana yang diuruskan oleh Pengurus, yang sebagai balasannya, Pelabur-pelabur berpotensi memperoleh keuntungan daripada aktiviti-aktiviti pelaburan tersebut (“Pulangan Pelaburan”). Pulangan Pelaburan ini dianggap sebagai keuntungan yang menjadi hak milik penuh prinsipal (*Muwakkil*) selepas menolak yuran (Ujrah) kepada ejen-ejen dilantik (*Wakil* dan *Subwakil*). Ini adalah selaras dengan AAOIFI 1439 A.H – 2017 A.D. Standard Syariah No. (46): Al-Wakalah bi Al Istithmar (Agensi Pelaburan), muka surat 1122, Artikel 6/3 Agensi Pelaburan yang menyatakan bahawa:

"Keseluruhan keuntungan adalah hak prinsipal kecuali jika dinyatakan bahawa ejen akan berhak ke atas semua atau sebahagian daripada apa-apa lebihan daripada keuntungan dijangka di atas sebagai insentif prestasi di samping yuran tetapnya".

Pelantikan Peniaga yang Menyertai dan Pengurus sebagai ejen akan didasarkan pada prinsip Syariah Wakalah bi Al Istithmar (kontrak agensi pelaburan), yang kontrak wakalah akan dimeterai untuk tujuan pelaburan (wakalah bi al-istithmar) (Rujuk Bank Negara Malaysia, Dokumen Dasar berhubung Wakalah, G 20.1, muka surat 9).

Dana yang diuruskan oleh Pengurus, yang menjadi bidang subjek kontrak Wakalah bi Al Istithmar adalah dana patuh Syariah. Ini adalah sejajar dengan keperluan Syariah bagi kontrak Wakalah yang bidang subjek mesti patuh Syariah (Rujuk Bank Negara Malaysia, Dokumen Dasar berhubung Wakalah, S13.1 muka surat 5).

Wakalah bermaksud kontrak yang satu pihak, sebagai prinsipal (*Muwakkil*) memberikan kuasa kepada pihak lain sebagai ejenya (*Wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu, berhubung perkara-perkara yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan yuran.

3.2 **Penciptaan/Penebusan Unit**

Penciptaan Unit
Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau untuk akaun pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon untuk Penciptaan *In-Kind* Unit-unit baharu melalui penyerahan *In-Kind Creation Basket* atau Penciptaan Tunai Unit-unit baharu melalui penyerahan Jumlah Langganan.

Penebusan Unit
Peniaga yang Menyertai (sama ada untuk akaunnya sendiri atau untuk akaun pelabur sebagai pelanggannya) boleh memohon untuk Penebusan *In-Kind* Unit-unit melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk *In-Kind Redemption Basket* atau Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran untuk Jumlah Penebusan.

Dana akan mewakili unit kepentingan benefisial pecahan yang tidak dibahagikan dalam dan pemilikan Dana yang terdiri daripada Bitcoin dan tunai. Pecahan Unit-unit Dana yang mewakili bilangan setara Bitcoin yang dimiliki oleh Pemegang Unit akan dipegang oleh Subkustodian, atas Dasar Diuntukkan sepenuhnya.

3.3 **Urus Niaga Penciptaan dan Penebusan Unit**

Penciptaan *In-Kind*
Dalam Penciptaan *In-Kind*, Pelabur menyerahkan permohonan kepada Peniaga yang Menyertai untuk Penciptaan *In-Kind,* iaitu balasan Bitcoin untuk penciptaan Unit-unit. Peniaga yang Menyertai akan, bagi pihak Pelabur, menyerahkan permohonan penciptaan kepada Pengurus (sk Pemegang Amanah). Pengurus kemudiannya akan mengesahkan dengan Pelabur bilangan Bitcoin yang digunakan untuk Penciptaan *In-Kind* dan Pelabur mengesahkan Jumlah Langganan sebenar.

Pengurus seterusnya akan memaklumkan Pemegang Amanah mengenai Penciptaan *In-Kind* dan Peniaga yang Menyertai mengenai Jumlah Langganan bersama dengan Yuran Permohonan, Kos Urus Niaga dan caj lain yang perlu dibayar.

Pelabur kemudian akan menyerahkan Bitcoin kepada Subkustodian yang menjaga Akaun Diuntukkan Dana dan Pengurus akan memaklumkan Pemegang Amanah mengenai penyerahan tersebut. Pemegang Amanah akan mengeluarkan laporan yang mengesahkan penerimaan Bitcoin dan mengkreditkan Unit-unit baharu ke dalam akaun CDS Peniaga yang Menyertai. Peniaga yang Menyertai kemudiannya akan mengkreditkan Unit-tunit baharu ke dalam akaun CDS Pelabur.

Penciptaan Tunai

Aliran proses Penciptaan Tunai adalah serupa seperti Penciptaan *In-Kind,* kecuali bahawa Pelabur tidak dikehendaki menyerahkan Bitcoin, tetapi Pelabur akan menyerahkan tunai yang Pengurus akan gunakan untuk membeli Bitcoin daripada rakan dagangan atas dasar pelaksanaan terbaik.

Rakan dagangan tersebut kemudiannya akan menyerahkan Bitcoin yang dibeli kepada Subkustodian, yang menjaga Akaun Diuntukkan Dana, dan Pengurus akan memaklumkan Pemegang Amanah mengenai penyerahan tersebut. Pemegang Amanah akan mengeluarkan laporan mengesahkan penerimaan Bitcoin dan mengkreditkan Unit-unit baharu ke dalam akaun CDS Peniaga yang Menyertai. Peniaga yang Menyertai kemudiannya akan mengkreditkan Unit-unit baharu itu ke dalam akaun CDS Pelabur.

Dagangan ini dimuktamadkan pada T+2, yang pemilikan konstruktif direalisasi dengan memperuntukkan Bitcoin ke dalam Akaun Diuntukkan Dana. Penerbitan Unit berlaku dalam satu (1) Hari Perniagaan sebaik sahaja selepas pembelian Bitcoin dan pembayaran diselesaikan.

Penebusan *In-Kind*/Tunai

Begitu juga, penebusan Unit-unit melalui Penebusan *In-Kind* atau Penebusan Tunai oleh Pemegang-pemegang Unit melalui Peniaga yang Menyertai akan disempurnakan dalam cara yang sama, iaitu penyerahan Unit-unit yang akan ditebus oleh Pemegang-pemegang Unit dan serahan konstruktif Bitcoin untuk Unit-unit tersebut dan selepas itu, penerimaan tunai atau Bitcoin oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak Pemegang Unit akan juga disempurnakan dalam dua (2) hari Perniagaan sebaik sahaja selepas Tarikh Dagangan.

Apabila pelabur melabur dalam Dana, Pengurus akan bagi pihak Pelabur mematuhi strategi pelaburan Dana yang Pengurus akan melaburkan minimum 95% daripada NAV Dana dalam Bitcoin semerta fizikal bagi mencapai objektif Dana. Untuk tujuan kecairan, baki selebihnya NAV Dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam, deposit Islam dan/atau unit-unit atau syer-syer dalam skim pelaburan kolektif Islam.

3.4 Dagangan Unit di Pasaran Sekunder

Unit-unit Dana boleh dibeli dan dijual di Bursa Securities sepanjang hari dagangan sebagaimana saham dagangan awam lain. Unit-unit pada amnya dibeli dan dijual dalam “lot niaga” 100 Unit. Walau bagaimanapun, firma pembrokeran mungkin membenarkan pelabur membeli atau menjual Unit-unit dalam “lot ganjil” yang lebih kecil, walaupun harga Unit-unit yang didagangkan dalam “lot ganjil” mungkin berbeza daripada Unit-unit yang dibeli dan dijual dalam “lot niaga”.

Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa urus niaga dalam pasaran sekunder di Bursa Securities akan dilaksanakan pada pada harga pasaran sebutan yang mungkin berbeza daripada NAV per Unit harian disebabkan permintaan dan penawaran pasaran, kecairan dan tebaran dagangan untuk Unit-unit dalam pasaran sekunder. Akibatnya, harga pasaran Unit-unit dalam pasaran sekunder mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada NAV per Unit harian.

Dagangan Unit-unit yang mewakili jumlah setara Bitcoin fizikal dalam kuantiti khusus dalam pasaran sekunder akan dilaksanakan secara tunai dan dasar semerta dan tidak akan mempunyai sebarang unsur penangguhan sama ada dalam pembayaran atau penyerahan Bitcoin.

Sistem dagangan dan penyelesaian semasa bagi bursa saham menyokong urus niaga semerta, walaupun penyelesaian hanya dibuat pada T+2 hari. Pada peringkat broker, apabila perintah telah dilaksanakan (hari T), jumlah wang dalam akaun pembeli akan dipindah keluar untuk pembayaran kepada penjual dan dengan itu pembeli tidak lagi mempunyai hak ke atas jumlah wang tersebut. Selepas itu, bilangan unit atau syer akan dipindahkan ke dalam akaun pembeli. Pada hari T, pembeli mempunyai pemilikan penuh, yang menyebabkan beliau memiliki semua hak dan liabiliti yang berkait dengan unit-

unit atau syer-syer tersebut. Berdasarkan amalan pasaran semasa, peraturan bursa yang boleh dilaksanakan, dan pemindahan hak dan liabiliti yang berkait dengan unit-unit atau syer-syer dari hari T, pembeli dianggap menanggung risiko dan manfaat pemilikan dari tarikh pelaksanaan. Oleh sebab itu, dari sudut Syariah, pengaturan ini pada amnya dianggap membentuk pemilikan konstruktif (qabd ḥukmī), walau apa pun kitar penyelesaian tertangguh.

3.5 **Penggantian Bitcoin dengan Tunai**

Penggantian Bitcoin dengan tunai selaras dengan Permohonan Penebusan untuk Penebusan *In-Kind.*:

- Berikutan Permohonan Penebusan oleh Peniaga yang Menyertai;

  (a) jika Pengurus menentukan menurut budi bicaranya bahawa Bitcoin berkemungkinan tidak tersedia untuk penyerahan atau tersedia dalam kuantiti yang tidak mencukupi untuk penyerahan kepada Peniaga yang Menyertai; atau
  (b) jika Pengurus berpuas hati bahawa pelabur (apabila penebusan dilaksanakan oleh Peniaga yang Menyertai bagi pihak pelanggan sebenarnya) dan/atau Peniaga yang Menyertai **(**apabila Peniaga yang Menyertai menebus Unit-unit untuk akaunnya sendiri) dihalang oleh peraturan atau selainnya daripada melabur atau terlibat dalam urus niaga yang melibatkan Bitcoin,

maka Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, boleh menggantikan Bitcoin yang membentuk *In-Kind Redemption Basket* dengan tunai.

- Jika Pengurus melaksanakan budi bicaranya selaras dengan perkara yang dinyatakan di atas, tunai sebagai ganti jumlah mesti sama dengan nilai pasaran Bitcoin yang digantikan pada Titik Penilaian untuk Tarikh Dagangan berkaitan dan akan membentuk sebahagian daripada Komponen Tunai (jika ada). Bitcoin yang digantikan ini tidak akan dianggap sebagai sebahagian daripada *In-Kind Redemption Basket.*

- Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, berhak untuk mengenakan caj kepada Peniaga yang Menyertai (yang tunai dibayar sebagai ganti menyerahkan mana-mana Bitcoin), di samping Kos Urus Niaga, yuran-yuran lain yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan penebusan Unit-unit dan/atau Permohonan Penebusan.

3.6 **Penjagaan Bitcoin**

Pemegang Amanah telah melantik BitGo Bank & Trust, National Association (“BitGo” dan “Subkustodian”) sebagai penjaga aset digital patuh Syariah milik Dana. BitGo Bank & Trust, National Association (“BitGo”) ialah bank amanah nasional yang dilesenkan di bawah undang-undang kerajaan untuk aset-aset digital yang menawarkan perkhidmatan infrastruktur aset digital yang disesuaikan khusus untuk pelabur-pelabur institusi dan perniagaan-perniagaan mata wang digital kripto. Syarikat ini ditubuhkan pada 2013 dan beribu pejabat di Sioux Falls, SD. Sebahagian besar aset digital Dana akan disimpan oleh Subkustodian di bawah perwakilan kuasa daripada Pemegang Amanah pada sepanjang masa. Aset Digital Dana dipegang dalam akaun aset khas yang diasingkan yang diselenggara oleh Subkustodian dan diasingkan dengan ketat daripada aset proprietari Pemegang Amanah, Pengurus, Subkustodian dan mana-mana daripada pelanggan mereka. Akaun aset digital ini dilindungi melalui gabungan seni bina dompet berbilang tanda tangan, pengesahan berbilang faktor, kawalan capaian berasaskan peranan dan pengasingan kunci peribadi. Kunci peribadi juga mempunyai salinan sandaran dan disimpan dalam bilik kebal merentasi berbilang lokasi dengan lapisan keselamatan fizikal, kriptografi dan bidang kuasa.

Aset digital dana tidak dicampuradukkan dengan aset digital lain yang dipegang oleh Pemegang Amanah dan tidak didepositkan atau dipegang dengan mana-mana depositori, kustodian atau dompet pihak ketiga. Aset digital dibiarkan di platform dagangan hanya selama yang diperlukan untuk melaksanakan urus niaga. Apabila tidak merancang secara aktif untuk berdagang, aset digital dipjndahkan ke dalam penjagaan selamat dengan serta-merta selepas itu.

Untuk mengelakkan keraguan, BitGo Bank & Trust National Association ialah syarikat subsidiari BitGo Group yang Amanie pernah luluskan sebelum ini sebagai penjaga bagi aset digital patuh Syariah untuk Halogen Capital Sdn Bhd.

4. Garis Panduan Pelaburan Syariah

Dana akan mematuhi garis panduan pelaburan Syariah berikut, yang Pengurus mesti patuhi dengan ketat secara berterusan. Pada sepanjang masa, Dana akan melabur dalam instrumen pelaburan yang dibenarkan oleh prinsip Syariah dan tidak akan melabur dalam instrumen yang dilarang oleh prinsip Syariah berdasarkan parameter-parameter terpakai Majlis Penasihat Syariah ("SAC"), lembaga penasihat Syariah berkaitan dan Penasihat Syariah.

Dalam penstrukturan dan pengurusan Dana, prinsip Istishāb (andaian kesinambungan) diguna pakai, yang pelaburan yang telah dikaji dengan sewajarnya dan diluluskan sebagai patuh Syariah pada masa pemerolehan dianggap akan kekal patuh Syariah kecuali dan sehingga terdapat bukti jelas dan dipercayai yang menunjukkan sebaliknya. Prinsip ini menyokong operasi praktikal Dana di samping kekal konsisten dengan petua Syariah bahawa keyakinan tidak hilang dengan syak.

Instrumen Dibenarkan

Kecuali jika dilarang oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan atau mana-mana undang-undang berkaitan dan dengan syarat sentiasa bahawa tidak ada percanggahan dengan objektif pelaburan Dana, maka Danoleh boleh melabur dalam yang berikut:

a. Bitcoin
Dana akan melabur dalam Bitcoin yang didagangkan di DAX yang berdaftar dengan SC dan/atau platform dagangan lain di luar Malaysia yang diterima oleh Penasihat Syariah. Bitcoin ini terdapat dalam aset patuh Syariah diluluskan yang disenaraikan di "List of Tradeable Digital Assets on Regulated Exchanges in Malaysia and the Shariah Status" oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia (Rujuk https://www.sc.com.my/digital-assets).

Status Bitcoin diiktiraf sebagai mal dari sudut Syariah. Ini adalah sejajar dengan Resolusi Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SAC bagi SC") berhubung aset digital dari sudut Syariah seperti berikut:

Mata Wang Digital
Mata wang digital diiktiraf sebagai mal dari sudut Syariah. SAC telah mengkaji mata wang digital berdasarkan dua skop, seperti berikut:

(1) Mata wang digital yang didasarkan pada teknologi tanpa sebarang pendasar.

Mata wang digital dalam bentuk ini dikategorikan sebagai '*urudh* dan ia bukan mata wang dari sudut Syariah. Mata wang digital ini tidak dikategorikan sebagai item *ribawi.* Oleh itu, dagangan mata wang digital ini tidak tertakluk kepada prinsip *bai' al-sarf* (pertukaran mata wang).

(2) Mata wang digital yang disokong oleh item *ribawi*

i. Mata wang digital yang disokong oleh emas, perak dan mata wang
Jika mata wang digital disokong oleh item *ribawi* yang terdiri daripada emas, perak dan mata wang, ia dikategorikan sebagai mata wang dari sudut Syariah. Dengan itu, dagangan mata wang digital ini adalah tertakluk kepada prinsip *bai' al-sarf.*

ii. Mata wang digital yang disokong oleh item *ribawi* selain emas, perak dan mata wang
Jika mata wang digital disokong oleh item *ribawi* selain emas, perak dan mata wang, ia dikategorikan sebagai *amwal ribawiyyah* (item *ribawi*).

Resolusi ini tidak terpakai kepada mana-mana Aset Digital yang di luar bidang kuasa SC.

SC juga telah memutuskan bahawa pelaburan dan dagangan Aset Digital yang memenuhi keperluan di atas dan yang didagangkan di Bursa Aset Digital (DAX) yang berdaftar dengan SC adalah dibenarkan. (Rujuk Resolusi SAC bagi SC, 2023, muka surat 183-184)

b. Instrumen pasaran wang Islam
Dana akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam yang diluluskan oleh SAC Bank Negara Malaysia ("BNM") dan/atau Penasihat Syariah. Penasihat Syariah akan mengkaji semula mana-mana instrumen pasaran wang Islam yang Dana akan melabur dalamnya dengan menggunakan data yang tersedia di:

● Bursa Maklumat Bon dan Sukuk ("BIX") (www.bixmalaysia.com); dan
● Sistem Automatik untuk Terbitan/Tender (FAST") (www.fast.bnm.gov.my).

Untuk pelaburan dalam pasaran asing, instrumen pasaran wang Islam yang disahkan oleh penasihat atau jawatankuasa Syariah lain mesti diluluskan oleh Penasihat Syariah selepas mengkaji dokumen berkaitan, seperti terma-terma dan syarat-syarat penting dan persiytiharan atau kelulusan Syariah.

c. Deposit Islam
Deposit Islam akan diletakkan dengan insitusi-institusi kewangan yang memperoleh lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan/atau Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang mana yang bersesuaian. Untuk mengelakkan keraguan, hanya akaun Islam dibenarkan untuk peletakan deposit dengan institusi-institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Dana juga dilarang daripada melabur dalam deposit berfaedah dan mengiktiraf mana-mana pendapatan faedah.

d. Skim pelaburan Islam kolektif
Dana akan melabur dalam skim pelaburan kolektif Islam yang dikawal selia dan berdaftar atau dibenarkan atau diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan dalam bidang kuasa tempat asal.

Instrumen-instrumen dibenarkan ini adalah selaras dengan Perenggan 31.01 Pelaburan Dibenarkan untuk ETF Islam dalam Garis Panduan Produk dan Perkhidmatan Pasaran Modal Islam yang mesti patuh Syariah.

Proses Pembersihan untuk Dana

a. Pelaburan tidak patuh Syariah

Ini merujuk kepada pelaburan tidak patuh Syariah yang dibuat oleh Pengurus, jika terpakai, Pelaburan ini akan dilupuskan atau ditarik balik dengan serta-merta dalam dalam tempoh sebulan daripada mengetahui status pelaburan. Sekiranya pelaburan ini memberikan laba (melalui laba modal dan/atau dividen dan/atau faedah) yang diterima sebelum atau selepas pelupusan pelaburan, laba itu mesti disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan lain sebgaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Dana hanya berhak untuk menyimpan kos pelaburan. Jika pelupusan pelaburan menyebabkan kerugian kepada Dana, kerugian itu akan ditanggung oleh Pengurus.

b. Pengelasan semula status Syariah Pelaburan Dana

Apabila Dana melabur dalam pelaburan-pelaburan dibenarkan yang dahulunya dikelaskan patuh Syariah yang kemudiannya ditentukan, dianggap atau disifatkan tidak patuh Syariah disebabkan fatwa/keputusan baharu atau yang tidak diketahui dahulunya dan/atau atas nasihat daripada Penasihat Syariah, jika pada

tarikh pelaburan-pelaburan dibenarkan itu bertukar menjadi tidak patuh Syariah, harga pasaran setiap satu pelaburan dibenarkan yang tidak patuh Syariah itu melebihi atau sama dengan kos pelaburan, maka Dana yang memegang pelaburan-pelaburan dibenarkan yang tidak patuh Syariah itu mesti melupuskannya. Apa-apa dividen atau keuntungan yang diterima sehingga tarikh perubahan dalam status patuh Syariah dan laba modal yang diperoleh daripada pelupusan pelaburan-pelaburan dibenarkan pada tarikh perubahan dalam status patuh Syariah boleh disimpan oleh Dana. Walau bagaimanapun, apa-apa dividen atau keuntungan yang diterima dan laba modal lebihan daripada pelupusan pelaburan-pelaburan tidak patuh Syariah selepas tarikh pelaburan-pelaburan dibenarkan itu bertukar menjadi tidak patuh Syariah mesti disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah.

Pembayaran Zakat
Ini merujuk kepada pembersihan melalui pembayaran Zakat oleh orang Islam. Dana tidak membayar Zakat bagi pihak Pemegang-pemegang Unit Islam. Oleh itu, Pemegang-pemegang Unit Islam dinasihatkan supaya membayar Zakat mereka sendiri.

Kajian Semula Syariah
Pada akhir setiap suku tahun, Penasihat Syariah akan mengkaji semula Dana bagi memastikan bahawa prosedur operasi dan pelaburan Dana mematuhi prinsip Syariah. Selepas melengkapkan setiap kajian semula, Penasihat Syariah akan memberikan pendapatnya tentang kepatuhan Dana kepada Garis Panduan Pelaburan Syariah.

Portfolio pelaburan Dana terdiri daripada instrumen yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC dan/atau, apabila terpakai, oleh SAC BNM. Untuk instrumen yang tidak dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC dan/atau, apabila terpakai, oleh SAC BNM, instrumen tersebut akan ditentukan selaras dengan keputusan Penasihat Syariah.

Kajian semula Syariah ini adalah selaras dengan Perenggan 11(d) Jadual A Garis Panduan Dana Dagangan Bursa seperti berikut:

"11. Apabila penasihat Syariah dilantik, maklumat berikut mesi didedahkan:

(c) kekerapan kajian semula pelaburan ETF oleh penasihat Syariah untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip Syariah atau prinsip berkaitan lain pada sepanjang masa."

5.0 KELULUSAN

Pengesahan Syariah yang diberikan di sini diberikan selepas kami meneliti struktur Dana, terma dan syarat and perkara yang dinyatakan di atas. Dengan itu, selepas mengkaji struktur dan mekanisme sebagaimana yang didokumenkan di atas dan pertimbangan-pertimbangan Syariah yang terkandung dalamnya, kami mengesahkan bahawa struktur dan mekanisme Dana mematuhi prinsip Syariah dan dibenarkan oleh Syariah, tertakluk kepada pelaksanaan wajar Dokumen Urusan.

Yang Benar

Dr Shamsiah Binti Mohammad Tarikh: 7 September 2026
Amanie Advisors Sdn. Bhd.